

**Jilid I
Bil. 5**



**Hari Isnin
11hb November, 1974**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 365]**

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 377]**

Waktu Mesyuarat—Perubahan [Ruangan 377]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 378]

**Ucapan Terima Kasih kepada D Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 378]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 11hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Beram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).

- Yang Berhormat TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Desa, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYUNG (Lubuk Sugut).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR HEE TIAN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAPURAN HARUN—PENGUMUMAN

1. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Lapuran Harun yang terakhir akan dicetak, diumumkan dan dijual kepada orang ramai, dan samada beliau sedar bahawa pihak kakitangan tidak akan menerima lapuran itu sehingga mereka telah meneliti dengan mendalam lapuran itu.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sudah termaklum, melalui kenyataan-kenyataan akhbar bahawa Lapuran Akhir Suruhanjaya Gaji Harun mengenai Kuasa-kuasa Tempatan (Local Authority), telahpun dikeluarkan pada 15hb Julai, 1974. Lapuran Akhirnya mengenai Badan-badan Berkanun (Statutory Authorities) pula telah dikeluarkan pada 31hb Oktober, 1974. Setakat ini, Lapuran-lapuran Suruhanjaya Gaji Harun telah diedarkan kepada pihak-pihak berkenaan termasuk Pihak Pekerja, Majlis Bersama Kebangsaan bagi Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan serta lain-lain Kesatuan Sekerja yang tidak bergabung dengannya bagi maksud kajian dan ulasan mereka. Tindakan telah diambil untuk mencetak Lapuran-lapuran itu, untuk di-umumkan dan dijual kepada orang ramai.

Sayugia dimaklumkan bahawa melalui Sidang Akbar pada 4hb Oktober, 1974, Kerajaan telah mengumumkan Keputusan menerima Lapuran-lapuran Suruhanjaya Gaji Harun serta pindaan-pindaannya berkenaan gaji, elaun dan pencen dengan sepenuhnya. Tarikh Pelaksanaannya bermula pada 1hb Mei, 1969 bagi pekerja-pekerja dalam Bahagian IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar (I.M.G.), dan dari 1hb Januari, 1970 bagi Kumpulan pekerja-pekerja yang lain. Ketika melaksanakan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun ini, tiap-tiap pekerja akan diberi pilihan sendiri. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada tiap-tiap pekerja samada hendak memilih

gaji, elaun dan pencen seperti yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Harun itu, atau terus kekal atau gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu berapa lamakah masa Kerajaan akan beri kepada Kesatuan Sekerja sebelum mereka mengambil keputusan terhadap cadangan-cadangan atau syur-syur Lapuran Harun?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi tentulah pekerja-pekerja akan membuat pilihannya sendiri dan tentulah bila hendak membuat pemilihan sendiri mereka itu mesti mengetahui butir-butir yang sepenuhnya yang ada terkandung di dalam Lapuran itu. Sebagaimana saya terangkan iaitu Lapuran ini akan dicetak; dan sedang dicetak dan bila siap Lapuran ini akan dijual dan disampaikan kepada golongan-golongan dan orang-orang yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Menteri yang berkenaan menyatakan tadi pelaksanaan Lapuran Harun untuk I.M.G. atau Division IV akan dimulai daripada 1hb Mei, 1969, dan kepada pekerja-pekerja lain seperti Division III, II dan I pelaksanaannya akan dimulakan daripada 1hb Januari, 1970. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara kedua pihak pekerja ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, tentulah Ahli Yang Berhormat itu mengetahui iaitu tarikh-tarikh pelaksanaan ini hendak disesuaikan dengan pelaksanaan Lapuran Suffian.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar pada masa sekarang pun ada beberapa kesatuan sekerja semua membantah tentang kelewatan Lapuran Harun. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan selepas Kesatuan Sekerja mengkaji Lapuran itu dan telah mengambil keputusan atau memilih apa sekim yang mereka berkehendakkan, Kerajaan tidak membuang masa lagi implimentasikan Lapuran itu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu Kerajaan hendak melaksanakan perakuan-perakuan dalam Lapuran

Harun itu seberapa lekas yang boleh. Inilah yang saya terangkan tadi iaitu lapuran-lapuran ini sedang dicetak dan selepas dicetak akan disampaikan kepada ahli-ahli yang berkenaan dan akan diselidiki oleh mereka itu dan memberi keputusannya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan kalau sekiranya ada beberapa anomalies tentang lapuran ini seperti yang timbul dalam Lapuran Suffian, Kerajaan akan menimbangkan anomalies ini supaya pekerja-pekerja jangan rugi?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ada anomaly (sudah tentu barangkali ada anomalies), tentulah Kerajaan memutuskan iaitu pihak-pihak pekerja (union) akan diberi tempoh sebulan mengemukakan anomalies yang didapati olehnya bagi melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya Harun itu supaya dipertimbangkan oleh National Joint Council on Statutory Authorities dan Local Authorities.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan akan menubuhkan satu commission yang baharu untuk mempersamakan atau harmonize Lapuran Harun dengan lain-lain lapuran seperti Lapuran Suffian, Lapuran Aziz dan lain-lain, dan akan ditarik balik pelaksanaan Lapuran Harun?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini tidak bersangkut-paut dengan pertanyaan yang asal.

DATUK HARUN IDRIS— TUDUHAN RASUAH

2. **Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan samada siasatan ke atas tuduhan rasuah terhadap Datuk Harun Idris telah selesai, jika ya, apakah keputusan siasatan itu.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, siasatan masih berjalan dan belum selesai.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana hendak bertanya soalan tambahan, sebab ianya sedang dijalankan siasatan.

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah ditimbulkan sudah lama. Apa yang saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan ialah berapa lama lagikah Biro Siasatan Negara akan mengambil supaya siasatan itu boleh ditamatkan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya benarkan; kalau Menteri hendak menjawab.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini sukar, maka terpaksa mengambil masa yang lama dan siasatan mesti dijalankan dengan teliti.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masih dalam siasatan lagi, tidak boleh ditanya apa-apa lagi.

MENTERI BESAR SELANGOR— SIASATAN BIRO SIATAN NEGARA

3. **Tuan Ngan Siong Hing** minta Perdana Menteri menyatakan samada Biro Siasatan Negara telah selesai dalam penyiasatannya mengenai kes yang melibatkan \$60 juta oleh Menteri Besar Selangor.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, siasatan masih berjalan dan belum selesai.

RANCANGAN KHIDMAT NEGARA

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan keputusan pengkajian Jawatankuasa Kabinet mengenai perkhidmatan negara bagi rakyat Malaysia; dan samada beliau akan mengumumkan lapuran itu kepada Parlimen dan juga niat Kerajaan dalam perkara ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, satu lapuran penuh telah disiapkan oleh Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji tentang

Rancangan Khidmat Negara bagi rakyat Malaysia. Butir dan pendapat-pendapat lapuran itu sedang dikaji oleh Kerajaan. Satu kenyataan berkenaan hal ini akan dibuatkan pada satu masa yang sesuai kelak.

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan minyak tanah di banyak tempat di negara kita dan jika ya apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin bekalan minyak tanah yang cukup setiap masa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bekalan minyak tanah di negara ini adalah mencukupi. “Kekurangan” yang dikatakan berlaku itu adalah suatu ciri kekurangan bermusim, yakni “kekurangan” itu berlaku pada musim-musim yang tertentu apabila permintaan melebihi bekalan, yang disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya seperti yang berikut:

- (i) Pada musim-musim perayaan penggunaan minyak tanah melebihi daripada biasa.
- (ii) Pada musim menuai, petani-petani, terutama di kawasan Utara, menuai padi pada waktu malam apabila cuaca baik, mereka berbuat demikian dengan menggunakan lampu-lampu minyak.
- (iii) Suri-suri rumahtangga yang dahulunya menggunakan dapur gas, telah bertukar mengguna dapur minyak tanah disebabkan kenaikan harga gas.

Oleh yang demikian, permintaan yang bertukar corak pada masa tertentu inilah yang menyebabkan “kekurangan”. Ini bukanlah kekurangan, tetapi bekalan yang ada di sesuatu tempat pada sesuatu masa adalah terhad dan apabila permintaan meningkat, maka minyak tidak dapat dibekalkan.

Untuk menjamin bekalan minyak tanah yang cukup, syarikat-syarikat minyak telah pun diarah untuk membekal dengan segera ke mana-mana kawasan yang dikatakan berlaku “kekurangan” itu.

KERAKYATAN 300,000 ORANG CHINA

6. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan permulaan perhubungan diplomatik dengan Negeri China samada:

- (a) Kerajaan bertujuan hendak mengendor-kan undang-undang kerakyatan untuk membenarkan 300,000 orang China yang bukan warganegara menjadi warganegara Malaysia;
- (b) Kerajaan bertujuan hendak mengendor-kan Undang-undang Buruh supaya orang-orang China yang bukan warga-negara dapat permit kerja; dan
- (c) Kerajaan akan membenarkan per-jalanan bebas ke Negeri China.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya takjub dengan soalan ini seolah-olah perhubungan negara kita dengan Republik Rakyat China meletakkan orang-orang berasal China di negara kita di satu tempat yang istimewa di sisi Perlembagaan dan undang-undang. Inilah sebabnya yang saya pernah katakan dahulu Opposition begini yang dikatakan tidak sihat kerana berbau perkauman.

- (a) Tentang soalan (a) saya minta Yang Berhormat semak jawapan yang saya beri pada 7-11-74.
- (b) Saya menegaskan bahawa Undang-undang Buruh mengenai permit kerja adalah meliputi semua pekerja-pekerja yang berkaitan, tidak mengira asal keturunan mereka dan Kerajaan tidak pula berhajat mengadakan “dasar pilihkasih”.
- (c) Jawapan kepada soalan yang se-umpama ini telah diberi dalam Dewan ini pada 6-11-74.

KERAKYATAN—SYARAT KELAYAKAN

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertimbang-rasa dan bermurah hati kepada orang-orang yang tidak mempunyai negeri yang telah memohon taraf kewarganegaraan memandangkan kepada sumbangan mereka terhadap kemajuan dan pembangunan negara, dan dalam banyak hal mencurahkan titik-peluh seumur hidupnya, malahan juga negara kita memerlukan orang-orang yang mempunyai kemahiran dan pengalaman.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya soal ini kurang adil dan tidak patut dibuat sama sekali kerana "loaded" kata bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia baunya busuk. Apabila diteliti soal ini kita akan dapat pengertian bahawa Kerajaan mestilah memilih kasih kepada satu kategori atau golongan tertentu dan untuk melaksanakan pilihkasih ini, maka syarat kelayakan rakyatnya hendaklah pula diubah dalam perlembagaan dan undang-undang. Syarat-syarat yang dimaksudkan dalam soal ini yang membolehkan seseorang itu menjadi warganegara ialah:

- (a) orang yang sudah "mencurahkan titik-peluh seumur hidupnya" terhadap Kerajaan dan pembangunan negara;
- (b) orang yang mempunyai "kemahiran dan pengalaman" kerana negara memerlukan.

Sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak dapat dilayan, kerana bercanggah dengan Akta Hasutan yang sudah menentukan bahawa soal syarat dan lain-lain mengenai kewarganegaraan tidak boleh diungkit-ungkit lagi. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, soal seumpama ini janganlah kita bawa lagi ke mari, kerana kalau kita tidak bawa ke mari, maka jauhlah satu jenis penyakit kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang sentiasa mengaku bahawa partinya adalah Opposition yang sihat.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini jika dijawab dengan tepat bercanggah dengan Rang Undang-undang Akta Hasutan.

PROJEK-PROJEK BANGUNAN KERAJAAN

8. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan projek-projek bangunan Kerajaan yang telah ditender tetapi terbengkalai atau terpaksa diberhentikan (pemborong-pemborong melarikan diri) sepanjang tahun 1973 dan 1974 kerana inflasi. Sila nyatakan dengan detail, keadaan projek yang terlibat dan jumlah wang yang terlibat dalam tiap-tiap projek.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan projek-projek bangunan kerajaan yang telah ditender tetapi terpaksa diberhentikan ialah 19 projek dalam tahun 1973 dan 12 projek dalam tahun 1974. Ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh keadaan inflasi bahkan ada beberapa faktor-faktor lain seperti:

- (1) Organisasi yang lemah syarikat-syarikat yang berkenaan.
- (2) Kewangan yang terhad serta kemudahan-kemudahan kredit yang lemah.
- (3) Perlibatan dalam kerja-kerja kontrak dan perniagaan yang lain yang mengakibatkan kebengkrapan.
- (4) Ketidapaupayaan untuk meneruskan projek-projek dengan kontrak yang ada oleh sebab-sebab kenaikan harga barang-barang binaan dan juga kesukaran dalam merikrut pekerja-pekerja yang berkelayakan.

Kontrak-kontrak bangunan Kerajaan yang telah diberhentikan oleh sebab-sebab di atas adalah seperti di bawah ini:

Nama Projek

1. Membina dan menyiapkan sebuah Ibusawat Talipon di Kota Shah Alam, Selangor.
2. Membina dan menyiapkan satu Blok Pejabat Kerajaan untuk Cawangan Khas di Jalan Padang Tembak, K.L.
3. Membina dan menyiapkan Expansion to M.S.S.R. Phase 11A & 111A, Melaka.
4. Additional Technical Accommodation, Pulada, Johor.
5. Bangunan Sekolah di Sekolah Kebangsaan, Kepala Batas, Bukit Tinggi, Kedah.
6. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, Sementa, Klang, Selangor.
7. Pindaan dan tambahan kepada Blok pentadbiran di Institut Teknologi Kebangsaan, Jalan Gurney, K.L.
8. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Ing.) Gajah Berang, Melaka.
9. Sekolah Menengah Dato Mohd. Said, Nilai, Seremban.
10. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, Benta, Kuala Lipis.
11. Sekolah Rendah Kebangsaan Merting, Tembeling, Jerantut, Pahang.

12. Blok Bilik Darjah dan lain-lain untuk Sekolah Rendah Kebangsaan Luboh Kulit, Kuala Lipis.
13. 3 unit Rumah Guru Kelas "G" bagi Sekolah Rendah Kebangsaan L.K.T.P. Kampung Sertik, Bentong, Pahang.
14. Padang Permainan dan pagar di Sekolah Menengah Rendah Kota Bharu.
15. Kantin, Padang Permainan di Sekolah Rendah (Jenis Kebangsaan Sultan Ismail I), Kota Bharu.
16. Sekolah Rendah Kebangsaan Sokor, Tanah Merah, Kelantan.
17. Sekolah Rendah Kebangsaan Pauh Lima, Bachok.
18. Sekolah Rendah Kebangsaan Tg. Jenera.
19. Tambahan (Extension) kpd. Padang di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Ing.) King George V (II) Ampangan, Seremban.

1974

1. Erection & completion of two blocks of 5-storey Class "G" Qrs. di Jalan Pudu, Kuala Lumpur.
2. Membina dan menyiapkan sebuah Ibu-sawat Talipon di Bukit Mertajam, Seberang Prai.
3. Membina dan menyiapkan satu (1) blok Pejabat Kerajaan (One Std. Office Block) untuk Ibupejabat, J.K.R., K.L.
4. Membina dan menyiapkan 10 unit Rumah Klas "F" di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
5. One Block Single Officers Living Accommodation, Mindef, K.L.
6. Klas "C" & "F" Flats, Sg. Besi, K.L.
7. E.M.E. Admin. Block, Batu Gerisen, Kuala Lumpur.
8. Sekolah Kebangsaan Simpang Ampat, Perlis.
9. Pejabat/Tandas, Kantin, Bangsal Basikal di Sekolah Kebangsaan Tok Kling, Kedah Utara.
10. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Port Dickson.
11. Sekolah Menengah Kebangsaan (Iaki-laki) Jalan Sikamat, Ampangan, Seremban.
12. Sekolah Menengah Rendah Jengka II (L.K.T.P.), Pahang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan Kementeriannya telah ambil atau akan ambil terhadap kontrektor-kontrektor atau pemborong-pemborong yang tidak menyiapkan kerjanya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, pemborong-pemborong ataupun kontrektor-kontrektor yang terlibat telah ditamatkan dan digantung daripada menjalankan sebarang tender yang lain daripada Pejabat J.K.R.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk menolong pemborong-pemborong tersebut supaya mereka boleh menyiapkan kerjanya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, soalan tambahan ini kurang berkaitan dengan soalan pokok itu.

PENGANGGURAN BEKAS PERAJURIT—DAPATKAN KERJA

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih daripada 10,000 bekas perajurit adalah menganggur dan tidak dapat mencari kerja yang berfaedah walaupun mereka masih lagi sihat dan dalam puncak kehidupan mereka; dan nyatakan samada Kerajaan merancang apa-apa rancangan khas untuk mengatasi masalah penganguran di kalangan bekas perajurit, dan jika ya, nyatakan butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memang sedar bahawa bekas perajurit yang masih menganggur. Lebih kurang 10,000 orang telah mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan. Kebanyakan mereka yang telah mendaftar itu bukanlah semuanya betul-betul menganggur. Ada yang sudah ada kerja sendiri, tetapi mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih "terjamin", iaitu bekerja dengan Kerajaan. Ada pula yang sudah berjaya memasuki rancangan tanah FELDA. Dan ada pula yang sudah berjaya mendapat pekerjaan melalui daya usaha mereka sendiri, tetapi telah tidak memberitahu Kementerian saya. Selain dari itu 4

daripada mereka yang telah mendaftar diri adalah berumur lebih dari 40 tahun dan dengan itu sukar mendapatkan pekerjaan bagi mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian telah berjaya mendapatkan pekerjaan untuk 2,005 orang dan selain dari itu seramai 2,226 orang pula telah memasuki rancangan tanah FELDA.

Sungguhpun demikian, pengganguran di kalangan bekas perajurit adalah satu masalaah yang perlu diatasi dan Kementerian saya memang ada rancangan untuk mengatasi masalaah ini. Bagi langkah pertama Kementerian saya telah menubuhkan beberapa pejabat pekerjaan, khas untuk menolong mencari pekerjaan bagi bekas-bekas perajurit di tiap-tiap Negeri. Pada masa ini pegawai-pegawai telah ditempatkan untuk tujuan ini di Butterworth bagi kawasan utara, di Kuantan bagi kawasan Pantai Timur, di Johor Bahru bagi kawasan selatan. Bagi kawasan Negeri Selangor dan Negri Sembilan tugas ini adalah dijalankan oleh Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Kementerian saya akan menambah bilangan pejabat pekerjaan ini jika diperlukan. Kementerian juga sedang berusaha mendapatkan kelulusan pihak yang berkuasa supaya syarat-syarat kemasukan kerja ke dalam jawatan-jawatan tertentu dalam Perkhidmatan Awam dilonggarkan lagi untuk bekas perajurit.

Bagi anggota-anggota tentera yang akan bersara atau berhenti dari perkhidmatan Kementerian telahpun menyediakan beberapa kursus seperti kursus teknikal, vokesyen pertanian dan perniagaan dan juga kursus penyesuaian sambil bekerja.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang menjalankan satu latihan khas untuk memberi kerakyatan kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah keturunan China dan India yang mempunyai kelayakan mastautin dan lain-lain kelayakan yang dikehendaki supaya mereka dapat menyatukan dengan penuhnya diri mereka ke dalam masyarakat Malaysia, dan dengan itu menamatkan masalaah tidak mempunyai negara sendiri di Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham dalam Bahasa Malaysianya berkenaan dengan perkataan "latihan khas" kerana kalau soal mengadakan latihan khas untuk memberi kerakyatan, ini saya rasa adalah tanggungjawab mereka yang mengutarakan soalan ini, dan silalah Yang Berhormat kalau dia utarakan soalan ini adakan latihan khas itu sendiri dari segi partinya atau peribadi. Tetapi sekiranya maksud latihan khas ini iaitu dalam bahasa Inggerisnya "Special Exercise" atau dalam Bahasa Malaysianya satu gerakan yang khas, saya menjawab, Tuan Yang di-Pertua, bahawa soalan ini adalah sama dengan soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Seremban yang meminta layanan istimewa kepada pemohon-pemohon kewarganegaraan dari satu atau dua kaum yang tertentu. Eloklah saya nyatakan di sini bahawa golongan pemohon yang besar di dalam soalan ini ialah mereka yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, dan tindakan yang sewajarnya terhadap mereka ini sedang diambil. Oleh yang demikian, tidaklah perlu diadakan satu gerakan khas kerana tindakan yang dibuat hanya terhadap kepada satu golongan sahaja; itu dengan sendirinya adalah satu gerakan khas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak menimbulkan soalan-soalan yang akan bercanggah dengan perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan yang disifatkan sebagai sensitif. Dalam Perlembagaan kalau saya tidak silap sungguhpun perkara-perkara itu tidak boleh disoalkan, tetapi implimantasi boleh dibangkitkan. Dari segi implimantasi saya akan kemukakan soalan tambahan. Oleh kerana dalam soalan saya, saya ada bertanya mengenai pemohon berkenaan Kad Pengenalan Merah yang mempunyai kelayakan mastautin dan yang lain-lain kelayakan yang dikehendaki dalam Perlembagaan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ketogari pemohon-pemohon itu sangat keciwa oleh kerana permohonan mereka memakan masa sangat panjang untuk mendapat jawapan keputusan daripada Menteriannya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa permohonan itu akan diproses dengan secepat mungkin?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal implimentasi ini sudah dijawab bertalu-talu di Dewan ini. Silalah lihat jawapan yang lepas, umpamanya, pada 27hb November, saya sudah jawab pertanyaan ini.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Stephen Yong Kuet Tze telah diluluskan.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Stephen Yong Kuet Tze telah diluluskan.

WAKTU MESYUARAT—PERUBAHAN

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini apabila tamat persidangannya hari ini akan bermesyuarat semula pada pukul 3.15 petang hari esok, 12hb November, 1974 dan bukan pada pukul 2.30 petang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini apabila tamat persidangannya hari ini akan bermesyuarat semula pada pukul 3.15 petang hari esok, 12hb November, 1974 dan bukan pada pukul 2.30 petang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbang Usul untuk membacakan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 kali yang kedua apabila ia mesyuarat semula pada pukul 3.15 petang hari esok, 12hb November, 1974.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbang Usul untuk membacakan Rang Undang-undang Perbekalan 1975 kali yang kedua apabila ia mesyuarat semula pada pukul 3.15 petang hari esok, 12hb November, 1974.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa satu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan

menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat," (8hb November, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya telah maklumkan pada Dewan pada hari Jumaat lepas sebelum kita tangguhkan mesyuarat bahawa pada hari ini akan diuntukkan lagi lebih kurang satu dua jam kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka hendak bercakap dalam perbahasan Usul yang dikemukakan ini. Jadi, sekarang ini saya akan benarkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap sehingga pukul 5.00 petang; selepas itu Yang Berhormat Menteri-menteri akan mulai menjawab. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat daripada Seremban menyambungkan ucapan beliau yang ada lagi bakinya lebih kurang 5 minit pada petang ini.

Perbahasan disambung semula.

3.08 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, many a time we hear a Minister boasting that Malaysia has one of the highest *per capita* incomes in Asia but the Honourable Member for Padawan, in his Motion of Thanks, stated that in Sarawak rural poverty has to be seen to be believed. Poverty is not only plainly evident in Sarawak but also quite apparent in Peninsular Malaysia—in rural, urban and new village areas. This implies that there is a gross inequitable distribution of wealth despite the many Five-Year Plans and the New Economic Policy. The gap between the "haves" and the "have-nots" has been widened. In urban areas and in new villages the poor are even in worse plight—jobs are scarce or low-paying, low-cost housing is negligible, the provision of social amenities are sub-standard and inadequate.

The New Economic Policy has succeeded in creating an elite class of rich Malay capitalists and businessmen but the mass of Malays in the kampungs and the urban areas are still living in very poor conditions. There is growing dissent among the poor Malays. For example, in Trengganu, the Partai Sosialis Rakyat Malaysia did quite well, although it did not win a seat. Figures for the Parliamentary seats in Trengganu show that

36,894 voted for the Partai Sosialis Rakyat Malaysia as against 70,911 for the Barisan Nasional.

I would like to see some changes in the Government's policies. Land reforms are needed so that only genuine landless are given land, whether they be Malays, Chinese, or Indians. The practice of giving large blocks of land to individuals or companies has to be stopped. New land schemes should be run on a commune basis, so that participants obtain maximum benefits without the interference of the middlemen and the avariciousness of the landlords. Industries, factories and corporations should be State-owned or run on a co-operative basis with the profits shared by the workers or the State instead of entering the pockets of tycoons.

Tuan Yang di-Pertua, in a multi-racial society it is essential to be tolerant and liberal to the practices of the various cultures.

It is regretted that permission to set-up the Merdeka College has been refused and Malaysians with Nanyang and Taiwan degrees are still denied of their rightful recognition. The cultural and educational approach of the Government will have to be modified because it is in the national interest to do so. It is also in the national interest to recognise Nanyang and Taiwan degrees because of the manpower shortage, especially skilled manpower. Malaysians with these degrees can contribute significantly to the growth and development of this country. It is in the national interest to grant permission to the sponsors who intend to run a polytechnic type of college because it is Malaysian orientated and also because there is an acute shortage of such colleges.

Mr Speaker, Sir, the Barisan Nasional claims to work for a just society. To achieve a more just and fair society, the Government must look after the interests of all Malaysians. True, the Barisan has come in with a huge majority and on the surface it may indicate an endorsement of its present policies. This is not quite the truth. Look at the figures which show this. In the Parliamentary Election, the Alliance in 1969 held 48 per cent of the total votes. In 1974, the Barisan Nasional obtained 59.8 per cent of the total votes cast—an increase of only 12 per cent—despite the addition of new

partners like Partai Islam, Gerakan and P.P.P. while 40 per cent of the voters disagreed with the Barisan policies. The picture would be much more different if the missing voters were not disenfranchised or if more care had been taken to register new and eligible voters and when dirty tricks such as gerrymandering the Parliamentary boundaries and the heavy weightage of rural over. . . .

Tuan Yang di-Pertua: I don't like the words "dirty tricks". "Unfair", yes.

Dr Chen Man Hin: Unfair—and when the heavy weightage of rural votes over urban votes are taken into consideration, there is really no basis for the claim that the Barisan Nasional victory is a total endorsement of its policies. The Barisan has won the mandate to rule but not to bulldoze policies. It should take into consideration of the needs, the aspirations and the interests of all Malaysians, whether they be Malays, Chinese, Indians, Ibans, Dayaks, and others; minority interests must be tended to and safeguarded as well. We in the DAP calls upon the Government to make a soul-searching reappraisal of its policies and produce a blueprint which can truly aim for a just society. The D.A.P. recommends its multi-racial and socialist policies as guiding principles in the deliberations and actions of the ruling party. Thank you, Mr Speaker.

3.12 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tahniah di atas lantikan Datuk sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini di atas ucapan tahniah Duli Yang Maha Mulia kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di atas kejayaan cemerlang dalam pilihanraya baru-baru ini dan kepercayaan yang kuat daripada rakyat untuk membentuk Kerajaan baru.

Saya tertarik dengan Titah Duli Yang Maha Mulia ini kerana dalam beberapa hari yang lepas dan sekejap tadi kita sama-sama mendengar ucapan-ucapan dari pihak Pembangkang yang cuba hendak mengelirukan rakyat negara ini yang seolah-olannya Pilihanraya tersebut berjalan dengan tidak

menurut dasar demokrasi dan seolah-olannya pihak Kerajaan menggunakan cara-cara dan tipu muslihat sehingga menggugurkan nama-nama pengundi dari Daftar Pengundi. Dengan lain perkataan, kerana cara-cara kotor inilah maka barisan Nasional dapat mencapai kejayaan sebegitu gemilang. Sehingga Wakil dari Kepong tergamak, melempar kecaman-kecaman yang di luar sama sekali dari dugaan kita begitu juga Wakil Rakyat dari Seremban tadi. Beliau menyalahkan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Perdana Menteri menyeru rakyat memberi seratus peratus kemenangan kepada Barisan Nasional. Lupakah Yang Berhormat itu bahawa Yang Amat Berhormat Tun Razak adalah juga Pengerusi Barisan Nasional?

Dalam kempen pilihanraya seperti ini tiap-tiap pemimpin berkehendakkan partinya mencapai kemenangan seberapa besar yang boleh. Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu juga saya percaya kalau beliau mempunyai peluang dan kemampuan yang demikian akan digunakan sepenuh-penuhnya dan besar kemungkinan beliau akan bertindak melakukan perkara seperti yang dituduh dilakukan oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, biar apa juga twist, distortion dan imagination yang datang dari pihak Pembangkang rakyat malaysia telah memberi mandat yang begitu besar kepada Barisan Nasional. Mandat itu merupakan sokongan dan kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Tun Razak sebagai Pemimpinnya.

Pihak Pembangkang jangan cuba mengelirukan dengan apa hujjah dan alasan juga. Jangan cuba mengecilkan kemenangan Barisan Nasional dengan menimbulkan kononnya 60% rakyat menyokong Barisan Nasional walaupun Barisan Nasional berjaya mendapat 135 kerusi dari 154 yang dipertandingkan iaitu satu kemenangan yang amat luar biasa dan dapat dibanding dengan mana-mana negara juga yang mengamalkan dasar demokrasi dan pilihanraya yang bersistem "direct representation" bukannya "proportional representation". Sistem ini tidak pernah disoal oleh Pembangkang pada masa yang lepas. Adakah kekalahan perit parti PEKEMAS menyebabkan wakil tunggalnya dalam Dewan ini meraba sebagai orang buta kehilangan tongkat?

Beliau seolah-olahnya menyesal kerana sistem pilihanraya yang diamalkan selama ini, pada hal dengan sistem inilah yang telah menjadikan Malaysia bukan sahaja politically stable tetapi dengan kestabilan politik dan kesungguhan, dedikasi dan kejujuran pemimpin-pemimpinnya Malaysia telah dapat memperbaiki dan meninggikan taraf ekonomi yang diwarisi dari penjajah dahulu lebih pesat dan lebih cepat dari negara lain yang mempunyai sejarah dan perjuangan yang sama. Dari segi kemajuan dan pembangunan apa juga kalau dilihat dengan kacamata yang objektif Malaysia menduduki tempat antara negara-negara yang sungguh-sungguh berjaya. Ini termasuk dari segi kemajuan rohani atau spiritualism di mana di Malaysia Islam merupakan agama resmi.

Tuan Yang di-Pertua, kita cukup sedar atas perasaan pemimpin-pemimpin Pembangkang hasil dari kekecewaan mereka dalam pilihanraya yang lepas. Tetapi pilihanraya sudah berlalu. Verdict sudah dijatuhkan oleh rakyat. Kemenangan Barisan Nasional tidak dapat dinafikan ialah melalui proses demokrasi. Parti Pembangkang sudah mendapat peluang berkempen dan telah menggunakan peluang itu berhabis-habisan mengkritik dan mengecam Kerajaan sehingga kepada peribadi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ditelanjarkan mereka di hadapan rakyat. Rakyat mendengar hujah kedua-dua pihak dan melihat sendiri cara dan telatah pemimpin-pemimpin mereka. Bila rakyat mengundi, mereka mengundi dengan fikiran terbuka, dengan pengetahuan, kemahuan dan kepercayaan sendiri. Mereka tidak dipaksa dan jika ada kelemahan dan kesilapan seperti keciciran pengundi mereka pihak Pembangkang tahu bukan disengajakan sebaliknya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional juga merasa kesal dan dukacita kerana bukan pengundi Pembangkang sahaja yang tercicir, tetapi harus sebahagian besarnya ialah pengundi Barisan Nasional. Walau bagaimanapun saya yakin Kerajaan tidak memandang kecil perkara keciciran pengundi ini sebaliknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sudahpun menyatakan akan menimbangkan cadangan penyemakan dan pendaftaran pengundi dibuat sepanjang tahun. Kejujuran dan keikhlasan sebagaimana lagi yang dikehendaki oleh pihak Pembangkang. Dalam pada itu saya ingin mengingatkan Kerajaan iaitu ada pihak-

pihak yang keciwa dalam Pilihanraya yang lepas sekarang mencuba menggunakan taktik baru, mencuba memecah-belahkan kepercayaan dan perpaduan rakyat dengan cara-cara di luar Undang-undang dan di luar Perlembagaan (illegal dan unconstitutional). Mereka merasa seolah-olahnya melalui demokrasi, melalui Pilihanraya Umum mereka tidak akan berjaya. Oleh itu, mereka mencari sebab-musabab menjustifykan tindakan mereka yang illegal dan unconstitutional ini.

Perkara sebegini memang timbul di mana-mana juga negara yang mengamalkan demokrasi. Sentiasa ada segolongan kecil manusia yang gagal melalui proses demokrasi dan berusaha menghancurkan demokrasi itu sendiri dengan harapan di atas kehancuran demokrasi itu mereka akan berjaya memegang kuasa. Dalam sejarah negara-negara dunia atau sejarah Parliamentary Democracy sendiri memang ada contoh-contohnya golongan-golongan kecil ini berjaya menghancurkan demokrasi dan sebagai kata seorang Pendita Greek Aristotle menukar demokrasi kepada anarchy dan akhirnya kepada autocracy iaitu pemerintahan oleh sebilangan kecil manusia yang merasa diri merekalah sahajalah yang layak. Tetapi sejarah juga membuktikan bahawa mereka ini atau pemerintahan ini akan hancur dan di atasnya lahir kembali demokrasi kerana rakyat banyak tidak selamanya akan dapat diperkudakan oleh segolongan kecil.

Daripada apa yang disaksikan di negara kita sedikit masa ini jelas menunjukkan ada golongan atau pengikut-pengikut parti yang menerima kekalahan teruk dalam pilihanraya dahulu mencuba menukar taktik mereka. Mereka menjalankan cara-cara subversif menyeludup dalam Pertubuhan-pertubuhan Buroh, Belia, Universiti atau Institusi-institusi Pelajaran Tinggi. Mereka akan menghasut kaum tani, nelayan dan walaupun angkatan bersenjata kita, jika tidak diawasi. Matlamat mereka ialah menghancurkan demokrasi dan sudah tentulah Kerajaan yang ada ini dengan melahirkan berbagai-bagai huru-hara dan kegelisahan serta kacau-bilau. Mereka ini akan sanggup menerima bantuan dari mana-mana negara pun juga. Mereka sanggup menjadi alat walaupun mereka sedar bahawa perbuatan itu untuk menghancurkan negara dan rakyat mereka sendiri. Kepada mereka, biarlah negara hancur, biarlah ratusan ribu

rakyat terkurban, menderita dan kebuluran asalkan matlamat dan perjuangan peribadi dan ideologi mereka tercapai.

Walaupun kita yakin bahawa mereka tidak akan berjaya mencapai cita-cita mereka dengan cara ini, tetapi Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada kerana bukan mustahil kemungkinannya terjadi perkara-perkara sedemikian apalagi jika kita melihat telatah setengah-setengah dari mereka di dalam sedikit masa ini.

Apa yang saya ingin menyeru pihak Kerajaan yang sudah mendapat mandat yang sebegitu besar dari rakyat supaya jangan teragak-agak bertindak melaksanakan Undang-undang sebagai Titah Duli Yang Maha Mulia;

“Kerajaan beta berazam mempertahankan kedaulatan undang-undang di negara kita. Tindakan-tindakan yang dijalankan oleh mana-mana pihak hendaklah menepati lunas-lunas undang-undang demi kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat sekalian. Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengancam kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat.”

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa yang dapat mengecualikan diri dari Undang-undang dan begitu juga tidak ada institusi-institusi yang terkeluar dari lunas tafsiran Undang-undang negara dan tidak ada Kerajaan yang bertanggungjawab lebih-lebih lagi sebagai Kerajaan kita yang baru sahaja mendapat mandat besar dari rakyat akan hanya berpeluk tubuh melihat anasir-anasir anti-nasional mencabul dan mencabar kedaulatan Undang-undang dan mengugut keselamatan dan ketenteraman negara dan rakyat keseluruhannya.

Saya ingin mengingatkan Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas segera dan positif terhadap warganegara asing biarpun pegawai-pegawai kedutaan yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anasir-anasir destruktif dan anti-nasional ini. Negara kita mengamalkan dasar “Berkecuali” tetapi jangan “Berkecuali” kita itu dijadikan sebagai peluang keemasan meluaskan jarum dan pengaruh mereka. Kita berkehendakkan kejujuran dan keikhlasan Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya di dalam melaksanakan dasar Berkecuali ini dihormati dan diberi reciprositi

yang sebenar-benarnya, bukan sahaja dengan perkataan tetapi dengan amalan. Duli Yang Maha Mulia menyebut dalam Titahnya: “Dalam bidang luar negeri, Kerajaan Beta akan mempergiatkan dasar berbaik-baik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan negara kita tanpa mengira ideologi dan sistem politik mereka.” Apakah lagi jaminan yang dikehendakki oleh mereka ini?

Kita tidak mahu Malaysia ini menjadi gelanggang pertempuran ideologi dan kepentingan negara-negara besar.

Tetapi yang lebih mustahaknya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah bertindak tegas terhadap warganegara dan rakyat Malaysia sendiri, lebih-lebih lagi mereka yang sanggup diperalatkan oleh kuasa-kuasa luar.

Kerajaan jangan lagi teragak-agak dalam mempertahankan kedaulatan Undang-undang jika Kerajaan teragak-agak rakyat semua akan bengung dan dalam kebengungan itu mereka akan dikelirukan. Majoriti rakyat yang menyokong Barisan Nasional kerana mereka sedar cuma Barisan Nasional sahaja yang dapat memberi kebahagiaan kepada mereka dan lebih-lebih lagi mempertahankan kestabilan politik dan keselamatan negara ini.

Dalam pada itu Kerajaan hendaklah mencari jalan membongkar sebab-sebab yang menyebabkan sebilangan rakyat mudah tertarik dengan agitasi-agitasi anti-Kerajaan dan sanggup menyokong tindakan liar puak-puak anti-nasional ini, dan berusaha memperbaikinya dengan seberapa segera yang boleh. Biarlah rakyat sedar dan yakin bahawa cuma Kerajaan sahaja yang dapat menyelamatkan dan memberi kebahagiaan serta perlindungan kepada mereka.

3.23 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul di bawah nama Datuk Stephen Yong Kuet Tze. Saya berasa sukacita kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menarik perhatian di atas masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru mengenai tanah dan rundingan-rundingan yang telah dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengatasi masaalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Tan Cheng Bee: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in my constituency of Bukit Mertajam there are no less than 5 new villages and although the Government of the State of Penang has given land titles to some of the settlers in the new villages, there are yet many who are still waiting anxiously for their land titles. It will be remembered, Sir, that after much criticism over the long delay in giving land titles to the settlers a few years back, the Government of Penang started issuing land titles to the early settlers, but it appears that, after the first spate this matter has again lapsed into lethargy with the result that there are still many settlers, who had made applications several years ago, who are still anxiously waiting for results.

On behalf of these applicants, I made enquiries at the Land Office in Bukit Mertajam and I was told that these applications have been processed and sent over to the Executive Council of Penang, but no decision has yet been made. I would like to urge the authorities concerned to hurry up with the matter to save these settlers much anxiety.

Sir, I have in the previous meetings of Parliament said that the new villages have long been neglected. It appeared to be nobody's business to look after these new villages until three years back when our beloved Prime Minister realising this distressing setback appointed a Minister to look after the new villages throughout the country. Although the then Honourable Minister, Dr Lim Keng Yaik, was entrusted with the responsibility of looking after the new villages, he had not much funds to dish out to help solve these much neglected problems faced by the new villagers. Not only are the roads and the drains in a bad state of disrepair but the Chinese schools erected during the early days of the Emergency are badly in need of repairs, renovations and rebuilding.

I am told that the Board of Managers of the primary schools in Berapit Village and Juru Village have made applications to the Education Department as well as to the Honourable Minister for New Villages for

new buildings as these schools are already old and accommodation with the rapid increase of pupils yearly is causing much concern. The Health Department had also advised these schools to put up modern sanitary latrines. I hope, Sir, that the Honourable Minister of Education and the Minister of New Villages would give priority to the requests of these villagers as these schools in the new villages were all built at the height of the Emergency when availability of materials and rapid work rather than quality and careful planning were then the order of the day so as to put into immediate effect the resettlement scheme as a measure of denying the *pengganas* any assistance by way of food or medicine.

3.20 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan pada hari ini bersama-sama mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada sidang Dewan yang mulia ini.

Dalam masa yang akhir-akhir ini telah meletus di dalam negara kita beberapa peristiwa yang sangat menyedihkan hati kita. Di tempat-tempat pengajian tinggi telah terjadi kejadian-kejadian mogok-boikot menghadiri kuliah. Penutupan sementara institusi-institusi kerana tindakan-tindakan daripada pelajar-pelajar, rakyat di kampung mengikuti kejadian-kejadian ini dengan perasaan yang sedih, hairan dan takut, sedih kerana anak-anak mereka akan turut terkorban di dalam kejadian ini. Mungkin ada kelak tindakan-tindakan yang akan menyingkirkan anak-anak mereka daripada tempat-tempat pengajian tinggi itu. Hairan pula ibu-bapa semua kerana mengapa anak-anak mereka telah pandai bertindak liar, pandai berucap menentang Kerajaan dan mungkin tidak lama lagi pandai menghukum Kerajaan. Ya, rakyat takut melapetaka baru ini akan terus menyala dan merebak ke seluruh pelusuk negara. Sebab rakyat sudah jelak dan benci dengan berbagai-bagai tunjuk perasaan di mana-mana yang lalu yang menyebabkan terganggu perjalanan Kerajaan yang ingin hendak membuat rancangan-rancangan pembangunan demi untuk kebajikan negara. Siapakah yang bertanggungjawab kepada keadaan kesopanan dan sikap penuntut-penuntut kita yang hysteria itu?

Saya kata pemimpin-pemimpin kita juga bertanggungjawab, kita kurang memberi perhatian kepada golongan-golongan ini yang sentiasa berkehendakkan kepada pandangan baik, nasihat dan tunjuk ajar yang berguna.

Saya tidak percaya tiap-tiap perkataan di dalam Dewan yang mulia ini lebih-lebih lagi di dalam perbahasan Titah Ucapan ini diberi penelitian yang mendalam dan perhatian yang serious. Telah menjadi kelaziman iaitu ada kalanya jawapan yang diberi di dalam Dewan yang mulia ini ialah jawapan-jawapan impromptu yang telah datang mendadak dengan tidak dibuat analisa terlebih dahulu. Bagaimanapun, ucapan-ucapan yang dibuat di dalam Dewan ini selalu diberi perhatian yang cukup mendalam oleh pihak-pihak yang menentang Kerajaan ataupun golongan-golongan yang sekian lama mencuba hendak meruntuh demokrasi di negara ini, dan juga oleh golongan-golongan pelajar yang telah dirosakkan oleh golongan-golongan tertentu. Golongan-golongan inilah yang membuat analisa dengan begitu mendalam dan mengulas kepada rakyat umum sehingga perkara-perkara yang benar itu dinafikan dan menjadikan rakyat keliru dan turut menentang Kerajaan.

Seluruh rakyat bergembira kerana cita-cita Kerajaan hari ini tegas semata-mata hendak melaksanakan keseluruhan harapan rakyat dengan perpaduan yang kukuh, belum pernah terjalin dalam sejarah pemerintahan di negara ini, maka harapan kuat bahawa kita akan berjaya mencapai matlamat ke arah nasionalisma Malaysia yang bersatu. Kerajaan diseru hari ini memupuk semangat patriot dalam jiwa rakyat, semangat mahu berkorban kerana semata-mata kepentingan negara. Cita-cita Kerajaan hari ini hendak membawa modal-modal asing ke dalam negara ini dan mendirikan banyak kilang-kilang supaya dapat pula memberi banyak pekerjaan-pekerjaan kepada rakyat. Saya menyeru Kerajaan supaya pembinaan kilang-kilang ini bukan hanya di kawasan-kawasan perindustrian di dalam bandar-bandar yang besar sahaja, tetapi hendaklah dibahagi-bahagikan kepada semua kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan yang baik dengan keadaan ekonomi hari ini di luar bandar tempat cukup terbaik sekali. Rakyat di kampung-kampung tidak mempunyai kerja yang cukup meluas, hendak bersawah setahun dua kali kadang kala tidak cukup air, hendak meluaskan tanaman sayur dan buah-

buah tidak bertanah, hendak bertukang untuk mengeluarkan barang-barang dagangan tidak ada pasaran, hendak juga mengeluarkan getah mutu yang baik, harga getah sentiasa merosot, harga barang melambung tinggi.

Saya menyeru hari ini kepada Kerajaan patut sekali memberi peluang kepada rakyat di kampung mengambil tanah-tanah Kerajaan yang kosong. Kerajaan patut memberi tanah-tanah dengan tidak ada sekatan lagi supaya rakyat terutama sekali pemuda-pemuda yang berkeliaran tidak ada pekerjaan itu menjadi petani. Kita tidak mahu ada kebuluran yang meluas terjadi.

Di kawasan saya di mana rakyat mengharap banyak kepada harga getah ada kedapatan manusia Melayu yang kebuluran, makan hanya sekali sehari, itupun hanya nasi dan ikan masin. Kawan-kawan saya biasa menangis melihat kejadian itu iaitu ibu yang sedang menyusukan anak tidak lagi dapat memberi susunya kerana badannya sendiri sudah lemah, sudah tidak bermaya, sudah tidak bertenaga apatah lagi hendak memberi susu kepada anak itu. Mengapa? Wang tidak ada hendak membeli beras! Mengapa wang tidak ada? Tidak ada pekerjaan yang hendak dibuat! Anak-anak kecil yang sedang menyusu pada ibu seperti itulah kelak yang mewarisi negara ini, bukan anak-anak daripada istana atau yang di kota sahaja, anak-anak yang merasai lapar yang mata terbeliak kalau melihat daging paha ayam, itulah yang banyak masuk dalam institusi pelajaran tinggi Kerajaan hari ini menerusi pertolongan bantuan dasar Kerajaan dalam bidang pelajaran. Anak-anak ini yang bangun berteriak, yang disebut hysteria dan berpiket, yang mengadakan perhimpunan dalam kampus dan terus bertindak. Kalau mereka menjadi liar dalam tindakan dan pakaian-pakaian mereka, simpati harus diberi kepada mereka, jalan keluar hendaklah dicari untuk mengatasi mereka bukan hanya hendak menghukumkan sahaja. Apa yang terjadi di kampus oleh pelajar-pelajar Melayu itu ialah ada perhubungan dengan keadaan kelemahan yang terdapat di kampung-kampung. Hari ini pemodal-pemodal yang banyak membawa wang untuk ditanam di dalam negara ini hendaklah diberitahu bahawa mereka harus bersimpati dengan rakyat di kampung-kampung iaitu orang-orang Melayu. Apapun sikap dan tujuan mereka hendak melaburkan modal di atas bumi bertuah ini, maka mereka hendaklah

bersama-sama dengan Kerajaan iaitu memberi perhatian kepada keadaan rakyat supaya jangan rakyat kebuluran yang pula bermakna mendatangkan kelemahan fikiran, tenaga pencipta kepada anak-anak kita iaitu satu angkatan di masa hadapan yang akan mengisi tenaga Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Kalau cukai yang diura-urakan hendak dinaikkan lagi ini hendaklah ditanggungkan bersama oleh mereka iaitu pelabur-pelabur yang datang daripada negara asing. Hari ini rakyat banyak menanggung beban cukai tetapi pelabur-pelabur modal yang datang ke negara ini mendapat kemudahan yang begitu meluas tidak bersama-sama menanggung beban berat itu.

Berbalik lagi sekali kepada soal pelajar-pelajar yang dituduh banyak berpolitik hari ini, saya harap dalam menghadapi mereka itu dengan kepala yang waras. Kita tidak harus menakut-nakutkan mereka dengan kekuatan Polis umpamanya, tetapi apa yang harus dibuat hari ini iaitu menteri-menteri kita, pemimpin-pemimpin Kerajaan harus mendekati mereka dengan nasihat-nasihat yang baik. Pelajar-pelajar tidak harus ditakut-takutkan supaya jangan berpolitik tetapi harus dibimbing ke arah pembangunan rohani dan jasmani mereka.

Satu jabatan yang harus saya sentuh dalam pemerintahan Kerajaan hari ini ialah RISDA. Segala pembaharuan telah dibuat untuk menyempurnakan hasrat rakyat dalam bidang pengeluaran negara. Saya percaya pegawai-pegawai yang bertugas dalam Jabatan ini tentulah daripada mereka yang mempunyai kelayakan yang tinggi, kerana mereka ini adalah yang berhubung rapat dengan rakyat di kampung-kampung. Tugasnya berat. Kalau Jabatan sahaja ditukar nama, tetapi keadaan-keadaan di dalamnya tidak bertukar, maka tentulah pembaharuan tidak dapat dilakukan. Satu tangga gaji yang baik, layanan istimewa atas perkhidmatan mereka harus dikaji semula supaya kaki-tangan RISDA ini dapat bergerak dengan lebih baik dan maju.

Satu perkara yang merisaukan fikiran rakyat hari ini ialah tentang keadaan muhibbah perdagangan dalam negara ini. Walaupun hal ini tidak pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulai ini tetapi sudah sampai masanya hari ini hal ini diberi perhatian. Rakyat di kampung sejak zaman

berzaman banyak menyimpan emas dan perak kerana inilah satu-satu punca jimat cermat mereka. Anak-anak hendak bersekolah mungkin emas dijual, hendak berkahwin juga emas menjadi bahan persoalan, kita tidak pernah mendalami hal ehwal penjualan emas di kedai-kedai dan kebanyakannya yang membeli emas itu ibu-ibu dan wanita-wanita kita dan yang menjual itu ialah penjual-penjual emas di gedung-gedung. Siapa? Tidak usah saya sebutkan ibu-ibu kita tidak tahu apa itu mayam, tahlil, ci atau kira-kira penimbangan emas. Bahkan turun naik harga emas pun tidak diketahui, lebih-lebih lagi tentang mutu emas. Sudah berkurun orang Melayu di kampung-kampung itu tertipu, entah berapa juta ringgit yang jahanam kerana kejahilan mereka dalam penimbangan yang seni ini. Sudah sampai masanya di dalam sebuah negara yang merdeka ini kita harus memberi perhatian kepada jurusan ini yang telah menagih sekian banyak ekonomi rakyat kampung. Alat-alat penimbangan yang baru, cara-cara yang boleh menolong rakyat supaya jangan tertipu harus dicarikan supaya rakyat, khasnya wanita-wanita kita patut diajar dalam penimbangan ini. Kerajaan juga harus menguatkuasa undang-undang supaya kedai-kedai emas ini tidak lagi dapat mencari untung dan faedah yang keterlaluan kepadanya.

Saya menyeru hari ini supaya Keretapi Tanah Melayu yang setiap tahun mendapat kerugian itu diserahkan kepada bumiputra untuk menjalankan pentadbirannya. Satu badan khas yang terdiri daripada watak-watak baru patut digalakkan untuk mengambil-alih dan Kerajaan tegak di belakang dan saya percaya pembaharuan dapat dicapai dalam pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

3.38 ptg.

Tuan Lubat Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih serta memuji Nama Tuhan juga oleh kerana pimpinan Tuhan telah memilih Ahli-ahli Yang Berhormat datang ke mari ke dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga sebelum melanjutan ucapan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telahpun dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan dan Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir juga telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya akan sentuh ke dalam perbincangan ini, ialah bersangkut-paut dengan Rukunegara oleh kerana di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adapun menyentuh mengenai Rukunegara. Untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin negara, Rukunegara adalah satu panduan untuk negara kita berpaut kepada keadilan dan bagi pemimpin-pemimpin kita lebih mengingatkan hal yang penting kepada kerohanian rakyat Malaysia yang mempunyai berbilang kaum, bahasa dan kebudayaan. Pada pendapat saya, oleh kerana negara kita ini mempunyai berbagai bahasa, kebudayaan dan mempunyai berbagai kepercayaan, dalam fikiran saya haruslah kita semua bergantung kepada Rukunegara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, tetapi bagi pihak saya untuk keadilan negara dan menjadi tali pengikat perpaduan negara ialah kasih. Oleh kerana menerusi kasih, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin negara yang bertanggungjawab kepada berbagai-bagai bangsa di negara kita ini haruslah mempunyai kasih yang sempurna. Menerusi kasih sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak ada bilangan yang tidak dengan begitu memilih kasih akan dilakukan oleh kerana kasih itu haruslah kasih yang sempurna supaya dalam melaksanakan kemajuan oleh kerana kasih mereka juga tidak memilih bangsa, tidak memilih agama, tidak memilih kebudayaan dan menerusi kasih juga hal berdengkidengian di antara satu dengan yang lain haruslah ditenggelamkan supaya rakyat negara khususnya dari pihak Menteri-menteri yang bertanggungjawab demikian juga dari pihak Ahli-ahli yang telah terpilih oleh rakyat menjadi wakil mereka di dalam Dewan ini dapat membuat ataupun meluluskan Rang Undang-undang dengan keadilan mengikut Rukunegara.

Tuan yang di-Pertua, saya juga ingat perpaduan negara ini bukanlah satu perkara yang mudah diperlakukan oleh kerana di dalam negara Malaysia sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada mempunyai berbilang kaum, agama dan kebudayaan oleh kerana hal yang demikian haruslah Kerajaan Malaysia melaksanakan ataupun membuat rancangan-rancangan untuk memajukan kehidupan rakyat di negara kita. Janganlah sebagaimana yang disebut-sebutkan oleh separuh pemimpin-pemimpin dalam pilihan-

raya umum yang telah lalu oleh kerana perkara ini sudah nyata dalam kawasan pilihanraya saya ada berbagai-bagai propaganda yang telah timbul dari pihak parti yang menjadi parti pemerintah pada masa ini mereka sudah cukup jelas mengatakan jikalau satu kawasan (constituency) pilihanraya yang dimenangi oleh pihak Pembangkang satu kemajuan apa pun tidak akan diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jikalau benar perkara ini akan ditunaikan oleh pemerintah Malaysia bukan ini menjadi menguatkan ataupun memperkukuhkan perpaduan negara sebagaimana yang saya sebutkan tadi haruslah kami oleh kerana kami sebuah negara yang beribadat kepada Allah, yang percaya kepada Tuhan haruslah kami mengasihi di antara satu dengan yang lain oleh kerana ada telah tersurat di dalam firman Allah ini: Allah itu ialah kasih. Bukan Allah itu dengki tetapi dia kasih. Oleh hal yang demikian, saya menarik perhatian pemerintah negara Malaysia ini oleh kerana sekarang kami semua ingin akan keadilan.

Saya pun senang hati melihat simbol parti Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang sudah lalu mereka telah menggunakan simbol Neraca. Simbol Neraca ini ialah kesimpulan keadilan. Saya yakin supaya pemimpin negara haruslah melaksanakan ataupun menunaikan tugas masing-masing menurut keadilan yang sempurna. Oleh kerana saya takut jikalau kami semua ditimbang di dalam Neraca itu didapati oleh Tuhan tidak begitu adil siapakah yang akan kena denda nanti? Tentu sekali pemimpin-pemimpin negara.

Saya menarik perhatian Dewan ini mengenai keadaan satu bangsa yang sedang mengembara di dalam hutan rimba di negeri Malaysia. Perkara ini pun pernah ditimbulkan oleh saya di dalam dewan ini dalam beberapa kali perbahasan baik di dalam ucapan belanjawan ataupun di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia dalam beberapa tahun yang sudah lampau, akan tetapi saya dapati separuh pemimpin daripada pihak Kerajaan tidak begitu mengambil tindakan yang tegas terhadap nasib mereka ini, iaitu bangsa Penan. Mereka juga sudah terang tidak begitu senang hati dengan saya dalam beberapa masa yang lalu bahawa ada juga mereka telah menimbulkan kata-kata yang mengatakan, "Hei! Luhat Wan itu dia M.P. Penan sahaja. Get rid of him during

this coming election". That is what they said, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, penan ini, mereka pun adalah umat Tuhan juga, adalah hamba rakyat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga. Jadi di dalam Dewan ini jikalau saya tidak membangkitkan perkara ini siapakah yang akan menolong serta menyelidiki kesusahan bangsa Penan? Itulah sebabnya sekali lagi saya memohon kepada Kerajaan Malaysia supaya satu penyelidikan haruslah dibuat ataupun dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya mereka dapat menunaikan kemajuan ataupun menolongkan sara hidup orang-orang Penan ini, kerana kami tahu di dalam Semenanjung Malaysia di sini ada satu bangsa yang mengatakan diri mereka itu Orang Asli. Inipun Orang Asli juga. Saya katakan Orang asli di Borneo ataupun di Sarawak haruslah nasib mereka dilayan dengan keadilan sebagaimana yang saya katakan tadi untuk memperkukuhkan perpaduan negara. Jikalau satu bangsa di antara berbilang kaum di negara ini tidak dipelihara dengan baik siapakah yang malu? Tentu sekali memerintah yang malu. Kami sentiasa mengatakan bahawa kami jujur, kami adil. Jikalau perbuatan kami tidak begitu jujur dan tidak adil, siapakah yang malu? Tentu pemimpin-pemimpin negara juga yang malu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak begitu panjang kenyataan saya dalam Dewan ini saya harap dari pihak Kerajaan yang ada pada masa ini haruslah mengambil tindakan untuk menolong setiap golongan bangsa rakyat dalam Malaysia.

3.48 ptg.

Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tak bolehkah Ahli Yang Berhormat bercakap sedikit dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Rasiah Rajasingam: Saya fikir selepas mesyuarat ini, saya boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, diizinkan.

Tuan Rasiah Rajasingam: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, firstly, let me congratulate you and the Deputy Speaker of this august

House on being elected as the Speaker and the Deputy Speaker respectively. I have the least doubt that, with your vast experience, you and the Deputy Speaker will carry out your duties and responsibilities in the best traditions of parliamentary democracy and that you would, in the course of your duties, guide us new Members to discharge our responsibilities.

Mr Speaker, Sir, everybody in the House has spoken about stagflation and inflation. In speaking in support of the Motion of Thanks to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, I have no doubt that inflation and stagflation is a world-wide problem which we can leave to our responsible civil servants and, to say the least, to the Deputy Minister of Finance, Tan Sri Chong Hon Nyan, to overcome it. But if, in the course of doing it, things get out of hand, then I have only one suggestion to make: that let not the poor suffer but let us make the rich to pay more for it.

Mr Speaker, Sir, His Majesty has touched on the workers' problems. In this respect, I request, not demand, the Minister of Labour whether he would reconsider amending the Employment Ordinance, which was amended in 1969, so as not to apply it to organised labour and unions. This I say, Sir, is because in the course of hearings before the Industrial Court, many an employer has come up and said, "Look, we are prepared to pay double the amount, but the law does not permit us to do so". Sir, I trust the Minister of Labour would look into this problem and apply the Employment Ordinance as amended in 1969 to unorganised labour and to pioneer industries as a concession.

Mr Speaker, Sir, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has said that our country will, at all times, defend the rule of law. In this respect, Sir, it is most disturbing to note that to the Industrial Court, which to my mind as a professional lawyer is a court of arbitration and decision, I have heard that the Minister of Labour had appointed a person about a year and a half back to act as Chairman but who in the course of his employment had negotiated, not with any other person, but with MECA, i.e. the Malayan Employers Consultative Association, for an appointment. I understand from very reliable sources

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Untuk penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Dia akan berhenti tidak lama lagi. He has notified to us that he will resign shortly.

Tuan Rasiah Rajasingam: Sir, I thank the Honourable Attorney-General for this information, but the person is still sitting in the Industrial Court. I hope—I am not complaining, because the contract of service allows him to do that—in future the Minister of Labour, when appointing a Chairman, will not appoint people who make the Industrial Court as a stepping stone to something better, because this man is leaving the job because he is going to draw a higher salary in MECA. In this respect, I had personally objected to him in interpreting an award as regards the Eastern Smelting Company. I mean, to err is human, and temptation is great in human beings.

Sir, secondly, speaking as the Member for Jelutong constituency, I would like to touch in respect of the Penang General Hospital, which is in deteriorating circumstances. This is not so because we do not have the equipment or we do not have the staff that are necessary, but this is purely because of one individual, who is the Chief Medical and Health Officer in the State. He is generating feelings against every Specialist and every qualified Medical Officer in the hospital to such an extent that we have had in the last two-and-a-half months 12 resignations of good qualified Medical Officers and three Specialists. As a consequence of these resignations, there have been three incidents of medical negligence in respect of the patients. I hope the Minister of Health would take the necessary steps, because he is fully aware that this particular gentleman, who has been transferred as the Chief Medical and Health Officer for the State of Penang, was asked to leave another State within 24 hours. I am not complaining on personalities, but I feel that the repercussions finally end up in the sufferings of the people, more so with the poorer class.

Thirdly, Sir, if I may touch on the subject of the pensioners. I hope the Ministry of Finance would look into the plight of pensioners, more so in Penang, and in particular, the retired pensioners of the Board of Currency who are receiving a paltry sum without any increment. In this

case, in the last sitting of Parliament, the former Honourable Member, Mr Veerappan, brought this matter up here. Subsequently, Sir, when I was elected, I wrote to the Treasury and I have received a letter saying that it is receiving consideration. I am sure that with an efficient Government, with a good set of civil servants, somebody can take a decision on this much faster than over five years.

Fourthly, Sir, I will request the Minister of Home Affairs to look into this question of rehabilitation not only of drug addicts but also those people arrested under the Prevention of Crime Ordinance and released. Mr Speaker, Sir, there are numerous thousands of people who, not because of their choice but under the force of circumstances, may have committed crimes. None of us can stand up in this august House and say that we have not at least in one moment of our lives committed a crime or a sinful thing. These people, because of legislation, have been restricted in movement and have been given identity cards of a different colour. Sir, when you look into the figures, you will see that this is not a minority group but it runs into a few thousands. And I seek the indulgence of the Honourable Minister of Home Affairs whether he would, after they have served their terms of sentence, replace their cards with blue identity cards.

Fifthly, Sir, coming to the question of education, I have very little to say except that I have no doubt that the Honourable Minister would be capable of implementing the education policy. Since a Cabinet Committee of Review has been appointed, my colleagues and I would be submitting a Paper on this. But, Sir, before the Honourable Minister of Education had appointed this committee, I had certain remarks to make on two premier schools in Penang, namely the St. George's Girls School and the Penang Free School. I made certain criticisms, which I was able to substantiate on the grounds of receiving complaints from parents. But subsequent to this, it is very unfortunate that the Headmistress of the St. George's Girls School had suspected that a certain teacher had informed me of her malpractices. In fact, Sir, it was the Headmistress's associate or supervisor who informed me of her malpractices. On Thursday last, Sir, when this particular teacher was on leave, she called for a staff

meeting and virtually asked every teacher in the morning and afternoon sessions to sign a petition for the transfer of this particular teacher. Sir, I hope that this sort of victimisation is not allowed to take place. Sir, as for me, I stand here without any fear or favour to speak for the constitutional rights and the legitimate grievances of the people who have elected me to this august House. I trust that the Minister of Education to whom I would be writing in a day or two on this would look into this matter.

Sir, on the question of inflation, I hope and trust that the Budget would be out and if there is going to be any form of increases, let the rich pay for it and not the poor.

Lastly, Sir, if I may say, the Honourable Members from the Opposition have very blatantly and openly said, "Let not the Barisan nasional be big-headed with their mandate because they had only 62 per cent majority". But let me tell that these are the same people who talk of Parliamentary democracy and the next moment, complain of it. The Honourable Member for Kota Melaka, Lim Kit Siang, did say.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You don't have to mention the name.

Tuan Rasiah Rajasingam: Sorry, Sir, my apologies. The Honourable Member for Kota Melaka did mention that the Government had stifled him from applying for a permit to thank the voters. To this, I would say that I have applied for a permit on being elected as a Member to hold a public rally to thank my voters, which was also turned down. In this respect, let us hope the Honourable Members from the Opposition will be a bit more constructive, because, Sir, the analytical circumstances of these elections will show that we have fought the last elections under our beloved Prime Minister, Tun Abdul Razak on national solidarity and unity. Unfortunately, the Honourable Members from the Opposition never fought on that basis, but they fought and they took to the election platform on chauvinistic lines, which I hope, Sir, will not last for more than two years from today because the people would realise that we are a multi-racial society in this country, very peculiar compared to any other nation in this world. I trust that the Honourable Members of the Opposition will not keep

to their selfish attitudes but look into the national unity and national interest. But let them not say that because we are in the Barisan Nasional, we will not criticise the Government, because as for me, as the Member for Jelutong, Sir, I am prepared to do so if the Government goes wrong. As the Honourable Minister of Home Affairs has said, "We have checks and balances" and I will be one of those in this august House to check and balance without fear or favour in this.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The time is up!

Tuan Rasiah Rajasingam: Thank you very much.

4.04 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong usul menjunjung kasih dan mengucapkan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda yang begitu menarik dan berkesan pada negara.

Terlebih dahulu, Tuan yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan tahniah dan kesejahteraan kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana diamanatkan oleh Dewan untuk memimpinya. Sukacita juga saya mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang mana telah bermurah hati menjadikan kawasan Tanjong Karang bagi julung kalinya menjadi salah sebuah kawasan tambahan pilihanraya yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Karang adalah terkenal sebagai kawah nasi bagi Negeri Selangor yang letaknya di pantai barat di antara Sungai Bernam dan Sungai Selangor dengan Sungai Tengi yang menjalankan peranan besar dalam bidang perbekalan air ke sawah padi yang luasnya 50,000 ekar itu. Sawah padi Tanjong Karang, terkenal juga dengan kesuburan tanahnya dan pengeluaran hasil padinya yang baik dan memuaskan. Jika dipandang di sudut ini, maka dapat orang mengatakan bahawa petani di kawasan ini berpendapatan baik dan mewah, akan tetapi, Tuan yang di-Pertua, ini adalah endah khabar dari rupa. Inflasi bukanlah merupakan satu perkara

baharu kepada petani-petani di Tanjong Karang, cuma perkataan inflasi itu sahaja yang baharu dikenalkan di Tanjong Karang.

Amalan inflasi telah berlaku sejak mulanya kawasan sawah padi Tanjong Karang itu dapat mengeluarkan hasil padi yang banyak iaitu mulai dalam tahun lima-puluhan hinggalah ke hari ini. Kegiatan inflasi bertambah-tambah lagi kerana ini sudah menjadi penyakit negara pada hari ini. Di Tanjong Karang apabila sahaja mula padi masak sampailah habis padi dituai maka dengan serta-merta harga barang-barang seperti guni-guni padi, alat-alat perkakas menuai, alat-alat perkakas rumah, kain-kain baju serta barang-barang yang lain naik mahal berlipat-ganda dari harga sebelumnya. Pada masa menanam padi pula harga baja dan juga alat-alat perkakas menanam padi, upah membajak dan menanam juga turut naik.

Tuan Yang di-Pertua, dari tekanan serupa ini tanpa kawalan dan perhatian dari pihak yang berkenaan, maka taraf hidup petani-petani sukarlah dapat perubahan dan tambahan. Di sini, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan membanyakkan bilangan Enforcement Officers, (Pegawai-pegawai Penguatkuasa) terutama untuk kawasan-kawasan luarbandar.

Jambatan yang baharu dimulakan di Kuala Selangor yang masih belum siap sejak beberapa tahun itu dan yang masih belum dimulakan di Sabak Bernam itupun menjadi sesuatu sebab kegiatan inflasi di kawasan itu. Kononnya, pengangkutan terpaksa berjalan jauh dan menggunakan masa yang banyak. Oleh yang demikian, sungguh diharapkan dan merayu kepada Kementerian yang berkenaan meminta ambil perhatian yang berat dan tindakan sewajarnya supaya jambatan itu boleh dapat disiapkan dalam masa setahun dua lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Menyentuh Titah Di-Raja berkenaan meluaskan tanaman padi dan barang-barang makanan; rancangan ini memanglah disambut baik oleh rakyat desa, khasnya kaum-kaum tani sendiri yang mana pada dari ini mereka dengan kesempatan dan tidak cukup tanah untuk perkara tersebut. Di dalam usaha baharu Kerajaan berkaitan dengan perkara ini sukacitalah saya mencadangkan supaya corak rekabentuk (pattern) sawah padi yang akan datang ini biarlah sebenar-sebenarnya boleh mendatangi-

kan kesan dan menentukan terjaminnya untung hidup kepada pengusaha-pengusaha tanah itu. Dengan menggunakan teknik moden dan luas tanah itu biarlah mencukupi, umpamanya, 12 ekar atau lebih bagi sesuatu famili. Tapak perumahan hendaklah dipusatkan pada satu tempat beramai-ramai, kerana dengan cara ini senang pihak Kerajaan mendatangkan segala infrastructure seperti jalan-jalan dan lorong-lorong, sekolah, surau-masjid, kelinik dan lain-lain lagi yang mustahak untuk kehidupan mereka. Cara pengeluaran tanah tersebut sukalah saya mencadangkan diutamakan kepada belia-belia samada cara perseorangan atau perkumpulan, Persatuan-persatuan Peladang dan lain-lain badan sukarela yang cenderung dan layak dalam bidang pertanian.

Sementara mengusahakan peneroka-peneroka tanah baharu untuk pertanian, maka Kerajaan hendaklah menitikberatkan perhatian untuk memberikan panduan dan nasihat serta bantuan teknik kepada tanah-tanah pertanian yang sedia ada, kerana kurang diusahakan atau tidak dapat diusahakan sebab-sebab keadaan tanah itu sendiri atau kurang kemampuan pemilik tanah atau lain-lain sebab yang berkaitan untuk memajukan pertanian. Di kawasan saya sendiri ada kawasan sawah padi seluas lebih kurang 3,000 ekar yang berhampiran dengan kolam takungan air untuk sawah padi, akan tetapi kawasan tidak dapat ditanamkan padi. Kalau pun boleh ditanam hasilnya tidak memuaskan kerana keadaan tanah gambut setebal 4 hingga 5 kaki di mana bekalan air ke sawah padi itu tidak dapat diberi dengan sempurna. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, kalau diusahadayakan dengan dibantu oleh Kerajaan, maka tanah gambut tersebut boleh dipungahkan keluar dari kawasan itu dan dengan cara begitu maka kawasan sawah padi itu boleh jadi rendah kepada garisan perairan (irrigational level). Apabila perairan dapat ditentukan dan disesuaikan dan adanya baja digunakan dengan cukup maka kawasan padi tersebut nescaya boleh mengeluarkan hasil yang baik. Bermakna pendapatan petani di kawasan itu akan bertambah. Keadaan yang begini banyak didapati di seluruh negara terbiar begitu sahaja tanpa apa perhatian dan tindakan. Ada satu keadaan yang lain pula di kawasan saya juga di Sungai Panjang dan Pancang Bedena, petani di situ telah bercucuk tanam seperti

pokok-pokok kelapa, pokok-pokok buah-buahan dan lain-lain tanaman yang hidup subur dan baik. Akan tetapi, sungguh malangnya kerana kawasan itu tidak ada saluran yang pasti maka kerap kali dilanda banjir dan menghadapi kebinasaan.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini ingin saya menyentuh berkenaan dengan pembangunan yang dijalankan di kawasan padi Tanjung Karang, pada masa ini satu projek besar sedang dijalankan yang menelan belanja sebanyak \$28 juta iaitu projek merombak-rawat (renovation) kepada alat-alat perairan dijadikan kepada corak reka bentuk yang moden. Adanya inflasi dan stagflasi pada hari ini, sukacita saya mencadangkan pada Kerajaan supaya membuat kajian semula kepada corak reka bentuk yang sedia ada ditukargantikan kepada corak reka bentuk yang lebih ekonomik dan cepat masa. Projek yang dijalankan pada hari ini akan memakan masa yang begitu lama sehingga 10 tahun. Maka eloklah dipendekkan masa kepada 4 atau 3 tahun, atau kalau boleh kurang lagi. Dengan cara ini keseluruhan petani-petani tidaklah tertunggu-tunggu akan masa yang begitu panjang dan bolehlah merasai nikmat dan kesan projek itu serentak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang yang lain, Tanjung Karang tidak asing juga dari kawasan-kawasan yang lain yang serba-serbi kekurangan, umpamanya bekalan air, pesawat talipon dan jalanraya. Semuanya ini saya rujuk kepada pihak yang berkenaan untuk mengambil perhatian dan tindakan.

Di bidang pelajaran, adalah sungguh diharapkan kepada Kementerian Pelajaran akan menimbangkan dan meluluskan kelas-kelas Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Tinggi Persekolahan dipusatkan di Sekolah Menengah Tanjung Karang bagi menyenangkan tanggungjawab ibu-bapa murid supaya tidak akan menghantar anak-anak mereka keluar jauh dari kawasan yang memakan belanja yang banyak dan tanggungjawab yang berat iaitu ke Kelang, Kuala Lumpur serta ke lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penubuhan Jawatankuasa Kabinet yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran bagi menyemak pelaksanaan dasar pelajaran untuk mencapai matlamat negara mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin yang boleh mengisi kehendak-kehendak negara terhadap tenaga manusia itu. Saya doakan insya Allah akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesihatan, dukacita saya menarik perhatian kepada Hospital Daerah di Tanjung Karang. Hospital tersebut menampung pesakit-pesakit dari jumlah penduduk lebih kurang 100,000 orang ramainya. Sepatutnya hospital itu ada 4 orang doktor, akan tetapi pada hari ini masih lagi kekurangan 2 orang doktor khususnya pakar sakit puan, dan seorang lagi pakar perubatan. Tempat tidur di hospital itu cuma ada 80 katil sahaja dan perlulah mendapat tambahan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.15 ptg.

Datuk Lim Pui Ho (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat atas perlantikan Tuan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this is the first time I am taking part in the proceedings of this House. I would be failing in my duty to the people in my constituency in Sandakan in particular and the people in Sabah in general, if I do not refute the wild allegations made by the Honourable Member for Kepong in this House last week. I had heard much about him before I was elected to this House but having heard what he said in the House last week, I am very disappointed that the Honourable Member for Kepong seems to be so shattered by the performance of his party in the recent elections that he is driven to making all sorts of accusations, especially against the Sabah State Government. It has always been easy to blame one's misfortunes on others. As I can see it, his party now lies in ruin. I would have thought that he should put his own house in order first before poking his fingers into the affairs of Sabah.

The great majority of Malaysians in Sabah are very happy not to have anything to do with him or his own party. Since the end of the Confrontation we have entered a new era of peace, prosperity and unprecedented level of political stability and progress. We are strong against anyone, be it from within the

country or without, whose sole motive is to create chaos and upset our political stability.

Mr Speaker, Sir, the great majority of the people of Sabah, except for an extremely small minority, if not negligible, are solidly behind the National Front Government. The Malaysians in Sabah have never had it so good. We are enjoying the fruits of independence through Malaysia.

Mr Speaker, Sir, it is gratifying to note from His Majesty's Speech that the Government will adopt a new approach with regard to public housing and will continue to give loans to the State Governments to enable them to implement public housing schemes, especially for those with low income and those who are badly housed.

Mr Speaker, Sir, there is an urgent need for low cost housing in my constituency of Sandakan. The problem of housing is very acute there and it deserves our urgent attention. Because of the soaring prices of building materials, it is very difficult for the people in the lower income group to own a decent house. To overcome all these difficulties, implementation of low cost housing schemes should be accelerated.

Mr Speaker, Sir, the Federal Government should accord top priority in improving the land communication system in the State. During rainy seasons some roads are easily broken up. I appreciate that the State Public Works Department are doing their best to maintain the roads. They have spread their resources to the limit and we cannot ask for more, but road communications play such a vital role in the economic development of our country that we should give more thought to the road building programme.

Mr Speaker, Sir, with regard to telecommunication services, there is plenty of room for improvement. It usually takes longer than it should to book for a trunk call and the exchange services are unsatisfactory. Telecommunication services play such a vital role in our age of science and technology that something must be done urgently to overcome the bottleneck problems.

Mr Speaker, Sir, I appreciate that the Government has taken steps to improve water supply in the State. The water supply system now, of course, has shown very great improvement compared to that which existed

in colonial days. However, water supply in certain areas has to be improved. During the long spell of drought in 1972 and during the months of August to October this year, some of the people living within my constituency had to travel for miles to get their drinking water.

Mr Speaker, Sir, the same goes for electricity. There are marked achievements by the Federal Government and the State Electricity Board to extend electricity supply to the rural areas. However, there are many more kampungs and satellite towns in the rural areas which have no electricity supply yet.

Mr Speaker, Sir, with regard to the recession in the State which is caused by the timber slump, I hope the Government could take immediate and positive steps to control the situation. I fully endorse the stand taken by the Government to grow more food to be self-sufficient in food supply.

Mr Speaker, Sir, I hope what I have said would not give rise to any misunderstanding. I feel that it is my responsibility and duty to see that the needs of the people in my constituency are attended to as far as possible.

4.22 *ptg.*

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukacita diberi peluang membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafaskan di Dewan ini pada 5hb Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya menyatakan dalam bidang Perumahan Awam, Kerajaan akan melaksanakan pemikiran baru dan akan terus memberi pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat melaksanakan Rancangan-rancangan Perumahan Awam khasnya kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai rumah yang sempurna.

Apakah yang dimaksudkan pemikiran baru dan bagaimanakah bentuk pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tidak ditegaskan sekali gus. Namun kita harap Yang Berhormat Menteri Perumahan sendiri bolehlah menjelaskan di dalam Dewan ini. Bagaimana Kementerian akan bertindak dalam perkara yang serious di mana masalah perumahan yang meruncing sedang dihadapi oleh negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalaah perumahan adalah masalaah kemanusiaan yang hebat selain dari makanan, pakaian dan pengangkutan. Hari ini di Malaysia ada ratusan dan ribuan rakyat hidup tanpa rumah yang sempurna untuk melindungi mereka dari hangat matahari atau hujan. Mereka terpaksa mendirikan rumah-rumah di tanah-tanah Kerajaan atau tanah-tanah awam. Walaupun dalam tahun 1958 Kerajaan merancang rancangan perumahan yang pertama dalam usaha untuk mengatasi masalaah ini. Tetapi sayang seribu kali sayang, Barisan Nasional dengan rancangan perumahannya selama 16 tahun adalah gagal sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk lebih jelas lagi lihat rekod perumahan Kerajaan yang dilancarkan bagi 6 tahun lalu iaitu dari tahun 1968 hingga tahun 1973.

Tahun 1968: 3,991 yunit yang disiapkan.

Tahun 1969: 13,259.

Tahun 1970: 2,536.

Tahun 1971: 2,037.

Tahun 1972: 849.

Tahun 1973: 1,777.

Jumlah yunit yang disiapkan dalam 6 tahun ialah 24,446.

Kerajaan telah mengadakan 13,000 yunit dalam tahun 1969 kerana tahun 1969 ialah dalam pilihanraya.

Dalam Negri Sembilan 4 tahun yang lalu Kerajaan Negeri melaksanakan hanya 96 yunit rumah harga murah.

Di Perak pada 4 tahun yang lalu 436 yunit, di mana penduduk-penduduknya 1.7 juta.

Di Pulau Pinang di bawah pimpinan Dr Lim Chong Eu tidak adapun satu yunit dibangunkan pada masa demikian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kadar ini bagaimanakah kita mahu mengatasi masalaah perumahan. Beberapa kali yang lalu Yang Berhormat Menteri Perumahan ada mengeluarkan kenyataan di Pulau Pinang yang menyebutkan 65,000 yunit rumah dengan melibatkan 300,000 orang adalah diperlukan segera di Semenanjung Malaysia. Siapa yang membaca kenyataan ini pasti bersetuju samada Menteri itu tidak sedar akan keadaan perumahan yang serious, atau cuba mengelirukan orang ramai. Mengikut National

Survey on Housing Needs tahun 1970 terdapat 229,000 setinggan tinggal di tanah-tanah Kerajaan dan tanah-tanah awam dan lebih 10,000 terdapat pondok-pondok buruk yang jumlah semuanya 240,000 orang manusia memerlukan segera tempat perlindungan dari hujan dan matahari.

Kajian di atas hanya meliputi sekitar Kuala Lumpur sahaja, yang mana bagi Kuala Lumpur diperlukan 40,000 yunit melibatkan perbelanjaan capital sebanyak \$240 juta untuk rumah-rumah bagi setinggan dan pondok-pondok buruk di pinggir bandar. Dengan ini bagaimanakah pula kawasan-kawasan seperti di Petaling Jaya, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Melaka, Johor dan pekan-pekan kecil serta kampung-kampung dan yang menghadapi kekurangan perumahan yang serupa. Apa yang saya kemukakan di sini adalah masalaah lama yang masih belum selesai di samping penduduk bertambah 3% setiap tahun. Kita patut membekalkan pembinaan setiap tahun sebanyak 10 yunit perumahan baru bagi 1,000 penduduk yang bertambah. Pada dasarnya masalaah perumahan yang didapati oleh negara kita sekarang adalah disebabkan pertambahan penduduk yang cepat, perpindahan ke bandar-bandar dan ke pekan-pekan oleh belia-belia untuk mencari pekerjaan. Peruntukan yang tidak mencukupi bagi perumahan dan tidak upayanya Kerajaan untuk mengatasi keadaan yang sangat keritikal. Memandang performance yang tidak memuaskan telah menimbulkan keraguan samada Kerajaan mengambil strategi yang betul dalam mengatasi masalaah perumahan nasional. Oleh itu, saya merayu Kerajaan membetulkan tapak perumahan percuma kepada orang-orang miskin yang tidak bertanah. Berilah keutamaan yang lebih kepada golongan yang berpendapatan rendah dan mengenai mendapatkan sekim-sekim perumahan. Membentuk Bank Perumahan Rakyat untuk mengumpul dan mengadakan kewangan dan memberi pinjaman dengan kadar interest yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya minta berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia Ahli Yang Berhormat sudah cukup baik.

Tuan Oh Keng Seng: Saya campur-campurkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Campur sedikit-sedikit tidak apalah.

Tuan Oh Keng Seng: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I now wish to touch on the problems of new villages. For years, the problems of new villages have remained unsolved. There are simply no concerted efforts on the part of the Government to develop new villages into new townships. Although the portfolio of the Ministry of New Villages has changed hands three times, but there have been no significant changes at all in the outlook of new villages. The problems of new villages are many: population explosion, shortage of land for housing lots, insufficient allocation of funds for development and lack of proper and comprehensive planning. There are also problems such as unemployment, provision of schools, health and sanitations, water and electricity supply, construction of roads, etc.

Much has been talked about and publicised and even capitalised on the negotiations with State Governments to grant permanent titles to new villagers, but I regret to say, Mr Speaker, Sir, that action taken so far to issue titles is very slow and inefficient. People who have applied for titles 20 years ago are still not given titles, whereas people who can influence the top, who have strings to pull, are given titles within a very short period. To the Barisan Nasional, titles are equivalent to votes, and they must make sure that the number of titles issued are equivalent, in return, to the number of votes cast for them. Therefore, during elections titles are freely issued, but once elections are over, titles are frozen. Even T.O.Ls. are frozen now.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah sampai.

Tuan Oh Keng Seng: Lagi satu minit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Setengah minit boleh.

Tuan Oh Keng Seng: Mr Speaker, Sir, I call on the Government to stop these tricks, and treat all new villagers human beings.

Mr Speaker, Sir, in His Majesty's Address, the Government has said that it will review and adjust the national education system from time to time to meet the needs of

national development and to produce citizens with high morals. Mr Speaker, Sir, in implementing the education policy, it is hoped that the Government will take into consideration the wishes of the non-Malays.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, I think the time is up.

4.35 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Penggal Pertama Parlimen Yang Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, sambil memberi sokongan yang penuh kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya keseluruhan rakyat bekerja-sama menghadapi tekanan ekonomi yang kita alami sekarang menambah industri dan pengeluaran barang-barang makanan asas supaya barang-barang yang di import dengan harga yang mahal dapat dikurangkan. Ini adalah satu cadangan yang baik yang mesti diberi keutamaan oleh seluruh rakyat.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan lebih maju diseluruh lapisan rakyat mengambil bahagian, khasnya rakyat di luar bandar dan di kampung-kampung jika keadaan-keadaan di situ tidak dapat diperbaiki dan dibetulkan terlebih dahulu. Umpamanya, banyak tempat-tempat di luar bandar yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan perbekalan seperti api, air, jalanraya, parit dan taliair yang selalu mengancam kedudukan mereka dan perusahaan yang mereka usahakan dengan tiada kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan, maka sukarlah sedikit bagi rakyat di luar bandar itu hendak bercucuk tanam menjalankan ternakan, perniagaan dan sebagainya. Dari itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi keutamaan projek-projek pembinaan-pembinaan jalanraya, bekalan-bekalan api, air, perhubungan talipon, paip-paip taliair di kawasan-kawasan, khasnya di kawasan saya sendiri iaitu Semerah dapat di laksanakan dengan secepat mungkin. Kerana kawasan ini, khasnya di dalam kawasan pendalaman memang jauh ketinggalan dan

menjadi idam-idaman kepada seluruh rakyat yang duduk di luar bandar, terutamanya di kawasan saya sendiri, agar mereka dapat memberikan kerjasama dengan penuh didikasi di dalam masaalah menghadapi tekanan ekonomi ini semoga kita semua tidak terlalu menanggung akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, disamping ini saya suka mencadangkan supaya satu biro pencegah maksiat ataupun tiap-tiap Polis-polis Daerah diberi kuasa penuh untuk menangkap dan mendakwa kesalahan-kesalahan di Mahkamah. Mengkaji semula kedudukan Paspot Perbatasan, Paspot Antarabangsa bagi gadis-gadis, terutama sekali di dalam permohonan sendiri ataupun permohonan secara perseorangan. Di dalam soal ini sekalipun kita telah tahu di dalam negara kita pasukan-pasukan pencegah maksiat sudahpun ditubuhkan di dalam Jabatan Ugama yang mempunyai pegawai-pegawai yang berkenaan untuk menjalankan tugas tersebut, dan tidak kurang pula yang ditangkap dan di hukum. Tetapi soal yang hendak saya kemukakan di sini, adalah berlainan yang telah dibuat, kerana soal ini adalah di pandang sebagai satu soalan yang melibatkan bukan sahaja meruah, ugama dan bangsa, tetapi juga maruah negara dan kaum wanita seluruhnya.

Kita memang tahu bahawa pencegah maksiat memang sudah bekerja keras, tetapi kebanyakan yang kita dengar ialah penangkapan ini hanya sebilangan besar kepada yang sedang berkhualat, bersekedudukan dan kepada yang sedang atau cuba mencari pasaran di lorong-lorong gelap. Tetapi kita belum dengar penangkapan itu dibuat kepada sindikit-sindikit (syndicates) penjualan kaum wanita yang sedang mendapat pasaran dan keuntungan yang lumayan pada hari ini. Sebab sindiket ini bukanlah merupakan orang yang dikatakan sebagai orang-orang yang tidak berpelajaran, dari sumber-sumber yang kita tahu bahawa mereka ini ialah terdiri dari kalangan yang mahir dan mempunyai kedudukan sebagai anggota perniagaan; setengah-setengah daripada mereka ini bukan sahaja memaksa gadis-gadis di kampung dan gadis-gadis di kilang tetapi gadis-gadis di kota.

Mereka ini begitu pandai menjalankan tipu-daya dengan menggunakan pemuda-pemuda kacak, dengan menggunakan kereta-kereta besar dan rumah-rumah private yang

dari luarnya merupakan rumah-rumah yang terhormat. Pemuda-pemuda ini biasanya pandai memperdayakan gadis-gadis dengan mengaku boleh mencari kerja, kemudian membawa gadis-gadis yang terpedaya ini ke bandar dengan berbagai-bagai helah yang menyebabkan gadis-gadis tadi tidak dapat melepaskan diri daripada menjadi mangsa pelacur. Di samping itu mereka adakan pula parti-parti atau pesta-pesta kepada mangsa mereka. Pihak kita juga mendapat tahu ada juga gadis-gadis kita dijual hingga ke luar negeri. Soal ini memang begitu sulit kadang-kala pihak Polis sendiri begitu sukar untuk mengesannya. Bila ada ibu-bapa membuat pengaduan kepada mereka tentang kehilangan anak-anak gadis mereka atau anak-anak mereka keluar rumah dengan tidak dapat dikesan ke mana perginya.

Kedua pihak polis juga sukar untuk mengenakan hukuman-hukuman kepada gadis-gadis yang sudah cukup umur jika mereka meninggalkan rumah atau melakukan perkara tersebut dengan kerelaan hatinya. Tetapi kita juga harus menyedari bahawa gadis-gadis ini tentu telah diberitahu oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya tidak membocorkan segala yang mereka lakukan, sebab pihak ini juga cukup dengan kakitangan sebagai mengawasi siapa juga yang cuba membocorkan hal mereka ini, juga membuat pengaduan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Mereka ada juga menyimpan samseng-samseng atau pengawal-pengawal kedudukan mereka. Maka jalan yang baik dan kena pada tempatnya ialah diberikan kuasa dan penyiasatan secara terkhusus di dalam perkara ini serta dijalankan hukuman-hukuman yang berat kepada pihak-pihak yang terlibat supaya sekali pun kita tidak dapat menjalankan hukuman Islam yang sebenar-benarnya dengan sebab kedudukan negara kita yang berbilang kaum, tetapi kita hendaklah bertindak tegas di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengkaji kedudukan paspot terhad atau paspot antarabangsa, saya membawa penerangan di sini di sebabkan kemudahan bagi mereka mendapatkan paspot tersebut, kadangkala hingga ke negeri yang jauh memang kita tahu bahawa setiap paspot ini tidaklah mudah untuk dikeluarkan, tetapi kita juga mendapat tahu dari sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawa di samping ketat

dapat pula dilonggarkan dengan cara terkhusus. Ini adalah bererti ada golongan-golongan yang tertentu merupakan mengunting di dalam lipatan. Kita tidak mahu mendengar dan melihat gadis-gadis kita menjadi alat maksiat secara terkhusus. Sekalipun kita tahu mengapa gadis-gadis itu mahu dan dijadikan mangsa. Soal pertama selain daripada kebendaan, penyediaan tempat dengan berbagai-bagai alat dadah, janji atau memberikan kerja dengan pendapatan yang lumayan adalah faktor-faktor utama kepada tercaburnya gadis-gadis kita menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini saya akan mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah serta mengalu-alukan langkah Kerajaan, khasnya tahniah ini saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang menjadi pemimpin negara kita dan sikap-sikap yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan kejayaan-kejayaan yang dinikmati oleh rakyat dengan melalui Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua. Badan-badan Berkanun dan Badan-Badan Separuh Kerajaan dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telah diarahkan supaya dapat memainkan peranannya bagi meninggikan taraf bumiputra untuk membasmi kemiskinan dan memberikan kedudukan yang seimbang dan pembahagian rezeki yang sama kepada semua kaum di dalam negeri ini. Di samping kenikmatan yang dirasakan oleh rakyat dengan melalui Dasar Ekonomi Baru, tetapi masih juga terdapat kekeciwaan, rasa kesal serta tidak puas hati oleh setengah daripada setengah rakyat dalam negara ini disebabkan pihak-pihak yang diberi tanggungjawab di dalam satu-satu pelaksanaan, satu-satu pembangunan dan mencari jalan untuk membantu bumiputra serta menggalakkan bumiputra di bidang perniagaan, perindustrian dan sebagainya adalah merasa dukacita, disebabkan setengah-setengah pegawai yang bertanggungjawab di dalam satu-satu projek adalah memberikan jawapan yang mengecewakan, sedangkan bagi satu-satu tender oleh dikeluarkan dalam masa yang sebegitu singkat sehingga tidak ada masa bagi pihak pemborong-pemborong itu memeriksa jika tender-tender ini mengenai satu kawasan atau projek, juga untuk menilaikan harga yang tidak merugikan.

Yang paling mendukacitakan sekali ialah dengan keadaan tempat yang diberikan secara tender, sehingga bukan sahaja akan merugikan, tetapi setengah daripada setengah tempat itu tidak dapat dikerjakan yang mana pemborong-pemborong berasa patah hati dengan keadaan tersebut. Selain daripada itu, yang menghairankan kita jika tempat-tempat yang baik, tempat yang boleh mendapatkan keuntungan, pihak-pihak ini akan mengatakan tempat-tempat itu hendak dikerjakan sendiri. Jadi, seolah-olah tender ini sebagai melepaskan batuk ditangga sahaja. Sedangkan pemborong-pemborong kita bukanlah sahaja terpaksa membayar wang pertaruhan, juga terpaksa mengeluarkan wang kerana membeli borang-borang tender dan juga wang-wang pertaruhan ini jika permohonan tidak dihasilkan, wang-wang ini terlalulambatkan untuk dikembalikan, kadang-kadang memakan masa hampir-hampir setahun sedangkan rakyat mahu mulai menceburkan diri di dalam perniagaan tentulah mereka memerlukan wang-wang mereka untuk dijadikan modal yang lain. Kita adalah mengharapkan kepada yang menerima tanggungjawab haruslah menyedari bahawa apa yang dipertanggung itu adalah hasrat para pemimpin kita dan hasrat Kerajaan bagi memenuhi tanggungjawab kepada sesebuah negara. Dari itu, saya berharap supaya pegawai-pegawai yang menyeleweng itu menyedari akan keburukan perbuatan mereka. Kita merasai penuh keinsafan dan seterusnya memberi kerjasama dan taat setia kepada mereka yang tidak berbelah-bahagi kepada Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita demi kepentingan negara kita.

Di akhir ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga kepada Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, kerana masing-masing telah dipilih memegang jawatan dalam Dewan yang mulia ini. Pemilihan ini memanglah kena pada tempatnya, dan apa yang saya harap dengan kebijaksanaan kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dalam Dewan Rakyat ini.

4.47 ptg.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Pertua, di dalam mempersembahkan sokongan usul terima kasih kepada Titah Ucapan **Haji Asneh (Hilir Padas)**: Tuan Yang di-

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibuat di Dewan yang mulia ini pada 5hb November, 1974. Saya bagi pihak rakyat yang saya wakili di kawasan Hilir Padas khasnya dan di Negeri Sabah amnya adalah sangat-sangat menerima kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang mana sebuah Kerajaan yang sentiasa menitikberatkan kepentingan rakyat jelata keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mewakili rakyat di kawasan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Timbalan Yang di-Pertua yang terpilih mengetuai Dewan yang mulia ini semoga Allah lanjutkan usia, sihat walafiat dengan tenaga yang berlipat ganda dari masa ke semasa untuk menyelenggarakan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang dari Ahli Dewan yang mulia ini, maka izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan sanjungan kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang mana telah mendapat kemenangan besar di dalam Pilihanraya Umum yang baru lalu dengan kejayaan yang sungguh tidak disangka oleh pihak-pihak pembangkang yang telah meramalkan dengan perasaan takbur mereka mengatakan Parti Barisan Nasional tidak akan dapat dua-pertiga sokongan dari rakyat Malaysia. Tetapi keputusan Pilihanraya Umum telah menentukan bahawa lebih daripada dua-pertiga rakyat yang memberi sokongan dan memberi mandat kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri untuk membentuk Kerajaan Barisan Nasional yang kokoh dan dedikasi. Tuan yang di-Pertua, semoga Allah redai dan berkati perjuangan Kerajaan Barisan Nasional dan pihak yang berperasaan takbur akan hancur dengan sendiri di arena politik negara kita yang bertuah ini.

Selaku Wakil Rakyat dan pemyambung lidah rakyat, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya supaya menitikberatkan pelaksanaan Lebuhraya Timur-Barat di Sabah dengan melipatgandakan tenaga dan peruntukan bagi pembinaannya mulai tahun hadapan. Saya percaya dan yakin bahawa

Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalannya telahpun menyaksikan sendiri bagaimana keadaan yang sebenarnya berlaku di kawasan keseluruhan jalanraya di negeri Sabah terutama sekali di antara Papar dan Sedumin di dalam kawasan Lebuhraya Timur-Barat semasa lawatan mereka ke negeri Sabah baru-baru ini. Saya ingin mencadangkan supaya Jalanraya Beaufort-Menumbok dapat diambilalih oleh Kerajaan Pusat dengan pembinaan perkhidmatan feri di antara Menumbok dan Labuan. Berhubung dengan pengambilanalih jalanraya dan perkhidmatan feri tersebut oleh Kerajaan Pusat adalah satu kejayaan Kerajaan Pusat yang begitu tinggi nilainya demi mempertingkatkan taraf hidup rakyat dan juga perusahaan perniagaan di Pulau Labuan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya seperti mana terdapat di Pulau Pinang di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini, izinkanlah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Perhubungan Malaysia supaya menitikberatkan dan membekalkan alat-alat talipon yang baik di negeri Sabah terutama sekali di kawasan pendalaman termasuklah di kawasan saya. Kadang-kadang saya tidak dapat menghubungi Labuan dari Beaufort melalui talipon kerana ada kalanya tidak kedengaran langsung kita bercakap melalui talipon.

Di bidang Sebaran Am di negeri Sabah adalah sangat berkurangan terutama sekali kereta kereta filem yunit Jabatan Penerangan, adalah tidak mencukupi di kawasan luarbandar termasuklah di kawasan saya sendiri yang sangat berkurangan dengan kereta-kereta filem yunit Jabatan Penerangan ini, yang amat perlu untuk kepentingan rakyat dan demi kepentingan Kerajaan bagi mempercepatkan sebaran am kepada rakyat berhubung dengan perkembangan dan pembangunan negara. Maka satu-satunya melalui sebaran filem-filem yunit Jabatan Peneranganlah yang paling berkesan kepada rakyat di luarbandar.

Selaku seorang rakyat yang setia dan terpilih pula menjadi Ahli Dewan yang mulia ini, maka dengan ini saya dengan tegasnya menafikan tuduhan Ahli-ahli Pembangkang yang mengatakan Kerajaan Negeri Sabah

menolak permintaan mereka untuk masuk melawat ke negeri Sabah pada masa pilihanraya umum yang baru lalu, terutama sekali tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Penolakan Kerajaan negeri Sabah adalah penolakan yang adil di sisi undang-undang bagi menjaga ketenteraman dan perpaduan rakyat di dalam negeri. Di mana-mana Kerajaan dan bentuk apa pun di dalam dunia ini adalah adil di sisi perlembagaannya. Tuduhan tidak adil itu adalah terbit dari golongan yang mengacaubilaukan keadilan dan perpaduan rakyat sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pukul 5.00 petang Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab, tolong ringkaskan ucapan.

4.54 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Terlebih dulu saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana terpilih menjadi Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul Ucapan Terima Kasih kepada titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka-lah mengambil kesempatan sedikit menyuarakan keadaan dan desakan-desakan yang disampaikan kepada saya oleh rakyat di dalam kawasan saya. Oleh kerana kita sekarang ini baharu sahaja lepas pilihanraya maka ucapan-ucapan yang telah diucapkan ataupun janji-janji dibuat pada pilihanraya baru-baru ini, maka desakan-desakan itu telah datang mencurah-curah kepada Wakil Rakyat yang baru khasnya seperti saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang saya wakil terdiri dari segolongan besar ialah penduduk daripada kaum nelayan.

Pendapatan mereka amatlah kecil sekali, dan di dalam keadaan suasana inflasi sekarang ini keadaan hidup mereka amatlah susah sekali. Jadi kalau mengikut apa yang berlaku ataupun apa yang terdapat dalam pentadbiran Kerajaan kita pada hari ini, bagi orang-orang yang makan gaji misalnya bolehlah pihak Kerajaan menimbangkan untuk menambah gaji mereka ataupun untuk menyempurnakan tuntutan kenaikan gaji itu. Tetapi kepada penduduk-penduduk yang tidak bekerja makan gaji, maka kehidupan

mereka itu amatlah susah dan kebanyakan mereka tidak berpendapatan lebih daripada \$100.00 sebulan. Mereka merayu kepada Kerajaan supaya membanyakkan projek ataupun berusaha bagi menambah pendapatan mereka. Mereka ini amatlah susah oleh kerana keadaan inflasi yang begini hebat sekali.

Saya suka merayu di dalam Dewan yang mulia ini supaya membanyakkan projek pembukaan tanah khasnya di dalam negeri Trengganu lebih-lebih lagi di dalam kawasan saya sendiri, gunanya apabila Kerajaan membuka kawasan-kawasan khas misalnya seperti Felda dengan seluas-luasnya dapatlah dimasukkan penduduk-penduduk daripada kaum nelayan itu separuh kepada rancangan yang dibuka oleh Kerajaan sendiri. Dengan cara begini, saya memikirkan dapat mengurangkan pekerja-pekerja mencari makan secara nelayan dan apabila kaum nelayan berkurangan sedikit maka tidaklah menjadi banyak sangat kaum nelayan itu berebut-rebut untuk berlumba menjual ikan atau hasil mereka dengan murah.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh dalam usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ada menyebut di antara lain: "pembangunan ekonomi hendaklah juga disertai dengan pembangunan kerohanian . . ." Dalam menyempurnakan Titah Ucapan ini saya berharap Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang berat dan menyusun langkah-langkah yang lebih berkesan dengan kerjasama yang kuat daripada Badan Yayasan Dakwah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Saya mempunyai keyakinan penuh kepada Badan ini dan Ketuanya sendiri. Sekiranya Badan Yayasan Dakwah ini menyusun dan bergerak dengan lancar maka dalam tempoh tidak berapa lama lagi kita akan dapat saksikan hasil dan kejayaannya yang baik boleh memenuhi harapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan pada Kerajaan sendiri hendaklah bersedia memberi peruntukan wang yang cukup yang diperlukan oleh Badan ini bagi melancarkan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang khalwat yang sama di antara orang-orang Islam dan bukan Islam di dalam negeri hendaklah dipertimbangkan dan hendaklah

dibuat supaya keadaan yang berlaku di dalam negeri kita ini tidaklah memalukan kita semua. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila seseorang itu ataupun pasangan yang berkhawatir itu ditangkap dan didenda hanya kepada orang-orang Islam sahaja yang dikenakan hukuman. Sebagaimana telah berlaku, misalnya, di Kelantan pernah dijatuhkan hukuman kepada pasangan yang berkhawatir itu, tetapi pasangan lelakinya ialah orang yang bukan Islam maka

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di tempat lain pun ada berlaku juga!

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Itulah sebabnya saya bangkitkan. Maka eloklah kita bekerjasama, saya dan pihak Tuan Yang di-Pertua sendiri desak Kerajaan supaya segera membuat undang-undang dan perkara ini tidak berlaku lagi seperti yang telah berlaku itu yang memalukan kita semua.

5.00 ptg.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan daripada hujah-hujah yang dibangkitkan disepanjang perbahasan Titah di-Raja mengenai Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa ialah masaalah pengeluaran makanan yang cukup, termasuk pengeluaran buah-buahan dan juga makanan binatang ternakan memandangkan kepada inflasi yang mendadak sekarang ini. Langkah-langkah sudahpun diambil bagi melipatgandakan pengeluaran makanan di negara kita ini. Keperluan kawasan telahpun ditetapkan bagi satu-satu lapangan seperti pertanian, ternakan dan lain-lain perusahaan. Perlaksanaan usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan kawasan dan juga kerjasama daripada rakyat jelata sekalian. Setiap langkah akan diambil bagi memastikan kejayaan usaha-usaha ini.

Saya suka menyatakan di sini, iaitu keluasan kawasan tanaman padi dua kali setahun pada tahun 1975 ialah 588,960 ekar. Keluasan ini ialah 88,960 ekar lebih daripada matlamat yang ditetapkan. Usaha-usaha mempelbagaikan pertanian juga sedang diperhebatkan lagi. Sebelum tercapainya kemerdekaan dahulu Malaysia hanya mengeluarkan 35% sahaja padi di negara kita tetapi pada hari ini negara kita mengeluarkan

atau Semenanjung Malaysia mengeluarkan sebanyak 90% padi yang dikehendaki. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan dahulu, dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional, telah menjalankan daya-usaha yang bersungguh-sungguh dan telah mencapai kejayaan yang besar, dan kejayaan yang seperti itu akan disambungkan lagi dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Ketiga yang akan datang.

Di bidang tanaman kelapa seluas 78,972 ekar telah ditanam semula ataupun dipulihkan di bawah rancangan penanaman semula dalam rancangan pemulihan kelapa yang dimulakan sejak tahun 1963. Tanaman selingan koko telah dimulakan dalam tahun 1971 dan dijadikan satu syarat kepada petani-petani yang hendak mengambil bahagian dalam menanam semula pokok kelapa mereka. Setakat ini 10,700 ekar telah disulam dengan tanaman koko ini. Matlamat Rancangan Malaysia Kedua ialah untuk menyulam 20,000 ekar tanah tersebut. Lain-lain tanaman selingan juga diadakan mengikut kesesuaian tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga sedar bahawa Malaysia masih lagi mengimpot buah-buahan yang berharga hampir-hampir \$25 juta setahun. Rancangan-rancangan sedang ditimbang supaya negara ini dapat mengeluarkan buah-buahan yang lebih banyak supaya dapat menyelamatkan pertukaran wang sebanyak yang saya sebutkan tadi. Pada masa ini Malaysia mengeluarkan lebih kurang 764,826 tan buah-buahan setahun. 80,000 tan daripada buah-buahan negeri ini telah diekspot keluar negeri yang harganya sebanyak \$11.5 juta setahun. Negara ini berkehendakkan buah-buahan yang cukup bagi keperluan 9 juta rakyat atau 10 juta rakyat ialah sebanyak 997,253 tan pada tiap-tiap tahun. Ini berdasarkan kepada hetong panjang bagi keperluan seseorang sebanyak 5.3 aun yang cukup mengandungi vitamin C yang dikehendaki oleh manusia. Impot buah-buahan sekarang ini ialah sebanyak 50,000 tan pada setahun yang wangnya terlibat sebanyak hampir-hampir \$25 juta. Ini bermakna Malaysia kekurangan sebanyak 340,447 tan buah-buahan yang boleh dikeluarkan daripada kawasan-kawasan baru seluas 58,496 ekar yang mana sedang diusahakan oleh Kementerian ini. Begitu juga makanan ternakan masih lagi dibawa masuk ke negara ini yang berjumlah sebanyak \$93 juta

setahun. Kementerian ini sedang berikhtiar mendapatkan tanah yang cukup bagi mengadakan makanan ternakan yang cukup bagi menyelamatkan pertukaran wang luar negeri sebanyak yang saya sebutkan itu.

Penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan juga diperhebatkan dikalangan rakyat di mana kemudahan-kemudahan benih disediakan. Bagi memastikan kejayaan pengeluaran makanan yang cukup ini, pasukan-pasukan petugas yang telah dibentuk akan mengumumkan syor-syor mereka pada penghujung bulan ini ataupun awal bulan hadapan supaya dapat dilaksanakan secara integrated approach. Perlaksanaan tanaman akan disokong dengan penyelidikan yang diselenggarakan oleh MARDI, Ajensi-ajensi Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Bank Pertanian, MARDI, FAMA dan lain-lain adalah mampu memainkan peranan mereka masing-masing untuk menghadapi masalah petani-petani. Saya berharap dengan adanya kesedaran kesemua pihak lapangan pertanian negara khususnya pengeluaran makanan yang cukup dapat diselenggarakan dengan jayanya.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah perikanan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat bertambah ramai dan jumlah penangkap-penangkap ikan juga bertambah sedangkan daripada penyelidikan yang diusahakan sekarang didapati bahawa jumlah ikan dilaut negara kita makin berkurangan. Maka untuk mengatasi masalah ini hanya satu sahaja jalan keluar mesti diikuti iaitu menggalakkan rakyat negeri ini dan dengan memberi mereka pertolongan supaya menangkap ikan ke lautan dalam yang lebih jauh daripada tempat biasa. Dengan hal mereka yang demikian, maka nasib nelayan-nelayan juga akan dapat diperbaiki pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak banyak masalah Kementerian ini dibangkitkan di Dewan ini, maka hanya setakat itu sahaja jawapan yang perlu saya berikan.

5.09 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas dua tiga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membuat perkiraan dengan tersendiri mengenai kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini dan dengan ini beliau berharap untuk menghapuskan "myth" iaitu Barisan Nasional telah mendapat sokongan yang kuat daripada rakyat. Beliau membuat perkiraan, perhetongan yang menunjukkan bahawa 38% daripada pengundi-pengundi menyokong Pembangkang. Ahli Yang Berhormat dari Kepong cuba menunjukkan 38% pengundi menyokong Pembangkang, ini, Tuan Yang di-Pertua, cuma hisab Ahli Yang Berhormat seorang sahajalah. Ini cuma angka buat-buat untuk menghiburkan hati orang yang keciwa, kerana kalau dipandang sekali lintas pun angka 38% ini tidak menasabah—banyak kerusi dimenangi oleh Barisan Nasional tanpa bertanding. Jadi saya rasa angka 38% ini hanya angka Ahli Yang Berhormat sebagai doktor ahli-nujum.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu ada juga menyoalkan tentang pendaftaran pengundi-pengundi yang sedang dilakukan sekarang oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang akan berakhir pada 17hb November, 1974. Beliau ragu-ragu samada Suruhanjaya Pilihanraya dapat mendaftarkan semua pengundi-pengundi dan terus bertanya berapa banyakkah pengundi-pengundi yang dapat didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam masa yang singkat dan berapa orang mengetahui tentang adanya urusan pendaftaran yang dijalankan sekarang.

Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa "publicity" yang seluasnya telahpun diberi melalui sebaran am Kerajaan dan juga akhbar-akhbar atas pendaftaran pengundi-pengundi yang sedang dijalankan sekarang oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Lebih dari 4,000 Penolong Pegawai Pendaftaran (Assistant Registering Officers) sedang menjalankan tugas ini dan saya percaya pihak Kerajaan percaya dan saya rasa pihak Suruhanjaya pun percaya tugas ini akan dijalankan dengan sempurna dan Kerajaan menyeru semua rakyat yang cintakan demokrasi dan masyarakat berilhamkan Rukunegara bekerjasamalah di dalam hal pendaftaran ini.

Berkenaan dengan perjalanan pilihanraya di Sarawak Ahli Yang Berhormat dari Kanowit telah membuat teguran. Ahli Yang Berhormat itu tentu saya rasa berlaku lebih

adil sekiranya Ahli Yang Berhormat itu membaca keseluruhannya teks kenyataan akhbar yang dibuat oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya itu, dan tidak cuma mengambil dan memperbesarkan cabutan untaian kata dari teks tersebut. Jika diteliti betul-betul, Suruhanjaya Pilihanraya pada keseluruhannya puas hati dengan perjalanan pilihanraya di Sarawak. Dalam menjalankan kempen pilihanraya, mungkin ada beberapa calon, kerana terlalu ghairah dalam menjalankan kempen pilihanraya, secara tidak disedari telah melanggar tata tertib dan peraturan pilihanraya, perbuatan yang disebutkan oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya sebagai melanggar Akta Kesalahan Pilihanraya. Dalam pilihanraya umum di Sarawak, semua Penyelia Pilihanraya Negeri Semenanjung Malaysia telah dihantar ke Sarawak untuk membantu pilihanraya di situ. Saya telah diberitahu bahawa semua Penyelia Pilihanraya Negeri yang terlibat telah diminta mengemukakan laporan lengkap terhadap masalah-masalah dan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan dalam kempen pilihanraya tersebut. Jadi, tidaklah wajar untuk saya menentukan apakah kesalahan dan kelemahan sebenar yang telah berlaku sebelum laporan Penyelia-penyelia Pilihanraya Negeri yang bertugas secara langsung di tiap-tiap Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri di Sarawak itu diterima, dikaji dan diteliti terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Kebawah Duli telah menyatakan, di antara lain, bahawa Kerajaan tidak memberi pertimbangan yang tegas atas konsep dan amalan demokrasi berparlimen dan seterusnya beribu-ribu orang telah dinafikan hak mereka untuk mengundi. Beliau juga menyatakan bahawa beliau berasa bimbang kerana perkembangan politik baru-baru ini tidak menuju ke arah "a healthy and steady growth of meaningful democratic processes and institutions in the country".

Saya suka menyentuh terutamanya kepada tuduhan beliau mengenai rakyat yang dinafikan hak mengundi mereka. Sebenarnya ketinggalan nama-nama pengundi yang berdaftar ini telahpun dibangkitkan pada masa soal-jawab pada 6hb November, 1974 dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberi jawapan yang lengkap atas kedudukan perkara ini. Sungguhpun demi-

kian, Ahli Yang Berhormat itu masih mengambil peluang untuk membangkitkan perkara ini dan memperbesarkan sebagai satu usaha beliau untuk memburukkan nama Kerajaan yang mempunyai sokongan dan kepercayaan yang besar daripada rakyat. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak mempunyai modal lain untuk ditimbulkan di sini dan mencerminkan betapa uzur keadaan pemikiran di sisi parti Pembangkang pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa dalam Barisan Nasional tidak ada "the existence of built-in checks and balances in the Barisan Nasional to avoid these dictatorial trends and attitudes, it would appear that there are spreading dictatorial trends in other parts of Malaysia".

Biarkan saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa trend is not destiny dan destiny kita adalah menyempurnakan satu masyarakat democratic yang adil berilhamkan Rukunegara dan sekiranya benar ada trend ke arah dictatorship tunasnya akan dipatahkan. Pimpinan Barisan Nasional sekarang berpegang teguh kepada demokrasi dan cita-cita politiknya adalah dibayangkan di dalam Rukunegara. Kita tidak takbur di negeri ini, tetapi kita menyatakan tidak ada seorang pun di dalam dunia berdasarkan faktor-faktor sejarah yang lalu yang dapat memecahkan rekod Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak iaitu rekod memegang kuasa mutlak memerintah negara tanpa Parlimen sesudahnya Peristiwa 13 Mei tahun 1969. Pada masa itu beliau mentadbirkan negara dengan bantuan Majlis Gerakan Negara dan dengan dhaifnya saya berasa bertuah dapat berkhidmat dengannya. Majlis Gerakan Negara itu tidak mentadbirkan negara lebih daripada masa yang diperlukan, walaupun satu hari, tidak. Kemudian Tun Abdul Razak dalam tempoh 21 bulan sahaja kembalikan hak rakyat kepada rakyat, pulih semula Parlimen. Apakah jenis manusianya Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak ini? Adakah ini jenis dictator yang dalam dunia tidak pernah orang pulangkan kuasa, dia pulangkan kuasa! Ini patut kita tanya. Dia di dalam Barisan Nasional kita mempunyai 9 parti politik yang bergabung diri dalam Barisan Nasional yang sudah sedia ada tenaga tapis-menapis

dan timbang terima bagi mengelakkan Barisan Nasional ke arah sistem politik dictator.

Saya boleh berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh tanggungjawab, berdasarkan pengalaman saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa merangka manifesto Barisan Nasional. Apa juga yang diputuskan adalah manik-manik yang diterima ramai atau mempunyai consensus selepas tapisan yang teliti. Tuduhan dictatorship terhadap Barisan Nasional itu hanya saya rasa untuk mengelirukan rakyat. Apakah Yang Berhormat dari Kota Melaka menganggap bahawa Barisan Nasional mempunyai majoriti yang begitu besar maka demokrasi tidak akan berjalan atau tidak boleh berjalan sebab terlampau banyak? Kalau begitu bilangannya sahaja yang menjadi ukuran atau nilai. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka menganggap Kerajaan Singapura satu Kerajaan dictator? Saya harap dia jawab tuduhan ini! Tidak berapa lama dahulu semasa kekecohan berlaku dalam parti Yang Berhormat dari Kota Melaka tuduhan-tuduhan telah dilimpahkan oleh bekas-bekas anggota partinya yang terkemuka menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu sebagai Ketua Parti DAP bersikap "dictator". Oleh yang demikian, boleh jadi agaknya tuduhan ini adalah satu perkara yang telah dengan tidak sengaja terbawa oleh beliau kerana pengalaman dirinya dalam hal ini.

Biasa dipisau jangan bawa ke parang,
Biasa diengkau jangan bawa ke orang.
Mengata dulang paku serepeh,
Mengata orang aku yang lebih.

Saya minta maaf kepada maya semangat bekas Ahli Yang Berhormat dari Parit.

5.19 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini menjawab soalan-soalan, pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Saratok bercakap berkaitan dengan memperbaiki kemudahan-kemudahan perubatan di Sarawak. Suka saya menjawab bahawa pihak Kerajaan memang mengambil berat atas usaha-usaha meninggikan taraf kesihatan dan kebersihan di luar bandar.

Di Sarawak usaha-usaha kita meninggikan taraf kesihatan lebih sukar oleh kerana beberapa faktor seperti kepencilan dan jarak tempat-tempat, kesukaran perjalanan, kurang pengetahuan dan pelajaran penduduk-penduduk dan lain-lain lagi. Sebagai langkah jangka panjang masaalah kesihatan dapat diatasi dengan adanya pusat-pusat kesihatan dan kelinik-kelinik di luar bandar. Ini sedang dikaji untuk dilaksanakan dengan lebih giat lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan bekalan air, suka saya sebutkan di sini bahawa kemajuan projek membina bekalan air (Community Water Supply) sedang berjalan dengan memuaskan. Bilangan projek yang telah sedia ialah 31 buah bagi tahun 1972, 29 buah bagi tahun 1973 dan 71 buah bagi tahun 1974. Juga dalam tahun 1974 64 buah projek bekalan air minuman sedang dibina. Peruntukan bagi bekalan air di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$778,000, \$142,000 bagi tahun 1971-1973, \$351,000 lagi tahun 1974 dan \$285,000 bagi tahun 1975. Projek ini akan dinyatakan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya kempen pelajaran kesihatan diadakan dengan cara integrated, melihat beberapa Kementerian yang menggunakan sukarelawan-sukarelawan. Perkara ini harus dikaji dengan lebih dahulu kerana ini adalah menggunakan konsep pembangunan masyarakat dan beberapa faktor yang mempengaruhi ubah-sikap penduduk-penduduk hendaklah dikaji sebelum kempen sedemikian dapat dijalankan dengan berjaya.

Berkaitan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Belud mengenai perkara kekurangan doktor-doktor di Sabah dan soal untuk mengadakan banyak lagi kelinik-kelinik, suka saya menjawab di Dewan ini bahawa saya sedar di atas kekurangan doktor-doktor di hospital-hospital dan kelinik-kelinik di Sabah dan oleh yang demikian saya telahpun menghantarkan beberapa orang doktor dan doktor pakar ke Jabatan Perubatan Sabah. Pada masa ini sudah ada seramai 19 orang doktor dan doktor pakar dari Semenanjung Malaysia berkhidmat di Sabah dan di samping itu doktor-doktor yang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Sabah

sendiri. Pada tahun 1974 sebanyak 10 jawatan Pegawai Perubatan telahpun ditambah. Sepuluh jawatan lagi bertambah dalam tahun 1975 untuk Jabatan Perubatan di Sabah menjadikan 84 jawatan. Pada tahun 1973 cuma ada 64 jawatan. Kementerian saya akan cuba menghantar doktor-doktor dari Semenanjung Malaysia dengan seberapa banyak yang boleh jika sekiranya Jabatan Perubatan Negeri Sabah dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sabah tidak dapat mengambil doktor-doktor mereka sendiri. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan selalu memberi keutamaan yang tinggi atas pembinaan klinik-klinik di luar bandar di Sabah dan sehingga bulan September tahun ini telah dibina satu Pusat Kesihatan Daerah, 46 buah Pusat-pusat Kesihatan Kampung dan 9 buah dispensary luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Selain daripada itu 2 buah Pusat Kesihatan Daerah dan 18 buah pusat-pusat Kesihatan Kampung sedang dibina dan akan siap tidak lama lagi. Tawaran juga sedang dipanggil untuk membina 14 buah Pusat Kesihatan Kampung yang lain. Tindakan juga sedang diambil untuk membina 3 buah Pusat Kesihatan Daerah dan 35 buah Pusat-pusat Kesihatan Kampung lagi pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Siput, mencadangkan untuk menambahkan lagi klinik-klinik bergerak. Sukalah saya menjawab, iaitu Kementerian saya sentiasa memberi keutamaan yang tinggi sekali atas perkara ini. Pasukan-pasukan Perkhidmatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak membuat lawatan ke kampung-kampung di luar bandar untuk memberi perkhidmatan ini kepada rakyat biasa dan pada masa ini lebih dari 300 pasukan ini menjalankan tugas-tugas mereka di kawasan luar bandar.

Selain daripada itu, Kementerian saya bercadang hendak mengadakan Klinik Bergerak Khas untuk memberi perkhidmatan di kampung-kampung yang terpencil di luar bandar. Klinik Bergerak Khas ini akan mengandungi seorang doktor dan juga jururawat kesihatan dan kakitangan yang lain. Bagi tahun hadapan 12 buah klinik bergerak seperti ini akan diberi perkhidmatan di

kawasan-kawasan luar bandar dan pada tahun 1976 akan bertambah kepada 26 buah. Kementerian akan menambahkan perkhidmatan ini dari setahun ke setahun sebagai satu langkah perkhidmatan yang istimewa.

Mengenai soal atas cadangan untuk mengadakan sebuah hospital di Sungai Siput, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana mengambil berat mengenai perkara ini. Walaupun demikian, Yang Berhormat tentu sedar bahawa banyak kawasan-kawasan lain di Pantai Timur di mana keadaan lebih terpencil jika dibandingkan dengan kawasan Sungai Siput. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan terpaksa memberi keutamaan yang lebih tinggi untuk memberi perkhidmatan hospital kepada penduduk-penduduk di kawasan itu seperti di Kelantan, Trengganu dan Pahang. Untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Sungai Siput dan kawasan sekitarnya, Kementerian ini bercadang menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil kepada Pusat Kesihatan Besar dan menempatkan pegawai perubatan dan pegawai pergigian di situ.

Berikutan dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Panti mengenai sick-bay di Penggaram, sukalah saya menjawab bahawa bangunan gedung ubat di Penggaram, Kota Tinggi telah diluaskan dengan pembinaan bilik-bilik pesakit untuk menjadikan kepada sebuah sick-bay. Dua buah bilik telah disediakan. Satu untuk pesakit lelaki dan satu untuk pesakit perempuan dan empat buah katil telah diadakan bagi pesakit-pesakit mendapatkan rawatan sebelum dihantar ke hospital. Perkhidmatan di sick-bay ini telah dimulakan pada bulan Februari tahun ini. Sejumlah \$15,000 telah dibelanjakan untuk projek-projek yang tersebut di atas. \$13,000 daripada peruntukan itu telah dibelanjakan untuk tambahan bangunan yang tersebut di atas dan juga \$2,000 daripadanya telah dibelanjakan untuk membeli katil-katil, perabot-perabot dan kelengkapan-kelengkapan. Sehingga hari ini 10 orang pesakit telah menerima rawatan di sick-bay itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil dari kawasan Air Hitam supaya melonggarkan undang-undang menghalalkan pengguguran anak. Saya berpendapat bahawa

perkara ini tidaklah sesuai dengan masyarakat kita. Semua doktor sedar di atas kedudukan perubatan dan undang-undang berkaitan dengan pembedahan ini. Dan sebagai perkara yang sebenarnya pembedahan yang seumpama itu boleh dilakukan jika petunjuk-petunjuk dan prinsip-prinsip itu digunakan dengan betul. Kesulitan itu tidaklah seburuk sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Angka-angka daripada hospital-hospital kita bagi tahun 1973 dibandingkan dengan tahun 1970 adalah seperti berikut:

	1973	1970
Jumlah keguguran anak dengan toxemia tetapi tanpa disebutkan subsist	104	142
Jumlah keguguran anak dengan tidak disebutkan toxemia atau subsist ...	13,363	11,807
Jumlah keguguran anak dengan subsist ...	875	814

Sungguhpun benar keguguran anak mendatangkan mudarat kepada ibu yang berkenaan tetapi menghalangkan keguguran tidak akan dapat mengatasi masalah ini oleh kerana mungkin akan menambahkan pula beberapa soal sosial dan moral yang serious. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa sejumlah besar Pengguguran adalah berlaku dikalangan ibu-ibu yang banyak anak dan apabila penghamilan berlaku terlalu kerap. Dengan itu adalah lebih penting ibu-ibu diberi asuhan dan pelajaran bagaimana penghamilan tersebut dapat dijarakkan supaya tidaklah bersalin terlalu kerap untuk kepentingan kesihatan mereka. Perkhidmatan ini sedang diberi melalui Perkhidmatan Kesihatan dan Perancang Keluarga melalui hospital-hospital dan klinik-klinik.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong Karang berkaitan dengan kekurangan doktor di Hospital Tanjong Karang itu. Saya sendiri sedar bahawa hospital itu sekarang adalah kekurangan doktor misalnya 4 orang sekarang tinggal 2 orang sahaja oleh kerana ada seorang doktor pakar sakit jantung dan mendapatkan rawatan perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur dan juga seorang lagi doktor sudah ditukarkan ke kawasan lain. Dengan itu saya sendiri akan mengambil

perhatian jikalau bilangan doktor yang ada berkurangan pada masa yang akan datang, kekosongan itu akan dipenuhi.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Datuk Keramat beliau menyatakan berkaitan dengan perkhidmatan Hospital Besar yang buruk dan juga sikap Pengarah Perubatan dan Kesihatan di Pulau Pinang itu tidak berapa sesuai dan sebagainya, soalan ini akan saya ambil perhatian dan satu siasatan akan diambil pada satu hari kelak.

5.34 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk meringkaskan jawapan saya maka saya tidaklah bermaksud hendak menjawab satu-persatu perbincangan daripada tiap-tiap Ahli yang menyentuh Kementerian saya, memadamkan saya simpulkan sahaja kepada beberapa perkara.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyebutkan perkara-perkara dan mengemukakan syor-syor. Pertama sekali, ada Ahli Yang Berhormat meminta belia-belia ini diawasi kegiatan ataupun pergerakannya. Yang sebenarnya, inilah satu daripada tugas Kementerian saya yang penting iaitu mengawasi kegiatan ataupun pergerakan belia supaya berguna kepada bangsa dan tanah air kita. Cuma cara kita mengawasi kegiatan belia-belia ini adalah secara yang constructive dan positif iaitu dengan memberikan bantuan-bantuan, pimpinan-pimpinan, nasihat-nasihat, galakan-galakan dan sebagainya. Dan di dalam bidang ini, ada Ahli Yang Berhormat meminta supaya belia-belia, terutama sekali belia-belia yang telah keciciran di dalam sekolah dan tidak dapat pekerjaan, diberi latihan. Rancangan melatih belia-belia dengan berbagai-bagai kemahiran memanglah telah lama dijalankan, samada oleh Kementerian saya dan juga Kementerian-kementerian yang lain dan samada secara formal ataupun tidak formal.

Di dalam Kementerian saya latihan secara formal yakni ada tempat tinggal, ada asrama dan sebagainya, misalnya di Pusat Latihan Belia di Dusun Tua. Tetapi ada banyak lagi latihan yang diberikan secara tidak formal iaitu belia-belia diberikan latihan mengenai berbagai-bagai kemahiran samada di dalam

kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian ini sendiri ataupun yang dianjurkan oleh pergerakan-pergerakan belia dengan mendapat bantuan-bantuan samada bantuan wang, bantuan-bantuan alat-perkakas, bantuan elaun dan sebagainya oleh Kementerian saya. Dalam hal ini memanglah kita orientasikan latihan ini untuk melengkapkan belia-belie ini dengan berbagai-bagai jenis kemahiran yang boleh dipergunakan oleh mereka untuk hidup bagi mencari pekerjaan atau untuk perniagaan. Misalnya kita mengadakan kursus-kursus mekanik, samada mekanik motorsikal, motokar, lori dan sebagainya dan begitu juga jahitan-jahitan. Dan dalam hal ini, orientasi Kementerian ini ialah menjalankan kursus-kursus kemahiran yang lengkap yang dapat dipergunakan untuk diperniagakan kemahiran itu samada dengan mencari pekerjaan ataupun dengan membuka perniagaan sendiri di tempat masing-masing.

Kalau kursus jahitan itu kita ajarkan, maka orientasinya bukanlah kita hendak mengajar belia-belie ini mengenai jahitan-jahitan yang pelik-pelik yang sulit-sulit, misalnya tekat-menekat yang payah hendak diperniagakan kemahirannya itu. Tetapi apa yang kita utamakan ialah latihan jahitan, misalnya sampai boleh membuat seluar, kemeja, suit dan sebagainya. Kalau pakaian perempuan begitu juga supaya mereka boleh bekerja di tempat-tempat jahitan (tailoring) dan sebagainya, ataupun kalau mereka hendak membuka kedainya sendiri, mereka boleh menjalankan perniagaannya sendiri. Apabila mereka itu hendak menjalankan perniagaannya, sendiri, maka Kementerian saya juga memberikan bantuan ataupun mengikhtiarkan bantuan dalam hal kewangan dan sebagainya dengan cara mendapatkan bantuan kewangan dan lain-lain daripada ejensi-ejensi Kerajaan yang lain. Pendek-kata banyaklah jenis-jenis latihan kemahiran yang dijalankan di merata-rata tempat samada di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung, dan latihan yang seumpama ini akan diteruskan.

Begitu juga, ada syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kursus-kursus sivik dan penerangan diadakan bagi belia-belie. Ini memang pun telah dijalankan dan belia juga adalah digalakkan menjalankan kursus-kursus seumpama ini dengan tujuan memperbaiki akhlak, menentang masaalah dadah dan sebagainya. Dan ini memang telahpun di-

jalankan samada atas anjuran Kementerian saya sendiri ataupun atas anjuran badan-badan belia dengan mendapat sokongan dan bantuan daripada Kementerian saya.

Ada juga syor-syor yang mengatakan belia-belie di luar bandar patutlah dibanyakkan rancangan-rancangan pertanian untuk mereka. Yang sebenarnya perkara ini memanglah telah digalakkan oleh Kementerian saya iaitu di dalam Negeri-negeri diadakan rancangan-rancangan pertanian, ternakan dan sebagainya untuk belia-belie yang menganggur di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak ada apa-apa punca pendapatan ataupun kalau ada punca pendapatannya, maka punca pendapatannya tidak cukup dan mereka ada masa yang lapang untuk menjalankannya. Dalam hal ini Kementerian saya menjalankan rancangan-rancangan pertanian untuk belia-belie dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan yang lain seumpama Kementerian Pertanian dan Kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga syor yang mengatakan belia-belie Malaysia ini hendaklah dihantarkan melawat ke negeri-negeri luar, ke negeri-negeri yang baik sahaja. Sebagaimana kita semua maklum bahawa di dalam dunia ini tidak ada sebuah negeri pun yang semata-mata baik dan tidak ada sesebuah negeri pun yang semata-mata buruk ataupun jahat. Jadi oleh kerana itu, belia-belie yang dihantar keluar negeri ini tentulah ia terbuka atau terdedah kepada setengah-setengah pengaruh yang buruk. Tetapi walau bagaimanapun, dasar Kementerian ini ialah menghantarkan belia melawat keluar negeri itu dengan tujuan untuk mempelajari, melihat dan meniru contoh-contoh yang baik daripada negeri itu. Sebelum mereka itu keluar negeri, maka mereka dilatih atau diadakan kursus orientasi di Kementerian supaya mereka dapat menengok apa yang patut mereka lihat di luar negeri. Walaupun begitu, oleh kerana belia ini banyak, maka tentulah di antara yang beribu-ribu itu, bahkan yang berpuluh-puluh, beratus ribu tentulah ada satu dua yang tidak baik. Tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa rancangan menghantar belia-belie keluar negeri ini pada umumnya adalah mendatangkan kebaikan kepada belia-belie itu sendiri.

Ada juga syor daripada seorang Ahli Yang Berhormat supaya jangan belia-belia sahaja dihantarkan keluar negeri, tetapi hendaklah termasuk golongan-golongan yang lain seumpama pengarang. Ini sebenarnya telah-pun dibuat oleh Kementerian ini sejak daripada beberapa lama dahulu iaitu golongan pengarang-pengarang, tokoh-tokoh kebudayaan juga kita hantar keluar negeri dengan berbagai-bagai cara untuk berbagai-bagai tujuan, samada untuk menghadiri woksyp seminar dan sebagainya.

Yang akhir sekali, ada syor daripada seorang Ahli Yang Berhormat supaya bagi belia-belia yang berhijrah ke tempat-tempat perindustrian supaya mereka itu disediakan kemudahan perumahan. Perkara ini telahpun saya rundingkan dengan rakan saya Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan pada prinsipnya telahpun dipersetujukan bahawa akan diadakan rancangan-rancangan perumahan bagi belia-belia yang bekerja di kilang-kilang yang berpindah daripada kawasan-kawasan luar ke tempat-tempat kawasan perusahaan. Tentang detailnya, biarlah diterangkan oleh rakan saya sendiri pada masa yang akan datang.

5.44 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa, mengemukakan pandangan-pandangan pendapat-pendapat malahan teguran-teguran berkenaan dengan Kementerian saya, dan saya mengambil kesempatan memberi serba sedikit penjelasan jawapan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya sedar bahawa inflasi sekiranya tidak dikawal akan membawa keadaan meleset sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, dan kesan kenaikan harga barang-barang ini akan dirasakan oleh mereka yang berpendapatan kecil sebagaimana yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi. Atas kesedaran inilah maka Kementerian saya telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengkajian Harga yang mengkaji masalah kenaikan harga bagi barang-barang yang di bawah naungan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sebarang kenaikan akan hanya dibenarkan setelah kajian yang mendalam telah dibuat dan hanya jika kenaikan kos yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar tempatan tidak dapat diserap oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Oleh kerana telah ada badan untuk mengkaji harga, maka saya rasa tidak perlulah ditubuhkan lagi satu badan untuk mengendali kerja-kerja yang serupa seperti mana yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

Mengenai harga gula yang telah naik 10 sen sekati baru-baru ini perlu saya katakan di sini bahawa keperluan gula mentah untuk diproseskan oleh pengilang-pengilang tempatan adalah diimpot dibawa masuk ke dalam negara kita dan harga gula halus terikat dengan harga gula mentah di pasaran antarabangsa. Perbekalan gula mentah dari projek-projek tanaman tebu yang dijalankan di Perak dan Negeri Sembilan juga di Perlis merupakan hanya segelintir sahaja iaitu 10% daripada jumlah keperluan gula mentah negara kita. Harga gula mentah di pasaran harian London pada ketika ini telah mencapai kesatu puncak yang belum pernah dicapai dalam sejarah perdagangan gula. Kerajaan tidak dapat memberi subsidi untuk menampung kenaikan harga gula halus ataupun refined sugar, kerana Kerajaan telahpun memberi subsidi secara tidak langsung dengan mengorbankan hasil pendapatan cukai dengan memberi pengecualian semua cukai ke atas gula iaitu cukai eksais sebanyak \$167.30 sen satu tan dan 2% cukai tokok ataupun Surtax ke atas gula mentah.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Selayang bahawa tariff dan kawalan impot telah memburukkan lagi inflasi. Suka saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan mengenakan sekatan impot supaya pengeluaran barang-barang tempatan tidak terancam oleh pengimpotan dari luar negeri. Tanpa sebarang sekatan industri-industri tempatan tidak dapat hidup subur. Bagaimanapun Kerajaan sedar terhadap perlunya sekatan-sekatan ini diperlonggarkan untuk menambahkan bekalan pengeluaran tempatan dengan menggalakkan impot.

Dalam usaha ini Jawatankuasa Bertindak mengenai Tariff sentiasa mengkaji kedudukan paras sekatan-sekatan impot dan dari masa ke semasa telahpun melonggarkan sekatan-sekatan impot terutama sekali terhadap barang-barang keperluan. Badan ini mengandungi wakil-wakil dari Perbendaharaan,

FIDA, Jabatan Kastam dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, di mana dan jika perlu Kerajaan telahpun menghapuskan cukai-cukai impot barang-barang keperluan atas nasihat daripada badan ini. Oleh itu, maka tidaklah benar tariff rasa saya kawalan impot telah memburukkan lagi inflasi seperti mana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Selayang itu. Malahan pelonggaran kawalan impot telah digunakan untuk memperbaiki masalah inflasi dan kekurangan bekalan. Di sini ingin juga saya menyatakan bahawa ada kemungkinan langkah perlonggaran sekatan impot tidak sangat, rasa saya, berhasil untuk mencapai hasrat yang diharapkan kerana harga barang-barang di pasaran antarabangsa melambung naik. Walaupun begitu, tanpa peluang sekatan impot dikenakan harga akan menjadi lebih buruk lagi.

Atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan membekukan kenaikan harga barang-barang makanan. Kerajaan tidak mengeluarkan barang-barang makanan dan pengeluaran barang-barang makanan adalah diusahakan oleh pihak swasta, mereka inilah menjalankan pengeluaran barang-barang sebagai mata pencarian dan semestinyalah menghendaki sedikit keuntungan. Walaupun begitu Kerajaan mengawasi kenaikan harga barang-barang terutama sekali barang-barang yang telahpun diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan Akta Kawalan Bekalan, 1961. Bagi barang-barang ini pengeluar tidak boleh menaikkan harga keluaran mereka tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan. Sebarang kenaikan kos mestilah dikaji dengan sedalam-dalamnya dan kenaikan harga itu hanya diberi atas sebab-sebab yang menasabah dan yang tulen. Pembekuan harga bermakna sebarang kenaikan kos yang dihadapi oleh pihak swasta mestilah diserapi oleh Kerajaan. Kerajaan telahpun mengorbankan hasil pendapatannya dengan pemberian pengecualian cukai terhadap beberapa bahan mentah untuk menstabilkan harga dan pengorbanan ini tidak boleh diberi tanpa sebarang had.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Penyiasat terhadap harga simin, saya ingin menjelaskan bahawa kawalan harga yang dikenakan oleh Kerajaan ialah diperingkat pengeluaran sahaja. Harga di peringkat runcit bergantung kepada

cara pembayaran antara pembeli dan pengedar dan kedudukan kewangan pembeli-pembeli. Negara kita sekarang menghadapi kekurangan bekalan simin sebanyak lebih kurang 100,000 tan setahun. Langkah positif dengan menurunkan cukai impot simin dari \$12 kepada \$2 setan bertujuan supaya pengimpotan dari luar negeri dapat menambahkan bekalan tempatan. Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan telah memberi kelulusan supaya daya usaha pengeluaran-pengeluar tempatan simin diperbesarkan dan beberapa projek simin baru telah juga diluluskan. Jawatankuasa Penyiasat tidaklah perlu dan di Kementerian saya telah juga ditubuhkan Jawatankuasa Bertindak mengenai simin dan besi waja yang bertanggungjawab terhadap pembekalan bahan-bahan itu ke projek-projek Kerajaan supaya projek-projek ini tidak tergendala. Mana-mana kontraktor yang mengendalikannya projek-projek Kerajaan dan susah mendapat bekalan simin bolehlah berhubung dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Selayang juga menyatakan galakan pelaburan terutama kepada pengilang-pengilang asing telah menaikkan harga. Saya ingin menjelaskan bahawa galakan pelaburan tidak ada hubungannya dengan kenaikan harga barang-barang malah dari segi ideal yang galakan pelaburan yang diberikan kepada sesebuah syarikat itu boleh rasa saya menstabilkan atau mengurangkan harga-harga barang kerana sesebuah syarikat yang mendapat satu-satu galakan pelaburan itu mempunyai perbelanjaan yang kurang oleh kerana dikecualikan daripada cukai. Kenaikan harga barang seperti yang diketahui oleh umum adalah disebabkan oleh kekurangan dan kenaikan harga bahan-bahan mentah, kenaikan harga minyak dan tenaga bertambah permintaan-permintaan yang telah tidak dapat dipenuhi oleh supply yang ada. Kesukaran yang dialami oleh pengilang-pengilang samada pengilang-pengilang tempatan atau pengilang-pengilang asing dan juga dengan adanya kenaikan kos pengeluaran telah menaikkan harga barang-barang keluaran mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu menuduh Kerajaan memanjakan para pelaburan luar negeri. Saya ingin menegaskan bahawa pelaburan asing masih diperlukan oleh kerana kemasukannya membawa

bersama selain daripada opportunities ataupun peluang-peluang pekerjaan dengan sebilangan ramai rakyat negara juga akan bersama-sama membawa kemahiran teknik dan hubungan pasaran ekseptot daripada luar. Pada masa ini peringkat perindustrian melalui penggantian impot atau import substitution telah hampir penuh dieksploitasi, oleh itu perlulah dikembangkan pula perusahaan-perusahaan yang lebih sophisticated dan yang menumpukan pemasarannya di pasaran ekseptot. Walau bagaimanapun Kerajaan telahpun di akhir-akhir ini mengawal penyertaan equity pelabur-pelabur asing dengan lebih ketat dan cadangan-cadangan dipertimbangkan satu demi-satu berdasarkan kepada faedah dan kepentingan projek itu kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Besut, Sungai Siput dan Saratok mahukan lebih banyak kilang industri didirikan di kawasan atau di negeri mereka. Dasar Kerajaan sememangnya bertujuan menyebarkan industri ke kawasan-kawasan baru terutama ke kawasan-kawasan yang belum maju. Locational Incentive Act yang diluluskan oleh Parlimen tidak lama dahulu akan dapat menggalakkan lebih banyak industri-industri dibawa ke tempat-tempat yang kurang maju, tetapi selain daripada ini sebagaimana yang telah saya jelaskan baru-baru ini banyak bergantung kepada inisiatif Kerajaan-kerajaan di peringkat-peringkat Negeri dan bagi bukan sahaja menyediakan kawasan-kawasan perindustrian yang tertentu bahkan juga mengadakan berbagai-bagai incentive ataupun galakan bagi mendorong galakan pelabur-pelabur modal supaya membuka kawasan-kawasan perindustrian di negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ingin mengetahui mengapa tax holiday tidak dihulurkan kepada peniaga-peniaga kecil khususnya bumiputra. Tax Holiday yang diberikan oleh Kerajaan kepada firma-firma pada masa ini adalah seperti yang diperbekalkan oleh Akta Galakan Pelaburan 1968 yang mana hanya syarikat-syarikat pengilang am, hotel, kompleks pelancungan sahaja yang layak mendapat galakan seperti tax holiday itu. Pada masa ini Kerajaan belum bercadang memberi galakan tersebut kepada bidang perniagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi mengesyorkan supaya Akta Galakan Pelaburan juga meliputi perusahaan tanaman

dan pemeliharaan. Kerajaan setakat ini boleh memberi galakan di bawah Akta tersebut kepada projek-projek pertanian yang merupakan sebahagian daripada satu projek integrated seperti perusahaan menanam tebu dan memproses gula.

Yang Berhormat dari Telok Kemang menuduh ada projek-projek industri bagi mengeluarkan bahan-bahan binaan telah lambat mendapat kelulusan kerana kekurangan penyertaan bumiputra. Saya ingin menyatakan tidak ada permohonan yang telah ditangguhkan atau ditolak kerana kekurangan penyertaan bumiputra. Umumnya projek-projek yang diluluskan dikenakan syarat penyertaan bumiputra sekurang-kurangnya 30% dari segi equity participation. Dasar ini dipersetujui oleh pelabur-pelabur dan Kerajaan memberi tempoh bagi mereka untuk mematuhi.

Permohonan-permohonan bagi perusahaan-perusahaan yang membuat barang-barang penting telahpun diutamakan. Kenaikan harga yang dialami bagi barang-barang pembinaan seperti simen dan bata misalnya wujud kerana pertambahan permintaan secara serta-merta pada hal keupayaan pengeluaran mengambil masa untuk dikembangkan dan diperbesarkan. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor bahawa Kementerian akan terus berusaha ke arah menentukan bahawa segala keperluan-keperluan Malaysia di dalam perkembangan perdagangan antarabangsa diberi perhatian. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengetahui peranan penting yang dimainkan oleh perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan di dalam membantu pengeksport-engeksport tempatan bagi mendapatkan pasaran seberang laut untuk hasil keluaran mereka. Memandangkan perkara ini langkah-langkah tegas telahpun diambil oleh Kementerian untuk memperbesarkan lagi perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan dan memperhibatkan kelicinan perjalanan kerja pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan ini. Sebagai contoh jumlah pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan telah ditambah daripada 6 orang dalam tahun 1966 kepada seramai 42 pada tahun 1974. Pada tahun 1974 sebanyak 4 buah pejabat perdagangan baru telah ditubuhkan di seberang laut iaitu di Saigon, Toronto, Jedah dan juga di Kuwait.

Di dalam usaha untuk meninggikan kebolehan dan kemampuan perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan, Kerajaan telah mendapatkan kemudahan latihan dan bantuan-bantuan lain daripada badan-badan antarabangsa seperti International Trade Centre serta juga negara-negara seperti Australia. Adalah mencukupi bagi saya untuk menjelaskan di sini bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mempunyai kelengkapan untuk mengadakan perkhidmatan dan nasihat kepada peng-eksepot-pengeksepot tempatan. Mereka yang ingin untuk mengambil faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dinasihatkan menghubungi Bahagian Perdagangan Antarabangsa Kementerian ini.

Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi juga menyebut mengenai tambang kapal yang tinggi dan Kerajaan patut mengatasi masalah ini bagi menjamin perkembangan eksepot kita. Kerajaan memang sedar betapa penting perkhidmatan perkapalan yang memuaskannya serta tambang yang munasabah di dalam perkembangan perdagangan luar Malaysia. Oleh sebab itu, Kerajaan telah menubuhkan Yunit Kajian Perkapalan dan tambang di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjalankan kajian bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan perkapalan serta kadar tambang yang memuaskannya untuk perdagangan luar kita. Di samping itu, Kerajaan juga menolong menubuhkan Majlis Pengguna Kapal Kebangsaan ataupun National Shipping Council dengan bantuan yunit di atas. Tujuan Majlis ini ialah untuk menyatukan peng-eksepot-pengeksepot dan pengguna-pengguna kapal supaya mereka dapat mengadakan perbincangan yang bermakna dengan perkumpulan-perkumpulan perkapalan ataupun Shipping Conferences tentang cara-cara bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan perkapalan yang lebih baik bagi perdagangan luar negeri kita dan juga dengan kadar tambang yang sederhana. Majlis ini telah mengadakan beberapa perbincangan dengan perkumpulan-perkumpulan perkapalan yang mengadakan perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Di samping itu baru-baru ini juga satu persekutuan Majlis Perkapalan ASEAN telah ditubuhkan untuk memperkuat lagi kedudukan pengguna kapal di rantau ini dalam usaha mereka untuk mendapatkan perkhidmatan

yang lebih memuaskan dan juga tambang yang lebih murah bagi peng-eksepot-pengeksepot negara-negara tersebut.

Dalam usaha bagi mengembangkan perdagangan luar negeri ini Kerajaan telah juga menubuhkan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia ataupun dengan ringkasnya M.I.S.C. untuk mengangkut bahan-bahan eksepot kita ke luar negeri. Walaupun kadar tambang kapal sekarang ini agak tinggi dan masih nampaknya mengalami kenaikan, segala usaha sedang dijalankan oleh pihak pengguna kapal dan juga pihak kementerian juga memperbaiki keadaan ini, kerjasama serantau dalam hal ini sedang juga dirancang bersama-sama dengan negara-negara di dalam ASEAN.

Yang Berhormat dari Besut berpendapat perusahaan pelancungan boleh juga dimajukan di Daerah Besut di kawasan-kawasan seperti di Bukit Chenderong, Pulau Ru dan juga di Pulau Perhentian. Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun ditugaskan untuk menyediakan satu Pelan Indok yang menyeluruh untuk membolehkan Kerajaan mengenalkan potensi-potensi pelancungan yang berada di dalam negara ini. Kawasan Besut tidak dapat dinafikan mempunyai potensi-potensi yang besar untuk dimajukan sebagai satu kawasan pelancungan dan kajian-kajian sedang diperbuat oleh perbadanan Kemajuan Pelancungan. Pada masa ini penyiapan Master Plan ataupun Pelan Indok tersebut sudah pun sampai ke peringkat terakhir dan akan dibentangkan kepada Kerajaan tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan di sini bahawa keindahan alam semula jadi bukanlah satu-satu faktor sahaja yang dapat digunakan untuk membangunkan sesuatu kawasan itu. Beberapa faktor lain seperti kemudahan-kemudahan pengangkutan, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sebagainya boleh juga dipertimbangkan sebelum suatu langkah yang positif dapat kita ambil. Kerajaan pada hari ini inginkan pembangunan yang bermutu dan untuk mencapai matlamat tersebut terpaksa langkah-langkah disusun dengan rapi.

6.05 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat tinjauan-tinjauan dan pandangan-pandangan terhadap perkara Perumahan dan Kampung-kampung Baru dalam perbahasan ini, dan saya memohon izin untuk menjawab dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, Honourable Members, practically each and everyone who has participated in the debate of His Majesty the King's Speech during the last four days, have expressed their views and anxiety on the shortage of housing in this country. The Government does not only share these views and anxiety but, in fact, the Honourable Prime Minister himself has caused the setting-up of a Ministry of Housing to combat this problem.

Honourable Members would, of course, be fully aware that the present state of affairs has been caused by several prevailing conditions.

Firstly, the unexpected rising of prices on building materials and land. Up-to-date, both Government and private developers have catered houses for people, mainly the private developers plan for the upper-middle, the middle and the lower-middle class and the Government's projects are for the poor and the very poor. The Government can only do up to a certain limit. In addition to encouraging the private sector to do its part the Government also has to be realistic to the question of land scarcity in developed areas and as our urban people have not been so accustomed to live in multi-storey flats or rural people in terrace-houses, there is bound to be some time before adjustments to the low-cost housing projects can really be effective. Therefore, those who could afford would mostly have purchased private houses. However it is now due to the unexpected rising of prices on building materials and land, the price of houses has likewise gone up as much as two or three folds. Many potential purchasers have found this beyond their reach.

Secondly, the immense migration of kampung youth into the cities for work. In recent years, more and more young people have come to the cities and industrial complexes for jobs and this movements has contributed to the problem of accommodation. The ironical fact of this situation is that when these people do get jobs in the industrial complexes, they find that the cost

of living there is also very high. Their income does not normally enable them to get comfortable accommodation, particularly those who have family. Some of them have become very desperate and occupy Government's land illegally. The Government is very sympathetic with these concerned and a more realistic plan will be adopted to tackle this problem. However, the Government deplores and will continue to deplore unscrupulous syndicates which have exploited the plight of these people. The Government will certainly not tolerate any person or syndicate which constructs illegal houses and profiteering on the poor and needy. The Government will, without any hesitation, take legal action against those who flout the law for self interest.

Thirdly, the population of new villages and kampung-kampung has grown. Most of these villages were resettled with limited space and area during the emergency and without any long-term plan. Expansion of these villages is, therefore, restricted unless new approach is introduced. The Government is now having a very close look into this matter and it is my earnest hope that some solution will be found.

Fourthly, the concept of house-ownership has also taken root. Those who used to rent a house or a room are now anxious to own their "home". They do not like to be life tenants any more. Of course, no matter how small or what type of a house one may own, it is one's own. It is one's "empire". The Government, as a responsible Government, will give blessings to the fulfilment of this concept.

The Honourable Prime Minister is also very keen to see more timber houses being constructed in view of the present trend of stagflation. This proposal will no doubt mean killing two birds with one stone. Timber houses are not only cheaper but will also help to save our timber industry which is facing great difficulty in the world market.

Towards this goal, the existing law which is relating to buildings will have to be amended and perhaps our general policy on loan to timber houses and insurance will also have to be reviewed.

Honourable Members, this problem of shortage of housing must be tackled by the joint effort of all, the Government and the

people and, of course, through all of you, the elected representatives of the rakyat. You can let us have the information and particulars on this problem in your respective constituencies through your research and planning. You can even assist and advise us to solve this problem. I can assure you that the Government will do its best and it is hoped that within the next five years some tangible results will be seen.

Things have improved in the new villages since the setting up of the Ministry, though still more needs to be done in future.

My Ministry has now set up a Committee to co-ordinate all the Ministries concerned so that collective action can be taken on the development of new villages.

With the limited fund, I shall appeal to the villagers through all the Honourable Members here that they should do their respective part towards the development in the spirit of "Gotong Royong". I would personally like to see that villagers will involve themselves in carrying out the projects.

I have proposed to set up committees of the new villagers so that they can take active part on their own welfare and development activities. But all this will not have the expected results unless all of you, as representatives of the rakyat will co-operate and contribute of which I am confident that you all will.

6.14 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah pelajaran. Kementerian Pelajaran mengambil perhatian terhadap syor-syor dan kritik yang membina yang telah disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat apabila membahaskan Titah Ucapan Di-Raja. Mula-mula sekali saya ingin menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Padawan yang telah membawa Usul Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah menyebutkan keruntuhan akhlak dan nilai-nilai hidup yang baik di kalangan pemuda-pemuda kita. Perkara ini memang disedari

oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian sedang memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap masalah ini. Satu daripada tugas-tugas Jawatankuasa Menteri bagi mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran ialah menentukan samada kita telah berjaya atau tidak mewujudkan masyarakat yang tertib dan berdisiplin. Kajian ini melibatkan soal akhlak di kalangan belia-belia kita. Berkenaan dengan cadangan supaya mata-pelajaran tatarakyat diwajibkan, sebenarnya ini telahpun dibuat tetapi matapelajaran ini tidaklah dijadikan satu matapelajaran dalam peperiksaan. Pengajian matapelajaran tatarakyat itu tidaklah begitu mudah disampaikan kepada murid-murid oleh kerana ianya bukan seperti matapelajaran lain yang merupakan penyampaian maklumat semata-mata kepada murid-murid. Umpamanya dalam matapelajaran hisab murid-murid akan menerima dan mengamalkan bahawa $2+2=4$. Tetapi pelajaran tatarakyat berkehendak kepada guru yang bukan sahaja percaya kepada nilai-nilai yang diajarkan olehnya tetap mengamalkan nilai-nilai ini untuk membuktikan kepada murid-murid bahawa nilai-nilai ini adalah baik. Oleh sebab ini maka kesan mengajar matapelajaran tatarakyat ini tidak begitu mudah didapati. Walau bagaimanapun kita berharap dengan kajian dan pendapat daripada Jawatankuasa Menteri, kita akan dapat membentuk satu cara yang boleh memberi kesan kepada pengajaran matapelajaran tatarakyat dan mewujudkan satu masyarakat yang berpandu kepada nilai-nilai akhlak yang baik. Kita juga akan mengkaji samada menjadikan tatarakyat satu matapelajaran dalam peperiksaan berkesan atau tidak untuk membentuk akhlak dalam masyarakat kita.

Ahli Yang terhormat dari Besut telah menyebutkan tentang tidak selarinya kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan dengan tujuan Kerajaan memajukan lagi pelajaran sains di sekolah-sekolah. Saya tidak dapat nafikan bahawa kita tidak dapat memberi guru-guru yang terlatih dengan mencukupi untuk semua sekolah. Perkara ini terjadi oleh kerana kekurangan guru-guru yang terlatih. Kita telah cuba mengatasi kekurangan ini dengan mengumpulkan guru-guru yang terlatih di dalam sekolah-sekolah menengah sains ataupun maktab rendah sains di mana guru-guru dapat dikumpul tetapi ini pun tidak dapat mengatasi semua masalah kekurangan guru.

Perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian dan kita akan cuba menyusun supaya seberapa banyak yang boleh daripada murid-murid akan diberi pelajaran oleh guru-guru yang terlatih.

Berhubung dengan penggunaan peperiksaan objektif untuk menentukan murid manakah yang akan mengikuti aliran sains, perkara ini tidaklah dapat diatasi dengan mudah. Peperiksaan objektif ini adalah satu cara yang lebih mudah disamakan di dalam peperiksaan yang melibatkan murid yang banyak. Peperiksaan cara lain bergantung kepada kebolehan dan pendapat guru-guru yang banyak. Kebolehan dan pendapat guru-guru ini tidaklah sama dan mungkin berlaku perkara yang mana seorang murid itu akan gagal kerana guru yang memeriksanya menggunakan standard yang terlalu tinggi tetapi murid itu juga kalau diperiksa oleh guru yang lain akan mendapat kejayaan. Inilah sebabnya yang kita menggunakan peperiksaan objektif walaupun ianya tidak begitu perfect. Sehingga kita dapat cara yang lain yang lebih baik, kita terpaksa menggunakan peperiksaan objektif ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyentuh tentang pengedaran buku-buku teks di dalam jangka masa yang berpatutan. Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk menyediakan buku-buku ini dan mengedarkan buku-buku ini supaya murid-murid akan dapat menggunakan buku-buku ini apabila sahaja mereka memulakan sekolah pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun mungkin terjadi yang mana buku-buku ini lambat terdapat ke tangan murid-murid tetapi ini adalah terjadi dengan tidak sengaja kalau kejadian itu berlaku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan buku-buku bantuan yang akan diberi kepada pelajar pada tahun 1975 sebahagian daripadanya telahpun dihantar ke sekolah-sekolah di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang penolakan pembesaran Jawatankuasa Menteri bagi mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran. Saya telah terangkan sebab-sebab yang saya telah menolak permintaan ini dan saya tidak perlu menerangkan sebab-sebab ini lagi.

Dalam soal frastrasi dan kemarahan orang-orang yang tidak dapat memberi kepada anak mereka pelajaran dalam

bahasa Tamil dan China oleh kerana tidak ada kemudahan, saya ingin menerangkan bahawa sekolah-sekolah Tamil dan China masih ada. Cuma sekolah-sekolah Inggeris sahaja yang ditukarkan untuk menjadi sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantarnya bahasa Kebangsaan. Murid-murid daripada sekolah Inggeris ini adalah murid-murid yang dihantar oleh ibubapanya kerana mereka sendiri tidak menghargakan pelajaran dalam bahasa Tamil atau bahasa China atau bahasa Melayu. Jadi tidaklah ada satu sebab untuk berkata bahawa mereka berasa frust kerana mereka tidak dapat menghantar anak mereka mempelajari dalam bahasa Tamil, bahasa China atau bahasa Melayu. Dari mulanya mereka telah menunjukkan bahawa mereka tidak mahu bahasa-bahasa ini. Oleh sebab sebenarnya pemilihan ibubapa ini adalah pemilihan antara bahasa Inggeris dan bahasa Kebangsaan dan oleh kerana bahasa Inggeris bukan bahasa Kebangsaan negara kita maka kalau mereka tidak menggunakan bahasa Inggeris maka bahasa yang mereka patut gunakan ialah bahasa Kebangsaan. Perkara ini akan dikaji oleh Jawatankuasa Menteri berasas kepada soal perpaduan di dalam negara dan soalnya bukanlah soal kemudahan sekolah-sekolah Tamil dan China tetapi samada kita akan undur ke belakang dan membaiki balik sekolah-sekolah Inggeris.

Mengenai syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya sebuah asrama dibina di kawasan tersebut bagi mengatasi masalah pengangkutan murid-murid di pulau-pulau di kawasan tersebut, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran sedang menimbangkan rancangan bagi membina kompleks sekolah-sekolah dan juga asrama-asrama di kawasan-kawasan yang difikirkan memerlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput mencadangkan supaya dapat dibuat penyatuan sistem di universiti-universiti negara ini. Saya ingin memberitahu bahawa dasar dan aktiviti-aktiviti yang diamalkan di universiti-universiti di dalam negara ini, adalah dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian untuk memastikan perseimbangan di antara universiti-universiti tersebut.

Pada pagi ini saya telah mempengerusikan satu persidangan Naib-Chancellor-Naib-Chancellor dari kelima-lima buah Universiti

untuk tujuan menyelaraskan perkembangan di semua universiti-universiti. Persidangan ini akan diadakan dari masa ke masa dan apabila perlu untuk menentukan supaya pertandingan yang tidak sehat tidak berlaku di antara universiti-universiti.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin mengesyorkan supaya saya membuat lawatan bukan sahaja ke sekolah-sekolah Kebangsaan bahkan juga ke sekolah jenis kebangsaan khususnya sekolah-sekolah China dan Tamil di kampung-kampung baru dan di estet untuk memerhatikan dengan sendirinya kedudukan keadaan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tersebut. Saya ingin memaklumkan di dalam lawatan saya ke Negeri Kedah, saya telah melawat dua buah sekolah jenis kebangsaan China di Pokok Sena dan di Kodiang tanpa dipelawa oleh mana-mana pihak. Di Kelantan dan Perak saya tidak dapat melawat kerana tidak terdapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan di kawasan-kawasan luarbandar. Memanglah dalam rangka lawatan saya, saya bertujuan untuk melawat semua sekolah khasnya sekolah-sekolah di luarbandar dengan tidak membezakan antara sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan.

Mengenai kerja-kerja pembaikan dan tambahan yang diperlukan saya ingin mengesyorkan supaya Ahli Yang Berhormat itu lebih khusus di dalam syornya.

Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pantai kerana ucapan tahniahnya terhadap perlantikan saya. Berhubung dengan polisi melawat sekolah yang disebutkan, oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menerangkan di sini panduan yang saya ikuti dalam rancangan lawatan saya ke sekolah-sekolah. Saya akan menumpukan lebih banyak masa melawat kepada sekolah-sekolah yang terpencil dan kekurangan kemudahan dan lawatan ini akan dibuat di waktu persekolahan biasa dan dengan keadaan agak mengejut. Dengan cara ini saya berharap mendapat tahu keadaan sekolah dengan sebenarnya. Kalau saya melawat sekolah pada hari penyampaian hadiah maka gambaran yang saya akan dapat tidaklah begitu tepat, kerana pada hari-hari tersebut sekolah memang menyediakan diri untuk lawatan dan cuma murid-murid yang berjaya mendapat hadiah dan ibubapa mereka sahaja yang akan hadir. Ini ber-

makna murid-murid yang gagal tidak akan dapat perhatian. Walaupun cara ini mungkin mengecewakan setengah daripada guru-guru dan murid-murid, saya berpendapat bahawa kalau saya membuat lawatan waktu sekolah bersedia untuk mendapat lawatan maka ada lebih banyak sekolah-sekolah yang lain yang akan merasa keciwa.

Ahli Yang terhormat dari Kota Belud meminta supaya Kerajaan menghantar guru-guru yang berkelulusan tinggi ke Negeri Sabah. Sebagaimana yang kita sedia maklum pelajaran masih dikuasai oleh Negeri Sabah. Walau bagaimanapun perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran ada meminjamkan guru-guru yang berkelayakan tinggi ke Sabah untuk menampung kekurangan guru-guru di sana.

Saya ingin menyentuh juga mengenai syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu pahat supaya pelajaran agama diwajibkan dari peringkat sekolah rendah untuk melahirkan rakyat yang berakhlak, berbudi pekerti dan taat setia. Pelajaran agama adalah satu matapelajaran yang diwajibkan di mana bilangan penuntut-penuntut Islam adalah lebih daripada 15 orang dan ianya juga dijadikan satu matapelajaran dalam peperiksaan. Bagi orang yang bukan beragama Islam, pelajaran sivistik digantikan sebagai satu matapelajaran tetapi ianya tidaklah dijadikan matapelajaran peperiksaan. Dengan cara ini adalah diharapkan bahawa kita dapat melahirkan rakyat yang berakhlak, berbudi pekerti dan taat setia.

Seperti yang saya telah sebutkan dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Padawan, soal kesan pengajaran agama dan pelajaran sivistik adalah satu perkara yang akan dikajikan oleh Jawatankuasa Menteri untuk menentukan samada pelajaran-pelajaran ini dapat mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, terlatih dan berdisiplin.

Berhubung dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat berkenaan dengan Kelas Tingkatan IV Sains di Sekolah Menengah Tan Sri Sardon, Pekan Rengit, masalah ialah kekurangan guru yang terlatih dan perkara ini samalah juga dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam telah mendesak Kerajaan menyediakan peluang-peluang yang sesuai selaras dengan Dasar Pelajaran Nasional untuk pelajar-pelajar yang ada kelayakan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah dan institusi-institusi pelajaran tinggi. Kementerian Pelajaran memanglah menyediakan tempat-tempat dalam sekolah menengah dan institusi-institusi pelajaran tinggi untuk pelajar yang berkecukupan, tetapi tentulah bukan semua yang layak yang akan diberi tempat dan yang dapat diberi tempat. Di mana-mana juga bilangan tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi adalah kurang daripada institusi-institusi yang rendah. Kalau kita mengadakan tempat yang teriatu banyak kita mungkin mengeluarkan begitu banyak siswazah-siswazah yang tidak akan dapat kerja yang sesuai dengan kelulusan mereka. Ini juga akan menambahkan ramai bilangan golongan intelek muda yang putus asa yang mungkin menyalahgunakan bakat mereka seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah mengesyorkan supaya diadakan kursus intensif bagi guru-guru sains bukan Melayu supaya membolehkan mereka mengajar mata-pelajaran sains dalam bahasa Malaysia. Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat tersebut, saya suka memaklumkan bahawa adalah memang sudah menjadi dasar Kementerian Pelajaran memberikan kursus intensif bahasa Malaysia bagi guru-guru yang bukan Melayu supaya membolehkan mereka mengajar matapelajaran sains dalam bahasa Malaysia samada di peringkat sekolah rendah mahu pun sekolah menengah. Ahli Yang Berhormat dari Ledang juga menyebutkan tentang mengadakan lebih banyak sekolah-sekolah vokesyenal. Kementerian Pelajaran memang ada rancangan untuk mengadakan lebih banyak sekolah vokesyenal dan juga sebuah polyteknik di Kuantan. Masaalahnya bukan mengadakan kemudahan untuk mem-pelajari di dalam bidang professional. Masaalahnya ialah samada kemudahan ini digunakan seperti yang dirancang dan mendatangkan hasil seperti yang dijangka.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah menyebut tentang "polarisation among the races", yang semakin menjadi-jadi di dalam institusi-institusi pelajaran tinggi. Sebenarnya, perkara ini tidak seperti yang

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Umpama, dahulu Universiti Malaya ada banyak penuntut yang terdiri daripada satu kaum sahaja, tetapi keadaan sekarang telah berubah menjadi lebih seimbang antara kaum. Begitu juga dengan Maktab Teknik yang sekarang dikenalkan sebagai Institiut Teknologi Kebangsaan. Begitu juga dengan Universiti Sains, Universiti Pertanian dan Universiti Kebangsaan yang mana kita tahu dengan mulanya hampir semua daripada penuntut-penuntut di Universiti Kebangsaan terdiri daripada orang-orang Melayu, tetapi sekarang ini beransur-ansur kita menambahkan penuntut-penuntut yang terdiri daripada kaum-kaum yang bukan Melayu dan bukan bumiputra. Oleh sebab kehendak Dasar Ekonomi Baru maka peratusan penuntut-penuntut daripada kaum-kaum telahpun di-perseimbangkan dengan mengingatkan bahawa penuntut-penuntut pelajaran tinggi yang menuntut di luar negara juga merupakan satu polarisation yang tidak sihat. Perkara ini tentulah akan dititikberatkan oleh Jawatankuasa Menteri-menteri yang baru dilantik.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera meminta supaya tidak ada penggunaan bersama bangunan-bangunan sekolah supaya katanya penuntut-penuntut boleh berkata bahawa sekolah ini adalah sekolahnya sendiri. Saya berpendapat bahawa penggunaan bangunan sekolah bersama antara penuntut dari bermacam-macam aliran adalah baik untuk membinakan satu masyarakat yang bersatu padu. Oleh sebab ini, Kementerian Pelajaran berusaha mengadakan kompleks-kompleks sekolah di mana mereka akan dapat menggunakan common facilities.

Berhubung dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Matang supaya saya mengambil daya utama terhadap sekolah-sekolah yang ada di luarbandar yang dianggap sebagai sekolah atap dapat dibangunkan semula. Saya ingin memberi pengakuan memanglah ini menjadi tujuan Kementerian Pelajaran. Masaalahnya ialah kekurangan peruntukan dan penentuan priority iaitu di antara sekolah-sekolah atap yang banyak yang buruk itu, yang manakah yang akan diperbaiki dahulu dan yang manakah kemudian?

Ahli Yang Berhormat dari Jerai meminta supaya saya menumpukan perhatian kepada sekolah-sekolah yang di luar bandar. Ini

memanglah menjadi polisi saya dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat kepada saya tentang kedudukan sekolah-sekolah ini jika terdapat keadaan yang tidak memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam meminta supaya saya menumpukan perhatian terhadap sekolah-sekolah di kampung-kampung baru dan kampung-kampung di kawasan Bukit Mertajam. Maka ini telahpun saya menyebutkan tentang pendirian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyebut tentang pemulauan kuliah-kuliah oleh mahasiswa universiti. Perkara ini saya mengaku sangat menjadi-jadi sekarang ini, tetap pihak Kementerian Pelajaran telahpun mengambil satu sikap yang mana saya percaya tidak berapa lama lagi kesannya akan menjadi lebih nyata.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyebutkan tentang perkara-perkara yang telah berlaku di St. George's Girls School dan Penang Free School dan memberitahu bahawa ianya akan melapurkan kepada Kementerian Pelajaran dan tindakan akan diambil apabila sahaja saya telah mendapat laporan yang penuh tentang perkara ini.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang meminta supaya Kementerian Pelajaran mengadakan Kelas Tingkatan VI di Tanjong Karang, kerana katanya susah untuk ibu-bapa menghantar anak-anak mereka ke Kuala Lumpur dan Kelang. Ini juga menimbulkan masalah kekurangan guru-guru dan apabila sahaja kita dapat menambah guru-guru yang terlatih, maka kita dapatlah menguruskan supaya Tingkatan VI dapat diadakan di Tanjong Karang.

Sekianlah sahaja jawapan saya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Buruh ingin memberikan beberapa jawapan atas ulasan-ulasan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, tetapi saya tidaklah dapat menyebutkan satu persatu nama-nama Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana yang kita telah dengar di dalam Dewan ini dalam perbahasan yang lalu, ulasan-ulasan telah dibuat tentang

apakah peranan yang boleh dibuatkan oleh Kementerian Buruh ini di dalam mencegah akibat-akibat daripada stagflasi yang sedang timbul sekarang ini.

Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Buruh tidaklah berdiam diri atau memeluk tubuh sahaja melihat perkembangan-perkembangan yang akan menimbulkan akibat-akibat stagflasi ini. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian ini untuk bekerjasama dengan badan-badan lain yang juga terlibat di dalam mencegah akibat-akibat stagflasi ini.

Dalam peringkat ini Kementerian Buruh telahpun mengambil langkah menemui ataupun memanggil untuk berdialog dengan kesatuan sekerja. M.T.U.C. baru-baru ini telah dipanggil dan Kementerian saya telah bertukar-tukar fikiran dengan pihak pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, dan pada hari ini Kementerian Buruh telah juga memanggil Persatuan-persatuan majikan bertukar-tukar fikiran tentang cara-cara yang harus diambil bersama untuk mencegah akibat daripada stagflasi ini.

Sayugialah diingatkan di sini bahawa usaha untuk mencegah akibat dari stagflasi ini bukanlah semata-mata bergantung kepada Kementerian Buruh, tetapi harus didapati oleh sekalian orang, oleh pemimpin-pemimpin politik, baik daripada pihak Kerajaan ataupun pihak Pembangkang di sebelah sana, oleh pihak pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan juga oleh pihak majikan. Kalau sekiranya kita gagal di dalam usaha-usaha ini, maka kegagalan itu tidaklah boleh disifatkan sebagai kegagalan Kementerian Buruh atau Kerajaan, tetapi adalah kegagalan kita bersama. Kalau sekiranya kita berjaya untuk menghadapi dan mengatasi masalah besar yang sedang dihadapi oleh seluruh dunia ini, maka kejayaan ini bukanlah kejayaan Kementerian Buruh semata-mata, tetapi ialah kejayaan negara dan kejayaan seluruh kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal ini ulasan-ulasan telah dibuat supaya Kementerian Buruh ini mengambil langkah-langkah yang berat daripada pihak pekerja. Di dalam soal ini patutlah difahamkan di sini bahawa Kementerian Buruh ini tugasnya tidaklah semata-mata memelihara dan membela kaum pekerja, tetapi ialah memastikan bahawa kaum majikan juga, kaum pemodal juga akan

mendapat faedah yang wajar daripada modal yang mereka curahkan, dan kita juga akan memastikan bahawa kaum pekerja akan mendapat juga ganjaran yang sewajarnya daripada keringat yang mereka curahkan di dalam satu-satu usaha.

Di dalam mencadangkan langkah-langkah yang keras untuk dijalankan kepada pihak-pihak majikan dalam saat-saat yang kritikal seperti ini, kita haruslah menimbangkan bahawa pada masa ini juga dan di dalam menghadapi zaman stagflasi, pihak majikan juga menghadapi berbagai-bagai kerumitan, pihak perusahaan juga sedang menghadapi berbagai-bagai kerumitan. Kalau sekiranya kita hempapkan lagi ke atas kepala mereka beban-beban yang berat-berat, ini bermakna kita sahaja mencari jalan yang tidak menguntungkan kita, dan kalau sekiranya kita menjalankan langkah-langkah yang tidak seimbang akan mengakibatkan kaum-kaum pemodal ini akan menutup perusahaan-perusahaan mereka dan inilah satu perkara yang kita harus fikirkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ulasan-ulasan juga telah dibuat mengenai masalah pengangguran di negeri ini dan dalam hal ini memang Kementerian Buruh sentiasa mengadakan langkah-langkah untuk membuat kajian dari semasa ke semasa mereka yang sedang menganggur, mereka yang akan menganggur, ada papan perangkaan di dalam Kementerian ini. Dalam masalah ini patutlah juga kami menegaskan di sini bahawa kita patutlah juga cuba meyakinkan kaum penganggur-penganggur kita bahawa tempat untuk mengatasi pengangguran bukanlah di bandar-bandar semata-mata, bukanlah di kilang-kilang semata-mata, sebab ada masa akhir-akhir ini Kementerian kita, Kementerian Buruh sentiasa mendapati bahawa pusat-pusat pekerjaan, pendaftaran pekerjaan di bandar-bandar telah menjadi tumpuan penganggur-penganggur dan orang-orang yang mencari kerja daripada luar bandar. Sebenarnya, kita masih banyak peluang-peluang pekerjaan di luar-luar bandar. Kementerian Buruh ada menerima permintaan permintaan daripada ladang-ladang di luar-luar bandar yang berkehendakkan pekerja-pekerja buruh kasar. Jikalau sekiranya dalam perkara ini kita bersama-sama boleh memainkan peranan, cuba meyakinkan orang-orang yang menganggur ini bahawa bukan di bandar sahaja ada pekerjaan-pekerjaan, peluang bekerja,

tetapi di luar bandar juga ada peluang-peluang bekerja barangkali kita boleh mengurangkan masaalah atau menghuraikan sedikit-sebanyak masaalah kerumitan pengangguran ini.

Ada lagi satu teguran dari pihak pembangkang yang menuduh bahawa pihak Kerajaan dan Kementerian Buruh ini selalu mengadakan sekatan-sekatan kepada kegiatan Kesatuan kesatuan Sekerja untuk membela buruh dan juga menegur apa yang mereka sifatkan sebagai kelemahan di dalam Undang-undang Buruh kita. Di dalam hal ini, sukaiah saya menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana negara pun di dalam dunia mempunyai Undang-undang Buruh mereka sendiri yang sesuai dengan negara mereka sendiri. Barangkali tidak ada dalam dunia ini sebuah negara yang mempunyai Undang-undang Perburuhan yang boleh memuaskan hati kaum buruh di dalam negara itu. Kita mempunyai masaalah kita sendiri. Kita sedang membangun dan tentulah segala undang-undang kita hendaklah disesuaikan dengan proses pembangunan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyelesaikan masaalah krisis perusahaan di dalam negeri ini, pemogokan dan sebagainya, Kementerian Buruh selalu berpegang kepada prinsip runding-damai, sebab itulah kita telah berjaya menyelesaikan banyak masaalah. Dalam hal inilah kami selalu menyatakan bahawa di dalam menghuraikan, menolong merengankan masaalah pengangguran dan juga masaalah krisis perusahaan di dalam negeri ini kedua-dua belah pihak, pihak majikan dan juga pihak pekerja, Kesatuan-kesatuan Sekerja hendaklah bersama-sama memahami, mengamal dan memegang teguh prinsip ini. Itulah sebab kita sering menyeru bahawa di dalam hal ini kaum majikan janganlah menggunakan telinga besi dan kaum pekerja janganlah mengacukan terlebih dahulu pistol kepada kepala majikan, kemudian baharu mengajak majikan berunding. Sebab cara-cara yang demikian tidak akan menyelesaikan masaalah-masaalah yang kita hadapi dan kalau sekiranya langkah-langkah seperti ini diamalkan maka pihak Kerajaan, Kementerian Buruh terpaksa juga mengambil langkah-langkah yang seimbang untuk menghadapi kedegilan-kedegilan yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi teguran tentang kaum wanita bekerja pada waktu malam di kilang-kilang di sebelah utara. Yang sebenarnya, sekarang ini ada Undang-undang Buruh dalam Penguatkuasaan Buruh kita yang menyekat kaum wanita ini bekerja lewat daripada pukul 10 malam dan itu pun hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa kaum wanita yang bekerja pada giliran yang ketiga itu benar-benar dia boleh dapat kemudahan balik dengan kenderaan dan sebagainya. Dalam Undang-undang Buruh kita ada undang-undang ini untuk menyekat wanita-wanita bekerja di kilang tidak boleh merayau-rayau tidak tentu hala selepas pukul 10 malam. Tidaklah benar bahawa kita tidak mempunyai undang-undang itu.

Selain daripada hal-hal lain itu tentulah nanti akan berbangkit lagi di dalam Ucapan Belanjawan dan akan dijawab kemudian.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Saya bangkit untuk menjawab beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pertahanan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan selama beberapa hari yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan dalam ucapan beliau telah mengemukakan pendapatnya bahawa Pasukan Jurutera hendaklah mengambil bahagian di mana yang boleh dalam pembinaan jalan-jalan di luar bandar. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan menyediakan loji-loji dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dan membenarkan belia-belia yang berkecayaan diberi latihan dan diambil berkhidmat dalam Pasukan itu. Dengan itu, katanya, tugas tentera kita ialah untuk membina dan tidak semata-mata untuk menghancurkan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Jurutera dan juga Pasukan-pasukan lain dari Angkatan Tentera memang telah lama menjalankan projek-projek sivik, seperti membina jalan, jambatan, surau, sekolah dan balai raya, memberi perkhidmatan perubatan kepada orang-orang awam dan lain-lain. Selain dari itu, dalam masa banjir dan lain-lain kecemasan, Angkatan Tentera adalah sentiasa memberi bantuan dan pertolongan yang diperlukan. Kalau dikaji kerja-kerja sivik yang telah mereka jalankan sehingga ini, tidak dapat dinafikan

bahawa tugas mereka itu ialah untuk membina, di samping tugas asal yang biasa, iaitu mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara. Tidak sekali-kali tugas mereka itu untuk menghancurkan, melainkan jika berhadapan dengan musuh yang bertujuan hendak menghancurkan negara.

Saya suka menyatakan di Dewan Yang Mulia ini bahawa Angkatan Tentera akan terus menjalankan kerja-kerja sivik itu, di mana terdapat kemampuan untuk berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh sedikit berkenaan soal perumahan untuk perajurit di mana beliau telah menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian berat kepada masalah tersebut. Saya mengucapkan terima kasih atas ingatan baik Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian Pertahanan sedar masalah itu dan sedang giat berusaha untuk memperbaiki keadaan kekurangan rumah kediaman di kalangan perajurit. Insya Allah, masalah itu akan dapat diatasi dengan secara berperingkat-peringkat dari masa ke masa.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi buah fikiran dan pandangan-pandangan yang membina. Kita telah mendengar berbagai-bagai cadangan dan teguran di atas polisi rancangan dan juga tentang perlaksanaannya. Setengah-setengah daripada perkara-perkara yang ditekankan itu memanglah berada dalam perhatian Kerajaan. Dalam jawapan saya dalam beberapa perkara, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris di beberapa tempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah menimbulkan perkara mengenai kekurangan gaji yang diberi kepada kakitangan Polis dan juga kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerja yang mendapat gaji rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun bersetuju untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya gaji baru bagi mengkaji dan menyelaras gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja dalam sektor awam termasuk Pasukan Polis. Apabila Suruhanjaya Gaji itu telah memulakan tugasnya

perkara-perkara seumpama ini akan dikajikannya, dan pihak yang berkenaan bolehlah mengemukakan cadangan masing-masing pada Suruhanjaya itu. Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan perumahan bagi pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah, sebagaimana Yang Berhormat itu sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada pekerja-pekerjanya khususnya yang berpendapatan rendah supaya mereka juga dapat menikmati cara hidup yang berpatutan. Berbagai langkah telahpun dijalankan termasuklah membina rumah-rumah murah oleh ejensi Kerajaan bagi kemudahan-kemudahan pekerja-pekerja yang bergaji rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padawan dalam ucapan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6hb November, 1974 menyatakan antara lain, "... that with the exit of Tun Sambanthan from active politics, the National Unity Council seems to have gone out with him ...". Seperti Ahli Yang Berhormat dari Padawan maklum, Lembaga Perpaduan Negara yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tun Sambanthan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28hb Oktober, 1974. Dalam ucapan pelancaran itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa Lembaga Perpaduan Negara adalah sebagai ganti kepada Kementerian Perpaduan Negara. Dan ianya bukanlah bermakna yang Kerajaan memandang masaalah perpaduan negara lebih ringan atau kurang mustahak dari masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lampau Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menguatkan perpaduan dan mengurangkan perselisihan faham dan perpecahan dikalangan masyarakat di negara kita ini. Kementerian Perpaduan Negara dalam masa 2½ tahun telah dapat menjalankan beberapa langkah yang telah memberi kesan yang memuaskan, akan tetapi kita semua faham dan mengetahui bahawa usaha-usaha kita itu untuk menyatu-padukan rakyat daripada berbilang kaum yang mempunyai asal keturunan yang berlainan atau of different ethnic groups tidak dapat tiada akan mengambil masa yang agak panjang dan mustahaklah usaha-usaha ini dijalankan dengan cara berperingkat atau by phases

sehingga kita mencapai cita-cita kita yang muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Lembaga Perpaduan Negara yang diketuai oleh Tun Sambanthan yang dapat membincangkan masaalah-masaalah perpaduan ini terus-terang, supaya daripada perbincangan ini akan timbul idea-idea baharu ke arah menjalankan perpaduan di kalangan masyarakat yang berbagai bangsa ini. Saya suka menambahkan kepada jawapan yang telahpun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sedikit masa tadi.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Kepong indulged in a bout of chest beating the other day in this House. He, after going through some mathematical calculations, said "I hope I have exploded the myth that the Barisan Nasional has won an overwhelming victory." "An overwhelming victory in terms of the seats gained, yes, but not an overwhelming support from the electorate of this country, because 38 per cent of them supported the Opposition", the Honourable Member added.

Mr Speaker, Sir, it is so pathetic to see the Opposition now reduced almost into insignificance, trying to comfort each other by building up illusion that they, and not us, the Barisan Nasional, had the popular vote. According to the Member for Kepong we have the seats, they have the popular support. The seats, as Honourable Members in this House know, are already part of the political reality of the country since August. The popular vote which, according to the Honourable Member for Kepong, amounted to 38 per cent for the Opposition, are merely part of an illusion to delude themselves. The Honourable Member for Kepong, of course, did not do as well as he had hoped. His party fared worse, getting 5 per cent of the votes, according to his own admission. He is haunted by the spectre of total eclipse not only of his party but of himself. Hence the breast beating, an exercise indulged in only by those whose future is uncertain and doubtful.

Mr Speaker, be that as it may, let me assure the Honourable Member for Kepong that, his claim notwithstanding, we are completely satisfied with our electoral performance and with the verdict of the people.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga sekarang melihat bayang-bayang momok baharu pula: Momok one party system. Perdana Menteri kita menyeru rakyat supaya memilih semua sekali calon-calon Barisan Nasional ke Parlimen. Satu anjuran yang saya agak very legitimate. Tetapi Ahli dari Kepong memberikan tafsiran yang ganjil sekali kepada seruan itu. Kononnya, seruan itu bererti Perdana Menteri rakyat negeri ini menyokong satu parti system. Kita memang mahu seluruh rakyat memilih semua calon Barisan Nasional. Itulah yang kita perjuangkan dalam pilihanraya lalu. Dan kita telah menang 100% di Kelantan, di Trengganu dan di Pahang. Satu Parti system telahpun wujud diketiga-tiga negeri itu. One-and-half parti system pula ujud di beberapa negeri yang lain and one-and-three quarter system Parti System telahpun ujud di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, salahkah kita kalau sekiranya seluruh rakyat memilih 100% calon-calon Parti Barisan Nasional? Kalau berlaku demikian bererti dasar-dasar kita telahpun diterima oleh seluruh rakyat negeri ini. Salahkah rakyat kalau terjadi demikian? Kalau semua rakyat memilih 100% calon-calon Barisan Nasional ke Parlimen.

Of course, we had hoped for a 100 per cent victory, and we scored 70.7 per cent, and that according to the Member for Kepong himself. I thought the percentage was even higher. Still, we are very happy, very satisfied with the number of seats we have in Parliament, a rare achievement which we are proud to proclaim from the roof tops.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga kesal yang kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru pengundi-pengundi supaya memilih Barisan Nasional untuk menikmati segala sesuatu yang mereka ingin. Kalau mereka mengundi calon lain mereka tidak akan mendapat apa-apa selama lima tahun yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, dahulu Pulau Pinang dikuasai oleh Pembangkang, tetapi adakah Pulau Pinang tidak dapat menikmati kemajuan dan kemakmuran? Seremban dahulu dan sekarang masih dikuasai oleh pembangkang tetapi adakah Seremban tidak maju? Ipoh dikuasai bertahun-tahun lamanya oleh Pembangkang. Tetapi adakah Ipoh sebuah kampung?

Mr Speaker, Sir, it may be interesting for the Member for Kepong to know that the most backward State in Peninsular Malaysia is Trengganu, a State controlled by the Barisan Nasional. We do not discriminate between States or between towns or between villages controlled by the Barisan Nasional or by the Opposition.

Kemelaratian tidak mengenal perbezaan politik; Dasar Ekonomi Baru meliputi seluruh negara, seluruh rakyat. Ia untuk rakyat di Kelantan mahu pun di Perlis, ia untuk rakyat di Seremban mahu pun di Petaling Street. We not only serve the irrespective of party affiliations, irrespective of the minority because we serve the people, irrespective of party affiliation, irrespective of race, of creed, or of class.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekarang sedang cuba "merationalise" kekalahan partinya, kekalahan kawan-kawannya, kekalahan calon-calon bebas, kekalahan calon-calon pembangkang. He is trying to rationalise the disastrous defeats of the Opposition at the hands of the Barisan Nasional. It is again an exercise in self-delusion. Sebabnya ialah mereka tidak mahu menghadapi realiti iaitu kenyataan bahawa Barisan menang kerana dasar-dasarnya diterima oleh rakyat.

Mengapa menyalahkan electoral system sekarang? The Honourable Member for Kepong is blaming the electoral system for the disastrous defeat of his party. It was all right before when he had his colleagues sitting together with him in the House. The system operated to his satisfaction when he had Mr Veerappen and when he had Mr David with him in the House. Now that his party managed to marshal only 5% of the total votes, he begins to see ominous shadows of his own creation. He fears the emergence of a one-party system. In the next session of Parliament, I will not be surprised, we might even hear talks of dead bodies of Opposition members floating in Sungai Kelang.

Mr Speaker, Sir, there can never be a perfect electoral system. Disastrous defeat of the Opposition was largely due not to an imperfect electoral system but to the leadership which the Barisan Nasional had given the people in their quest for a better living and a brighter tomorrow. The Honourable Member for Kepong should be rest assured that this Government is completely committed

to the principles of parliamentary democracy. Tun Razak surrendered his almost dictatorial powers as Director of the National Operation Council (N.O.C.) in favour of Parliamentary democracy; and that was proof enough of our dedication to parliamentary democracy—of Tun's personal dedication to democracy in this country.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya yang lalu tentulah ada beberapa kekurangannya. Perkara "missing votes", ini melibatkan tidak sahaja Pembangkang, tetapi calun-calon Barisan Nasional juga. Datuk Asri, Tengku Ahmad Rithauddeen, dua Menteri Kerajaan Pusat tidak dapat mengundi kerana missing votes. Ia dapat dibaiki malah sedang dikaji untuk dibaiki oleh Election Commission, tetapi pada keseluruhannya pilihanraya itu berjalan dengan lancar dengan saksama dan adil pada semua pihak.

Mr Speaker, Sir, let me make a general observation. It seems to me and to all of us that the most important lesson to be learned from the recent general elections is that no party can win power in this country unless its policies are endorsed by the people—our multi-racial population. We sought a fresh mandate from the people, and we were given that mandate by an overwhelming majority of the people. The Opposition had no political, economic, social and cultural programmes to offer to the people. No party however powerful in terms of financial resources or organisation can stay in power unless its policies are acceptable to the people. That was the only reason why we are all here today, and that was the only reason why we are in almost complete control of this august House. There is no other reason and it is futile for the Member for Kepong to see the reasons for his party's defeat elsewhere other than his own faults and his own shortcomings. The rules of the game had been accepted by all. We won and they lost. The losers should take their defeat in good grace. We won not because we had the money or the organisation; nor did we win because we were in control of power both at State and Central level. To attribute our victory to our own strength and resources is to belittle the intelligence and the power of the people. Far more powerful giants have fallen at the hands of the voters elsewhere. Now, Mr Speaker, Sir, we won because our policies coincide

with the political, economic, cultural and social aspirations of the multi-racial population of this country.

Sekarang saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan ucapan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, dan saya quote:

"The Barisan Nasional has accused SNAP of many allegations. We in our turn, as I am doing now, accuse them of many others. We have a right to express our views, as they have a right to express theirs. But the public, Mr Speaker, Sir, have the right to know the truth. Let the Commission point out who is at fault".

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat telahpun mengetahui siapa yang benar dan siapa yang salah. Rakyat telah memberikan keputusan mereka mengundi Barisan Nasional untuk memegang tampuk kekuasaan di Sarawak.

Kerajaan akan membentuk Suruhanjaya penyelidikan dalam apa juga perkara menurut pertimbangannya sendiri, berdasarkan kepentingan umum. Secara tidak langsung, Ahli Yang Berhormat dari Kanowit itu telah mengakui bahawa partinya mungkin membuat kesilapan-kesilapan yang perlu diselidiki oleh sebuah Suruhanjaya Umum. Sebenarnya perkara itu tidak perlu diselidiki kerana diketahui oleh rakyat. Rakyat tahu betapa SNAP berkempen atas fahaman perkauman yang sempit, berkempen dengan melaga-lagakan suku Dayak dan suku bumiputra yang lain, berkempen dengan membangkitkan rasa kedaerahan Sarawak untuk menentang apa yang dikatakan oleh mereka sebagai kekuasaan dari Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini sudah menjadi public knowledge tanpa perlu disiasat dan diselidiki oleh sebarang Suruhanjaya Umum pun.

It is a measure of our tolerance that we did not act firmly under the circumstances against those groups within the SNAP who deliberately tried to foster hostility among the Bumiputras of Sarawak.

Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dukacita bahawa kepentingan Suku Iban tidak terbela selama ini maka saya ingin memberi jaminan kepadanya bahawa Kerajaan Pusat sentiasa memperlibatkan

simpatinya terhadap kaum bumiputra Sarawak dari apa Suku sekalipun, dengan menjalankan dasar-dasar yang konkrit untuk menjaga kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri dari Suku Iban duduk dalam Kabinet Kerajaan Pusat daripada semenjak terbentuknya Malaysia. Setiausaha Kerajaan Sarawak, Sarawak's top civil servant yang julung-julung kalinya anak tempatan dari semenjak Sarawak bergabung dalam Malaysia ialah dari Suku Iban, hinggalah hari ini. Dua orang Ketua Menteri Sarawak dari awal tahun 1963 hingga Julai tahun 1970, hampir 8 tahun, ialah dari orang Suku Iban. Orang-orang suku Iban mendapat privileges seperti juga bumiputra dari daerah-daerah pantai atau coastal areas.

Mr Speaker, Sir, the future of the Ibans lies not in their separateness from the rest of the Bumiputras. The solution to their problems lies not in isolating them from the rest of the Bumiputras, but in integrating them with the rest of the natives in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, it is, therefore, imperative that no attempt whatsoever, consciously or unconsciously, should be made to compartmentalise them into two mutually separate groups whose interests are irreconcilable. The Honourable Member for Kanowit would be doing a great disservice to his own community if he seeks the solution of the problems of the Ibans in their separateness and isolation from the rest of the bumiputras in Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperjuangkan oleh SNAP di bawah kononnya panji-panji Sarawak pada Sarawakian ialah sebenarnya Sarawak untuk orang-orang Iban. Inilah gejala yang patut di tentang oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit. Inilah bahaya yang mengancam political system kita. Gejala yang cuba dihidupkan oleh setengah-setengah element dalam SNAP, bukan semua dalam SNAP iaitu untuk membangkitkan rasa persaingan (a feeling of separateness) bukan a sense of belonging, dari suku Iban terhadap golongan bumiputra yang lain.

Mr Speaker, Sir, political polarisation along communal lines pasti berlaku kalau sekiranya setengah-setengah anasir dalam SNAP terus meniupkan fahaman separateness dan bukan fahaman integration dari suku Iban terhadap golongan bumiputra yang

lain di Sarawak dan fahaman separatism Sarawak dari seluruh negara Malaysia. Sarawak adalah satu bahagian yang integral dari Malaysia. Membangkitkan fahaman Sarawak for the Sarawakians dengan meniupkan dengan semangat memusuhi apa yang mereka katakan sebagai "blue-eyed boys who are the stooges of Kuala Lumpur", tidak akan menolong kita melahirkan satu negara yang bersatu-padu yang terdiri dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Suku-suku kaum yang mendiami daerah pantai yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit itu are as much a backward community who had been grossly neglected by the British as the Ibans in the interior.

Kedua-duanya perlu pembelaan; the upliftment of the people in the coastal areas cannot be carried out at the expense of the people in the interior or vice versa. To blame one for exploiting the other is to misunderstand the real enemy of the impoverishment of both the Malays and the Ibans in Sarawak.

The Honourable Member for Kanowit has unknowingly perhaps played the colonialist game. Is there a Malay compradore class in Sarawak? Do they constitute the middle class in Sarawak? Are they responsible for the exploitation of the people in the interior? The Honourable Member for Kanowit came dangerously to accusing the people in the coastal areas of being the masters in Sarawak, but the fact remains, as the Honourable Member should know, that the Malays are as much the economically depressed community in Sarawak as the Ibans.

Tuan Yang di-Pertua, yang demikian janganlah kita saling tuduh-menuduh siapa yang menganiayai siapa, atau siapa yang memeras dan menguasai siapa. The fact is that neither are masters of their own destiny. Dan hanya mengintegrate mereka itu sebagai golongan bumiputra maka kita dapat menguasai kembali nasib kita di masa hadapan. Sampai kita mewujudkan satu integrated bumiputra force, bilangan kita tidak sangat besar, sebab itu baiklah kita bersatu-padu antara satu sama lain dan antara kita dengan rakyat Malaysia yang berketurunan lain.

Membahagikan bumiputra mengikut suku hanya melemahkan lagi tenaga politik kita yang sudah tidak begitu kuat seperti sewajarnya.

Mr Speaker, Sir, they—the coastal natives and the natives in the interior—shared the same experience of political, economic, cultural and social subjugation under the colonial system and this common experience should be the binding force to unite them in their struggle for a better future within Malaysia.

Saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit iaitu memandang problems kemelaratan poverty dan kemunduran kaumnya dari segi yang lebih luas, memandang problems Sarawak dari segi yang lebih luas dan lebih lebar. Masa hadapan suku Iban terjalin erat dengan masa hadapan bumiputra yang lain di Semenanjung Malaysia dan di Sabah. Masa hadapan Sarawak terjalin erat dengan masa hadapan Malaysia. Kepentingan Sarawak dalam perusahaan minyak di masa hadapan saya yakin akan terkawal. After all, Menteri Perusahaan Utama dahulu ialah seorang anak watan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kanowit itu tidak perlu bimbang terhadap masa hadapan kaumnya dan terhadap masa hadapan Sarawak. Nasib mereka terjalin erat dengan nasib bumiputra di Sabah dan nasib bumiputra di Semenanjung Malaysia Barat atau Peninsular Malaysia. Nasib Sarawak terikat erat dengan nasib Malaysia pada di masa hadapan. Tetapi masa hadapan kita hanya dapat di perjuangkan kalau sekiranya kita berganding bahu bersama-sama mendukung Kerajaan yang telah membuktikan dirinya sebagai sebuah Kerajaan yang progressive, dinamis dan demokratik. Tidak ada alternative lain kepada golongan bumiputra untuk memperjuangkan masa hadapannya kecuali dengan menyokong Kerajaan, Barisan Nasional, yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana golongan bumiputra yang lain, maka suku Iban juga harus menyambut cabaran masa hadapan dengan menyesuaikan dirinya dengan nilai-nilai baru yang perlu di anuti untuk kemajuan di masa hadapan. Dan dengan menggabungkan dirinya sepenuhnya dengan memperjuangkan bumiputra yang lain untuk masa hadapan mereka, dengan mempertalikan kepentingan mereka dan masa hadapan mereka dengan kepentingan golongan bumiputra yang lain. Saya percaya suku Iban akan mencapai kemajuan yang

akan di banggakan oleh anak-cucu kita pada masa hadapan kelak.

Saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit supaya merenungkan pandangan saya ini dengan hati dan fikiran yang terbuka, dengan kejujuran dan keikhlasan seorang yang mengingini kemajuan untuk sukunya sendiri dan rakyat bumiputra yang lain seperti Yang Berhormat dari Kanowit sendiri, saya, Tun Abdul Razak, Datuk Hussein Onn dan Edmund Langgu. Masa hadapan kita sama. Kita naik sekali dan kita jatuh pun sekali.

7.19 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, criticism dan syor-syor mengenai Kementerian saya. Di samping saya berucap di dalam Bahasa Malaysia, saya juga ingin memohon kebenaran berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi jawapan-jawapan dan ulasan-ulasan mengenai Kementerian saya, saya rasa sebagai seorang wakil dari Negeri Sarawak dan juga sebagai seorang bekas Menteri Kerajaan Negeri Sarawak maka memanglah menjadi kewajipan dan juga saya rasa I am unduly-bound untuk mengulas memberi penjelasan-penjelasan atas tuduhan-tuduhan yang telah diberikan ataupun dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit pada minggu yang lepas. Dukacitanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari SNAP tidak dapat menunggu di dalam Dewan ini untuk mendengar dengan sendirinya jawapan-jawapan, cabaran-cabaran, bukti-bukti yang akan saya jelaskan untuk menafikan allegation-allegation yang dibuatkan mereka terhadap Kerajaan negara kita.

Sebagai wakil yang berasal dari Negeri Sarawak, saya tidak merasa hairan bahawa tuduhan-tuduhan liar yang dibuat oleh ahli-ahli SNAP adalah merupakan satu permainan biasa daripada pihak mereka seperti di masa-masa yang lepas baik di Dewan yang mulia ini mahu pun di dalam Council Negeri, Negeri Sarawak. Sebagai seorang anak Sarawak yang jati dan juga pernah memegang jawatan Menteri Negeri Sarawak, seperti saya kata tadi adalah menjadi tugas

dan tanggungjawab saya untuk membetulkan kekeliruan-kekeliruan dan anggapan-anggapan yang salah atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan dan telah dikemukakan dengan suara yang lantang oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka dan tidak ingin sekali-kali hendak bercakap mengenai satu-satu issue yang berbau perkauman. Akan tetapi saya tidak dapat mengelak kerana tuduhan-tuduhan yang berupa mischievous yang telah dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Perkara yang maha penting saya perlu bangkitkan ialah tentang soal mendiskriminasikan kaum-kaum yang tertentu di Negeri Sarawak seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit. Kita pun telah mendengar dengan terang satu perkara yang anih ditimbulkan dan yang saya percaya dibuat dengan niat tidak baik dan niat yang tidak jujur tentang mengadakan definisi-definisi iaitu definisi-definisi baru atas kaum bumiputra, iaitu kita telah mendengar istilah-istilah bumiputra Melayu dan bumiputra yang bukan Melayu. Kononnya Kerajaan memberi keutamaan yang lebih kepada bumiputra-bumiputra Melayu dan mengeneipikan atau menganaktirikan bumiputra yang bukan Melayu iaitu Kaum Iban dan lain-lain. Tuduhan-tuduhan ini bukan sahaja liar dan tidak berasas akan tetapi saya percaya dibuat dengan niat jahat bagi tujuan politik semata-mata untuk kepeninggan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bernasib baik kerana mempunyai peluang untuk berkhidmat kepada rakyat di Negeri Sarawak di bawah pimpinan dinamis Ketua Menteri Sarawak sejak beberapa tahun yang lepas. Dasar Kerajaan Negeri Sarawak adalah jelas dan jujur semata-mata, semata-mata jujur iaitu untuk membangunkan Negeri Sarawak supaya mencapai kemajuan yang seluas-luasnya sekurang-kurangnya setanding dengan negeri-negeri yang lebih maju dalam Malaysia ini. Kami tidak sekali-kali berniat untuk memajukan satu-satu kaum yang terdapat di Negeri Sarawak. Kami sentiasa sedar dan tidak pernah mengeneipikan perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Sarawak dan juga cita-cita murni Dasar Ekonomi Baru yang berupa berpandu kepada Rukun Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit saya percaya dan saya mengetahui benar-benar bahawa beliau sendiri mengakui kaum bumiputra di Sarawak akan terus menerus menerima layanan-layanan istimewa yang diberikan oleh Kerajaan. Ini telah kami lakukan dan Kerajaan Negeri Sarawak akan meneruskan dasar ini iaitu dasar memberi keutamaan kepada kaum bumiputra untuk beberapa masa lagi. Tuduhan-tuduhan serta dakwaan-dakwaan oleh Yang Berhormat dari Kanowit tentang penindasan atau diskriminasi terhadap Kaum Iban sehingga menggulungkan mereka sebagai satu kelas bumiputra yang berasingan telah memeranjat dan mengecewakan saya. Ini bukan sahaja tuduhan-tuduhan liar dan palsu, tetapi juga cakap-cakap yang merbahaya yang boleh menimbulkan akibat-akibat buruk samada dari segi saikolojikal, dari segi political dan racial yang boleh mendatangkan bencana yang tidak diingini kepada rakyat Sarawak yang cintakan keamanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menjelaskan bahawa baik dari segi dasar mahupun pelaksanaan dasar-dasar ini, Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa memberi peluang yang sama kepada semua rakyat bumiputra di Negeri Sarawak. Ini bukan sahaja berjalan setelah diadakan Dasar Ekonomi Baru bahkan bertahun-tahun sebelum itu. Dengan itu untuk tuduhan-tuduhan bahawa Kaum Iban, Kaum Bidayu, Kaum Melanau dan lain-lain lagi diketepikan atau didiskriminasikan oleh Kerajaan adalah satu perbuatan tidak baik dan mempunyai niat yang jahat. Dengan ini saya ingin menegaskan bahawa racialism adalah samasekali ditegahkan di Sarawak. Ini adalah politik serong atau—politik yang merbahaya dan kami tidak berpegang kepada sikap dan perbuatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan kedustaan tuduhan-tuduhan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, saya mempunyai beberapa bukti, saya mempunyai statistik dan kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa bumiputra di Sarawak mendapat peluang yang sama tidak kira kaum atau asal usul mereka. Sebagai bukti yang paling jelas, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kanowit sendiri pernah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang menghantar beliau belajar pelajaran lanjutan ke seberang

laut untuk menuntut ilmu dalam Master of Business Administration. Ini dengan tujuan supaya beliau sebagai anak bumiputra mengikut terminologinya, yang bukan Melayu dapat menjalankan, mengetuakan bahagian-bahagian perdagangan dan perusahaan, dan juga dengan pertolongan itu ia begitu pandai bersendiwara di dalam Dewan ini. Bukan sahaja Kerajaan Negeri Sarawak tidak mengenakan syarat-syarat ataupun syarat-syarat tertentu sehingga ia dapat berhenti dari jawatan Kerajaan dengan tidak payah berkhidmat dengan Kerajaan bagai tempoh tertentu yang dikenakan kepada penuntut-penuntut lain. Ini merupakan satu concession yang besar kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagai bukti yang kedua Kerajaan Negeri Sarawak dengan bantuan Kerajaan Pusat telah membuka beberapa Rancangan Kemajuan Tanah untuk memberi kemakmuran kepada rakyat, meninggikan pendapatan mereka dan meninggikan taraf hidup mereka.

Umpamanya, rancangan-rancangan seperti di Sekrang, di Triboh, di Melugu, Meradong, Lambir, Lubai Tengah dan Sebetik. Di sini saya mengambil peluang memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hampir kesemua beribu-ribu peserta di Rancangan-rancangan Kemajuan Tanah di Sarawak adalah dipenuhi oleh kaum Iban. Di mana letaknya ataupun asasnya tuduhan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Adakah ini mencerminkan diskriminasi terhadap mereka? Yang perlu kita tinjau dan fikirkan, dan difikirkan baik-baik ialah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dan sepatutnya kita memberi terima kasih kepada Kerajaan kerana menitikberatkan kepentingan kaum bumiputra di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita renung pula dalam bidang bantuan Kerajaan Negeri di dalam bidang scholarship ataupun biasiswa. Di peringkat Negeri, local scholarship bilangan biasiswa-biasiswa yang diberi kepada kaum Iban dan bumiputra yang lain iaitu kaum bumiputra bukan Melayu berjumlah 536 semuanya, manakala bumiputra Melayu hanya 265. Bagaimana bagi biasiswa untuk belajar di Semenanjung Malaysia. 163 biasiswa diberi kepada kaum Iban dan bumiputra yang lain dan hanya 155 sahaja kepada orang-orang Melayu.

Mengenai biasiswa di peringkat ijazah iaitu degree courses, rasionya ialah 28: 19.

Pinjaman (loan) pula, rasionya 15 Iban dan bumiputra lain: 8 Melayu. Adakah ini semua mencerminkan diskriminasi?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pinjaman-pinjaman wang yang diluluskan oleh S.E.D.C. Negeri Sarawak untuk projek-projek getah, kelapa, lada hitam, ternakan ayam dan babi, farmmicanization perdagangan dan perusahaan dan lain-lain lagi. Ini juga mencerminkan dasar dan sikap Kerajaan Negeri Sarawak. Ini dapat kita lihat iaitu jumlah pinjaman yang diberi kepada kaum bumiputra yang bukan Melayu iaitu Iban, Bidayoh, Melanau dan lain-lain ialah 976; yang diluluskan kepada orang Melayu hanya 359. Begitu juga mengenai tender-tender pembekalan barang makanan ke sekolah-sekolah dan hospital-hospital. Setakat yang saya tahu bagi tender yang lepas, pemborong-pemborong kaum Iban telah mendapat 100% tender yang dikemukakan oleh mereka. Dan Kerajaan Negeri menyediakan beberapa tapak-tapak kedai di kawasan-kawasan yang tertentu khas untuk ditenderkan di kalangan kaum bumiputra di tempat-tempat seperti Lubok Antu, Belaga, Kapit, Kanowit, Song dan lain-lain tempat lagi. Kebanyakan tempat-tempat itu penduduknya ialah kaum Iban.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini tidak perlu saya membangkitkan lagi perkara-perkara ini dan menumpukan kepada perkara-perkara rumit yang tidak sihat sehingga memecahbelahkan kaum bumiputra dengan membahagikan mereka yang mana satu Iban, yang mana satu Melayu, Bidayoh dan lain-lain. Dan saya ingin menasihatkan Ahli-ahli daripada SNAP supaya mengelakkan daripada membuat tuduhan-tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab yang boleh mendatangkan akibat yang tidak baik dan mengancam rancangan-rancangan Kerajaan untuk membangunkan Negeri Sarawak.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional bahawa semua bumiputra samada mereka dari suku Iban, Melayu, Melanau, Penan dan lain-lain lagi diberi layanan yang saksama.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the allegation by the Honourable Member for Kanowit echoed the election theme and tactics adopted by SNAP during the recent general elections. He has chosen to continue the racial fight right up to this sacred House.

To me, this is most unfortunate, as we deplore racialism in whatever form.

Mr Speaker, Sir, I would urge upon all Members of this House to refrain from raising racial issues and to loudly and in one voice condemn racialism.

Kerajaan Negeri Sarawak telah dituduh menggunakan pegawai-pegawai Kerajaan dalam masa pilihanraya yang lalu. Ini saya rasa adalah satu tuduhan yang tidak adil dilemparkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang mana mempunyai satu reputation, mempunyai satu integrity yang baik. Saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai bekas seorang Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju atas nama baik dan kejujuran Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

Mengenai soal pilihanraya di mana Ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahawa SNAP tidak mempunyai access kepada press, saya adalah sangat-sangat terperanjat mendengarnya, kerana jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat membaca surat-surat khabar keluaran Sarawak dalam bulan pilihanraya di Sarawak, Ahli-ahli Yang Berhormat seringkali bosan mendengar dan membaca statement-statement yang begitu panjang dan sentiasa dikeluarkan oleh pihak SNAP. Ini telah menunjukkan dengan nyatanya sejauh mana fabrikasi dan tuduhan-tuduhan yang lain yang telah dibuat oleh SNAP terhadap Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli yang Berhormat dari Saratok telah menyentuh tentang pelarangan kemasukan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ke Kuching. Saya tidak berniat untuk membincangkan sebab-sebabnya beliau hendak masuk ke Sarawak, kerana ini telahpun diterangkan, akan tetapi apa yang menarik perhatian saya ialah statement yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok itu, dan katanya Ahli Yang Berhormat dari kota Melaka adalah diterima datang ke Negeri Sarawak supaya beliau dengan sendirinya menyaksikan keadaan rakyat di Sarawak supaya dapat dia mengemukakan perkara-perkara mengenai mereka iaitu orang-orang dalam negeri Sarawak dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mengerti apa tujuannya itu. Adakah ia bermakna bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari SNAP tidak mempunyai kebolehan

untuk bercakap dan mengemukakan perkara-perkara mengenai rakyat di Sarawak di dalam Dewan yang mulia ini? Saya anggap ini mengecil-gecil kebolehan wakil-wakil rakyat daripada SNAP.

Sekarang saya ingin memberi ulasan mengenai syor-syor yang telah ditimbulkan mengenai Kementerian saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian saya, terutama sekali tentang masaalah-masaalah pentadbiran tanah yang pernah dibangkitkan di masa-masa yang lalu dalam Dewan yang mulia ini. Berkenaan dengan perkara-perkara tanah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Menglembu dan Tanjong Malim, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melicinkan lagi pentadbiran tanah. Pegawai-pegawai Tanah telah diberi latihan bagi mempercekapkan lagi mutu pekerjaan mereka. Pasukan-pasukan Petugas (task force) telah ditubuhkan bagi membantu pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan beberapa kawasan dalam pentadbiran tanah.

Berkenaan dengan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Permatang Pauh tentang nilai atas tanah-tanah yang diambil balik oleh Kerajaan, perkara ini diambil perhatian dan akan saya menghubungi pihak-pihak Kerajaan Negeri. Berkenaan dengan tanah reserve Melayu yang sekarang ini perlu dibuat di hadapan Pemungut Hasil Tanah mengikut Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh perkara ini akan dikaji dengan halus mengenai implikasi-implikasinya.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengesyorkan supaya rancangan tanah dibuka secara perkongsian (communal basis). Ini sememangnya dijalankan dan telah dilaksanakan oleh FELDA dan FELCRA. Peserta-peserta diberi saham atas tanah-tanahnya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan tentang kelewatan-kelewatan (delays) meluluskan permohonan-permohonan tanah ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

7.41 mlm.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya Kementerian Perhubungan adalah sebuah Kementerian yang boleh dikatakan dalam negara kita Malaysia yang kita kasihi ini negara yang sedang membangun, perhubungan adalah penting, kerana pembangunan yang pesat dalam negara kita dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dikatakan tidaklah banyak masalah-masalah yang ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai masalah-masalah talipon, masalah pejabat pos, masalah keretapi dan lain-lain yang mana saya menerangkan dan menghuraikan di dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana Kerajaan kita bagi masa yang akan datang ialah action-oriented.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah membangkitkan tentang keadaan perhubungan talipon di kawasan Sungai Siput. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sebuah ibusawat talipon angka silang 400 talian telah dicadangkan untuk kawasan Sungai Siput. Bangunan untuk ibusawat dan bangunan untuk ibusawat ini baru sahaja siap dan peralatan talian telahpun diterima serta kerja-kerja pemasangan akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Adalah dijangka bahawa ibusawat baru ini akan siap untuk memberi perkhidmatan penduduk-penduduk di kawasan Sungai Siput pada bulan Mei, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan pejabat pos yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, saya suka menjelaskan bahawa sebuah pejabat pos gantian bagi Batu Pahat akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan cara bersama dengan pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Tapak pejabat pos yang ada sekarang ini adalah terlalu kecil untuk menempatkan jenis pejabat pos yang diperlukan pada masa ini dan masa hadapan. Tambahan pula tanah yang dicadangkan di kawasan Batu Pahat itu adalah jauh lebih mahal untuk diperolehi. Oleh itu, Jabatan Pos telahpun mencadangkan kepada pihak UDA bahawa UDA hendaklah mengusahakan semula tapak pejabat pos yang ada sekarang ini

dengan membina sebuah bangunan yang bertingkat dan memberikan tingkat bawah kepada Jabatan Pos untuk kaunter pejabat pos dan UDA juga hendaklah membina sebuah pejabat yang berasing jauh daripada pusat bandar di atas tanah yang lebih murah. Pihak UDA berminat dengan cadangan ini dan pada masa sekarang sedang mengkaji dan kemungkinan peraturan dengan pihak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya suka menjelaskan bahawa pada masa ini telah ada rancangan untuk menukarkan ibusawat talipon di Kuala Selangor dari manual kepada automatic. Dengan penukaran ini Tanjong Karang akan mendapat perkhidmatan talipon dail terus, kerana alat talipon Tanjong Karang bersambung dengan Kuala Selangor. Disamping itu juga ibusawat Tanjong Karang yang pada masa ini mempunyai 75 talian akan ditambah kepada 100 talian.

Ahli Yang Berhormat yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dari Sandakan mengenai masalah talipon juga, saya suka menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini rancangan telahpun dibuat bagi membina sebuah ibusawat baru yang mengandungi 6,000 talipon bagi Sandakan dan kawasan di sekitarnya. Dengan adanya ibusawat yang baru ini Sandakan akan menjadi ibusawat pusat (group center) bagi kawasan tersebut dan dengan ini akan dapat menambah keupayaan (capacity) bagi kawasan tersebut. Disamping itu juga ada rancangan untuk menambah trunk junction daripada Sandakan ke Kota Kinabalu, Tawau dan Lahat Datu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara-perkara talipon di sana juga, saya suka menyatakan rancangan sedang diatur untuk menambah talian talipon dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur.

7.48 mlm.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Dr Neo Yee Pan):

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah membahaskan atas perkara bekalan letrik yang pada masa sekarang telah menjadi satu bahagian di Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknoliji dan Penyelidikan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit-sebanyak atas bekalan letrik di luar bandar. Di sini sukalah saya mengambil kesempatan untuk memberi beberapa penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bekalan letrik yang menjadi salah satu daripada kemudahan-kemudahan sosial yang penting belum lagi dibekalkan ke beberapa buah kampung. Bagi menjawab satu pertanyaan mulut di Dewan ini pada 7hb November baru-baru ini, saya telah memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat syarat-syarat logistika bagi mengadakan bekalan letrik untuk kampung-kampung. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengulangkan sekali lagi syarat-syarat tersebut. Projek-projek bekalan letrik ini adalah mengikut ketutamaan. Projek-projek yang diutamakan oleh Majlis Tindakan Daerah adalah dikemukakan kepada Kementerian saya melalui Majlis Tindakan Negeri dan Pegawai Kemajuan Negeri, kemudian projek-projek yang diluluskan akan dilaksanakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara.

Ahli Yang Berhormat dari batu Pahat telah menyuarakan perkara bekalan letrik dari Batu Pahat ke Pekan Rengit di mana dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga dahulu telah menyatakan persetujuannya terhadap projek itu yang dijanjikan akan disiapkan dalam tahun ini. Kerajaan Pusat telahpun memberi kelulusan atas projek tersebut itu. Akan tetapi, kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri Johor belum lagi diperolehi dan perundingan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor adalah sedang dijalankan supaya projek tersebut itu dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan yang di-Pertua, berkenaan dengan bekalan letrik bagi Pasir Akar, Alor Keladi dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari besut, sukalah saya memberitahu bahawa projek letrik bagi Kampung Pasir Akar dan Alor Keladi telah diluluskan dan akan menelan perbelanjaan sebanyak \$460,000. Walau bagaimanapun projek-projek tersebut itu telah tergendala pembinaannya yang disebabkan oleh kesulitan-kesulitan bagi mengadakan rentis

untuk talian penghantaran. Meskipun adanya kesulitan-kesulitan seperti itu pihak Kerajaan berusaha untuk menyampaikan kemudahan bekalan letrik kepada penduduk-penduduk di kawasan itu. Perkara bekalan letrik juga dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani di mana beliau telah mengumumkan bahawa kampung-kampung di kawasan Sungai Petani tidak dapat bekalan letrik walaupun wayernya sudah dipasang lebih dari setahun. Apa yang telah dinyatakan keadaan seperti ini ialah kekurangan wayer bersalut (P.V.C.) yang tidak diperolehi dengan sepenuhnya daripada firma-firma tempatan yang telah lama dipesan.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini seperti Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Permatang Pauh, biarlah saya memaklumkan bahawa ada beberapa kesulitan yang dihadapi oleh pihak Lembaga Letrik Negara. Kesulitan-kesulitannya adalah seperti berikut:

- (1) Kekurangan barang-barang pembinaan :
 - (a) Tiang-tiang kayu masih belum dapat dibekalkan dengan sepenuhnya oleh pembekal-pembekal tempatan; tiang-tiang konkrit sukar diperolehi kerana kekurangan bahan besi yang perlu untuk membuatnya;
 - (b) wajar alimunium tidak bersalut dan juga jenis bersalut (P.V.C.) masih tidak diperolehi dengan sepenuhnya daripada firma tempatan yang telah lama dipesan;
 - (c) switch gear 11 kilovolts dan alat-ubah yang dipesan dari seberang laut terlewat sampainya sebelum 6 bulan atau lebih oleh sebab kekurangan di seluruh dunia. Adalah ditegaskan di sini bahawa sebaik sahaja bahan-bahan tersebut diterima pihak Lembaga terus menggunakan dan pembinaan dijalankan sepanjang mana barang yang ada.
- (2) Sukar mendapat kebenaran izin lalu dan menebang pokok-pokok.
- (3) Sukar mendapat tempat tanah untuk mendirikan pencawang switch station (setesyen janaletrik) luar bandar.
- (4) Bilangan projek-projek yang diluluskan telah berlipat ganda dari setahun ke setahun juga menyebabkan kekurangan bahan-bahan pembinaan.

Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan dan Lembaga Letrik Negara boleh menjayakan rancangan bekalan letrik luar bandar yang telah dirancang di dalam Rancangan Malaysia kedua untuk seluruh Semenanjung Malaysia sekiranya kesulitan-kesulitan yang disebutkan di atas dapat diatasi. Untuk melaksanakan semua projek-projek yang semakin bertambah, pihak Kerajaan dan Lembaga senantiasa menumpukan perhatian dan usaha sepenuhnya supaya projek-projek dapat berjalan dengan licin dan sempurna dan sehingga semua kampung mendapat bekalan itu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Ke

bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 3.15 petang esok, 12hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.57 malam.